

# **BAB**

## **PENDAHULUAN**

### **A. Pengenalan**

Dalam pengenalan ini, penulis menggambarkan secara umum tentang penulisan disertasi ini yang mempersembahkan beberapa bahagian tunjuk. Tunjuk-tunjuk yang akan dibahas ialah latar belakang kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, masalah kajian, tinjauan kajian terdahulu (*literature review*).

### **B. Latar Belakang Kajian**

Sejak wujudnya kehidupan di muka bumi ini, manusia sebagai khalifah dan makhluk sosial yang saling memerlukan kerjasama antara satu dengan lainnya, maka aktiviti manusia itu sangat penting untuk melangsungkan kehidupan. Aktiviti manusia yang saling memerlukan antara satu dengan lainnya telah melahirkan sistem pertukaran barang dan pelbagai perkhidmatan, sama ada dalam kehidupan individu mahupun masyarakat. Selari dengan semakin majunya peradaban manusia, maka sistem pertukaran pun turut berkembang daripada sistem yang paling sederhana kepada bentuk moden yang wujud pada hari ini.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Merzagamal (2006), “Islam dan Ilmu Ekonomi” dalam **Akbar Republika**, pada 7 September 2006, h. 2.

Wujudnya keinginan manusia yang sama terhadap keperluan ekonomi telah melahirkan kegiatan ekonomi, sehingga ilmu ekonomi<sup>2</sup> terlahir dengan bertujuan menciptakan kesejahteraan pada masyarakat. Sedangkan kesejahteraan itu sendiri bermaksud segala sesuatu yang memiliki nilai dan harga sama ada ia berupa barang atau perkhidmatan yang telah dijual mahupun dikeluarkan.<sup>3</sup>

Walaupun terdapat persamaan keinginan memenuhi keperluan ekonomi, tetapi manusia dalam mencapai kesejahteraan dan melakukan pengagihan itu mempunyai cara berbeza-beza berdasarkan kepada falsafah hidup masing-masing. Berdasarkan hal tersebut, maka muncul pelbagai bentuk sistem dan amalan ekonomi yang mendapatkan pengaruh falsafah, agama, ideologi dan kepentingan politik.<sup>4</sup> Jadi sistem ekonomi yang ada dan telah diamalkan di seluruh dunia iaitu kapitalisme, sosialisme, fasisme, komunisme dan ekonomi Islam.<sup>5</sup>

---

i.<sup>2</sup> Ilmu ekonomi ialah ilmu pengetahuan yang mempelajari perilaku manusia untuk mencapai kesejahteraan dan mengagihkannya di kalangan kumpulan masyarakat yang berbeza, sebagai hubungan antara tujuan dan keinginan dengan memanfaatkan pelbagai instrumen yang lengkap. Lihat: Alfred Marshall (1980), **Principles of Economics**, 8<sup>th</sup> Edition, London: MacMillan and Co. Limited, h. 1. Lihat: H.J. Ahuja (1960), **Advanced Economic Theory**, 4<sup>th</sup> Edition, New Delhi: S. Chand & Company Ltd., h. 6-7. Lihat juga: Muhammad Abdul Manan (1987), **Islamic Economy: Theory and Practice**, Kent: Hodder and Stoughton, h. 31. Lihat: Syahrir (1995), **Formasi mikro-makro ekonomi Indonesia**, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia (UI-Press), h. 5. Lihat: Mubyarto (1987), **Ekonomi Pancasila: Gagasan dan Kemungkinan**, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES), h. 2.

<sup>3</sup>Muhammad Alim (2001), **Demokrasi dan Hak Asasi Manusia dalam Konstitusi Madinah dan UUD 1945**, Yogyakarta: UII Press, h. 10. Lihat: Saafroedin Bahar (1997), **Hak Asasi Manusia**, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 7.

<sup>4</sup>M.A. Mannan (1987), **Islamic Economic: Theory & Practice**, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, h. 3. Lihat: Achyar Eldine (2005), "Prinsip-Prinsip Ekonomi Islam" (kertas kerja seminar jurnal ilmiah tentang Ekonomi Islam di Universitas Ibn Khaldun Bogor, pada 4-6 Januari 2005), h. 1. Lihat: Mejar (B) Abu Dzarir Taharem & Mohd. Rasidi B. Abdullah (2001), **Ekonomi Islam Menurut Kehendak Tuhan**, Selangor Darul Ehsan: Minda Ikhwan, h. 31. Lihat: Moch. Faisal Salam (2006), **Pertumbuhan Hukum Bisnis Syariah Di Indonesia**, Bandung: Pustaka, h. 4. Lihat: Adiwarmen A. Karim (2001), **Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer**, Jakarta: Gema Insani Press, h. 14.

<sup>5</sup>*Ibid.*

Sistem kapitalisme<sup>6</sup> bersumberkan pemikiran Adam Smith yang telah menulis pelbagai buku tentang pemikiran dan aktiviti ekonomi. Beliau berpendapat bahawa motif manusia melakukan kegiatan ekonomi ialah atas dasar kepentingan peribadi yang berlandaskan pada falsafah liberalisme. Bahawa falsafah liberalisme ini telah melahirkan sistem ekonomi bebas sehingga pada akhirnya menjadi sistem kapitalisme.<sup>7</sup>

Dalam sistem kapitalisme ini boleh berlaku sistem persaingan bebas, iaitu sesiapa yang memiliki dan mampu menggunakan kekuatan modal (*capital*) dengan baik akan memenangi persaingan dalam perniagaan.<sup>8</sup> Oleh sebab itu, pada zaman moden ini, sistem kapitalis banyak ditemui ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat, kerana menjadikan golongan kaya selalu mengeksploitasi golongan miskin.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Kapital berasal dari perkataan Latin *caput* yang bererti kepala. Erti ini menjadi jelas misalnya dalam istilah pendapatan per kapita – pendapatan per kepala. Ia juga digunakan untuk *capital city* – bandar utama. Apa hubungannya dengan *capital* yang lain – yang sering kita terjemahkan sebagai modal. Menurut sejarah romawi kuno, bahawa kekayaan penduduk Romawi kuno dikira oleh berapa *kepala* haiwan ternak yang mereka miliki. Lihat: **The New Encyclopedia Britanica** (1985), vol. 1, Chicago: t.p., h. 718. Lihat: George Reisman (1998), **Capitalism: A Treatise on Economics**, Ottawa: Jameson Books, h. 110.

<sup>7</sup> Al-Labābidi (1987), **Ekonomi Islam: Suatu Perbandingan**, (terj: Yusof Ismail). Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 12. Lihat: Muhammad Abdul Manan (1987), *op. cit.*, h. 27-33. Lihat: Adiwarmanto A. Karim (2001), *op. cit.*, h. 17. Lihat juga: M. Sahari Besari (2003), “**Rekayasa dan Kapitalisme**” (Kertas Seminar Departemen Teknik Sipil-Institut Teknologi Bandung, pada 29 Mac 2003), h. 8.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Afzal-ur-Rahman (1980), **Economics Doctrines of Islam**, Vol.1, Lahore: Islamic Publications Ltd., h. 3-4. Lihat: Al-Labābidi (1987), *Op. cit.*, h. 13. Lihat: Syed Othman AlHabshi (1989), **Islam, Ekonomi dan Pengurusan**, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 24-27.

Selepas itu, sistem sosialisme muncul sebagai bantahan terhadap ketidakadilan sistem kapitalisme.<sup>10</sup> Berdasarkan sistem ini, pemimpin dipilih oleh masyarakat untuk menjaga dan memiliki sepenuhnya syarikat-syarikat awam yang penting serta menghapuskan kepemilikan swasta. Dengan erti lain, sistem sosialisme ialah sistem yang menyatakan bahawa pemilik mutlak seluruh aset yang ada ialah negara.<sup>11</sup>

Adapun komunisme ialah sistem yang sebenarnya memiliki tujuan yang sama dengan sosialisme iaitu sebuah gerakan yang bersifat ideologi dan juga ingin menghancurkan sistem kapitalisme.<sup>12</sup> Sistem komunisme beranggapan bahawa kemiskinan merupakan akibat daripada penindasan kaum kapitalisme terhadap kaum pekerja. Jadi persamaan kedua sistem itu hanya akan diperoleh apabila sistemnya berubah daripada sistem kapitalisme kepada sistem sosialisme. Hal ini, walaupun tujuan kedua-dua sistem sama, tetapi cara untuk mewujudkannya berbeza-beza sebab komunisme ialah bentuk yang paling ekstrem daripada sosialisme.<sup>13</sup>

Pendapat Karl Marx sangat mendasari sistem ini, ia menyatakan bahawa agama digunakan sebagai cara untuk menyokong kepentingan pihak yang

---

<sup>10</sup> Muhammad Abdul Manan (1987), *Op. cit.*, h. 27-33. Lihat: Adiwarmann A. Karim (2001), *Op. cit.*, h. 17. Lihat: M. Sahari Besari (2003) *Op. cit.*, h. 8. Lihat: Al-Labābidi (1987), *Op. cit.*, h. 21-24. Lihat: Syed Othman Alhabshi (1989), *Op. cit.*, h. 42-43.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

berkuasa.<sup>14</sup> Dalam keadaan ini, negara memiliki hak mutlak dan dapat bersikap memaksa dalam menjalankan polisinya terhadap sumber dan aktiviti ekonomi.

Sedangkan ilmu ekonomi Islam merupakan ilmu pengetahuan sosial yang mempelajari permasalahan ekonomi rakyat yang berdasarkan kepada nilai-nilai agama Islam.<sup>15</sup> Tidak dapat dinafikan, umat Islam percaya bahawa Islam merupakan suatu sistem kehidupan dan pedoman hidup (*way of life*) yang sempurna.<sup>16</sup>

Sebagai pedoman hidup, ajaran Islam terdiri daripada kaedah-kaedah yang mengandungi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Kaedah tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; akidah, akhlak dan syariah.<sup>17</sup> Oleh kerana itu, manfaat yang di ambil daripada sumber tenaga manusia dan sumber asli tidak

---

<sup>14</sup>*Ibid.*, h. 16-20. Lihat: Afzal-ur-Rahman (1980), *Op. cit.*, h. 4-6.

<sup>15</sup>M.A. Mannan (1987), *op. cit.*, h. 18. Lihat: Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), **Muslim Economic Thinking: A Survey Of Contemporary Literature**, Leicester. U.K.: The Islamic Foundation, h. 7. Lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), **Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia**, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 40. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), **Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26. Lihat: Agustianto (2005), “**Tonggak Kebangkitan Ekonomi Syariah**” dalam **Muktamar Pertama Ahli Ekonomi Islam Indonesia**, Medan:T.p., h. 3. Lihat: Zainal Arifin (2006), “**Artikel Prinsip-Prinsip Ekonomi Islam**”, [www.tazkiaonline.com](http://www.tazkiaonline.com), pada 20 Februari 2006. Lihat: Yūsuf Qardhāwī (1995), **Dār al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī**, Kaheerah: Muktabah al-Wahbah, h. 21. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), **The Economic Enterprise in Islam**, Lahore: Islamic Publication, h. 24. Lihat: Muhammad Syafi’i Antonio (2001), **Bank Syariah Dari Teori ke Praktik**, Jakarta: Tazkia Cendikia, h. 10.

<sup>16</sup>Sayyid Abū A'lā al-Maududi (1963), **Islamic Way of Life**, Lahore: Islamic Publications, h. 4. Lihat: Ari Soeseno (1998), **Zaman Islam Mendatang: Suatu kurun waktu di mana umat Islam di nusantara harus kembali sebagai umat Muhammad mewujudkan ikrarnya, mewujudkan 'baldatun thoyyibatun warobbun ghoffur'**, Jakarta: Ari Soeseno Press, h. 2.

<sup>17</sup>Akidah dan akhlak tetap, syariah berkembang disesuaikan dengan peradaban ummat, mengikuti masa Rasul. Lihat: Al-Quran surah al-Mā'idah (5): 48. Lihat: Muhammad Syafi’i Antonio (2001), *Op. cit.*, h. 4.

boleh lepas daripada kaedah-kaedah yang ada dalam sumber hukum utama ajaran Islam iaitu Quran dan hadis.<sup>18</sup>

Perbezaan antara ilmu ekonomi Islam dan moden dalam teori dan amalannya ialah:<sup>19</sup>

**a. Ekonomi Islam:**

- 1 Mempelajari bahawa manusia merupakan makhluk beragama dan sosial
- 2 Memenuhi kemahuan manusia yang terhad
- 3 Memenuhi kekurangan instrumen penyokong aktiviti ekonomi
- 4 Mempelajari masalah ekonomi
- 5 Menyediakan pilihan-pilihan lain berdasarkan nilai-nilai syarak
- 6 Melakukan pertukaran antara barangan dan perkhidmatan sesuai syarak
- 7 Kekuatan bukan pasaran yang berdasarkan Islam

**b. Ekonomi Moden:**

- 1 Mempelajari bahawa manusia merupakan makhluk sosial
- 2 Memenuhi kemahuan manusia yang tidak terhad
- 3 Memenuhi kekurangan instrumen penyokong aktiviti ekonomi
- 4 Mempelajari masalah ekonomi
- 5 Menyediakan pilihan-pilihan lain berdasarkan kepentingan individu

---

<sup>18</sup>Abdul Samad Bin Haji Alias, Nik Rahmat Kamarulzaman dan Renuka Bhupalan (1993), **Guide To Islamic Banking In Malaysia: An Overview**, Kuala Lumpur: Institut Bank-Bank Malaysia, h. 1.

<sup>19</sup>M. Umar Chapra (1985), **Towards a Just Monetary System**, Liecester: The Islamic Foundation, h. 154. Lihat: Deliarnov (1995), **Perkembangan Pemikiran Ekonomi**, Jakarta: Raja Garfindo Persada, h. 15. Lihat: Monzer Kahf (1995), **The Islamic Economy: Analytical of The Functioning of The Islamic Economic System**, (Penterjemah: Machnun Husein, **Ekonomi Islam: Study Analitik terhadap Fungsi Sistem Ekonomi Islam**), Cet. 1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 22. Lihat: Muhammad Abdul Manan (1987), *Op. cit.*, h. 32. Lihat: Zainal Abidin Ahmad (1979), **Dasar-Dasar Ekonomi Islam**, Jakarta: Bintang Terang, h. 3.

## 6 Pertukaran barangan dan perkhidmatan berdasarkan kekuatan pasaran.

Ekonomi Islam bermatlamatkan pada pengurangan kemiskinan. Oleh kerana itu, Islam menekankan keseimbangan antara pertumbuhan dan pemerataan yang mana terdapat empat sifat yang mendasari seluruh aktivitinya, iaitu:<sup>20</sup>

### 1. Keadilan.

Ekonomi Islam mampu mewujudkan keadilan ekonomi bahagi seluruh umat manusia. Oleh kerana itu, Islam menentang kezaliman, eksploitasi, penindasan, kemungkar, mengambil hak-hak orang lain serta meninggalkan kewajipan.<sup>21</sup> Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

Surah al-Syu'rā' (26): 183

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi".

---

<sup>20</sup>Syed Nawab Haider Naqvi (1981), **Ethics and Economics: An Islamic Synthesis**. Leicester, U.K.: The Islamic Foundation, h. 47. Lihat: Ahmed, Khurshid (1981), **Studies in Islamic Economics**, Leicester: The Islamic Foundation, h. 53. Lihat: Mubyarto (2002), "Penerapan Ajaran Ekonomi Islam di Indonesia" (Kertas Kerja Seminar, Fakulti Ekonomi, Universiti Indonesia, pada 19 Februari 2002), h. 1.

<sup>21</sup>M.A. Mannan (1987), *Op. cit.*, h. 18. Lihat: Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Op. cit.*, h. 7. Lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op. cit.*, h. 40. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op. cit.*, h. 26. Lihat: Agustianto (2005), *Op. cit.*, h. 3. Lihat: Zainal Arifin (2006), *Op. cit.*, h. 3. Lihat: Yusūf Qardhāwi (1995), *Op. cit.*, h. 21. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op. cit.*, h. 24. Lihat: Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 10.

## 2. Persaudaraan Universal

Ekonomi Islam tidak membezakan orang Islam dengan orang bukan Islam dan ini merupakan nilai sejagat ajaran Islam yang mana ajaran ini boleh digunakan oleh sesiapa pun dari masa ke semasa serta boleh diterapkan dalam pelbagai bidang dan keadaan.<sup>22</sup> Islam mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia seperti aspek ekonomi, sosial, budaya dan politik yang mana semuanya diatur dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿١٠٧﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Surah al-Anbiyā' (21): 107

Maksudnya:

”Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

## 3. Kesejahteraan Dalam Kerangka Nilai Moral Islam

Manusia sebagai khalifah di muka bumi ini, tidak mungkin mempunyai sifat individu atau bersendirian, sebab semua kekayaan yang ada di bumi hanyalah milik Allah SWT dan manusia ialah makhluk yang diberikan kepercayaan oleh Allah SWT untuk mentadbir bumi berserta isinya.<sup>23</sup> Ajaran Islam yang menjunjung tinggi kesamarataan dalam rangka meningkatkan

---

<sup>22</sup>Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op. cit.*, h. 44.

<sup>23</sup> Sohrab Behdad (2001), “**Hak Milik Harta dan Pendekatan Ekonomi Islam**”, Dalam Jomo K.S., **Alternatif Ekonomi Islam: Perspektif Kritis dan Haluan Baru**, (terj: Jomo K.S. & Shamsudin Ismail). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 83-85. Lihat: Syed Nawab Haider Naqvi, H.U. Beg, Rafiq Ahmad & Mian M. Naseer (2001), “**Prinsip-Prinsip Pembaharuan Ekonomi Islam**” Dalam Jomo K.S., *Op. cit.*, h. 173. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op. cit.*, h. 31.



kesejahteraan rakyat dilandasi oleh tanggungjawab kepada Allah SWT dan itu bersifat mutlak juga tidak boleh berlebihan dalam pola konsumsi.<sup>24</sup> Allah SWT berfirman dalam al-Quran iaitu:

لِلْمُقْرَّاءِ الَّذِينَ أَحْصَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي  
الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَطُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا  
يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِحْقَاقًا وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

Surah al-Baqarah (2): 273

Maksudnya:

”Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya.”

#### 4. Kebebasan Yang Bertanggung Jawab.

Manusia diberi hak untuk memanfaatkan semua apa yang ada di dunia sebagai pembawa amanah Allah SWT serta diberi kebebasan untuk mengambil karuniaNya sesuai dengan kemampuannya sehingga dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat lain. Allah SWT sahaja yang dapat menentukan had

---

<sup>24</sup> *Ibid.*

kebebasan (*free will*)<sup>25</sup> setiap individu supaya tidak merugikan hak-hak individu yang lain. Ini didasarkan kepada keyakinan bahawa semua faktor ekonomi termasuk diri manusia ialah kepunyaan Allah SWT dan kepadaNya segala urusan dikembalikan.<sup>26</sup>

وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ  
عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

Surah Hūd (11): 123)

Maksudnya:

“Dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepadaNya lah dikembalikan segala urusan. oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah kepadaNya. dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan”.

Allah SWT mengajarkan kepada umat Islam supaya selalu berkeyakinan dalam mencari rezeki dengan cara meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kesabaran dalam bekerja dan berusaha. Kesabaran adalah penting sebagai benteng mental dalam menghadapi keadaan yang tidak dikehendaki.<sup>27</sup> Sikap mental seperti ini ternyata amat efektif dalam menangani kerosakan nilai sosial dalam masyarakat. Islam juga memandang bahawa harta merupakan pelaburan dan instrumen untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan sesama manusia.

---

<sup>25</sup> Syed Othman Al-Habshi (1989), *Op. cit.*, h. 24-27.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Samingan Simon (2003), “**Konsep Sabar Menurut Islam**” (Kertas Kajian Pendidikan Islam di Sekolah Pusat Pendidikan Guru, Ampang Selangor, pada 22-28 Mei 2003), h. 1.

Bekerja merupakan hak dan juga kewajiban,<sup>28</sup> jadi hak dan kewajiban dalam bidang ekonomi bagi setiap individu disesuaikan dengan kemampuan yang dimilikinya<sup>29</sup> dan peranan mereka masing-masing dalam struktur sosial. Setiap individu memiliki hak dan peluang untuk mendapatkan keuntungan sesuai dengan kemampuan mereka.<sup>30</sup>

Islam menyeru kepada umat Islam supaya maju dalam segala aspek kehidupan termasuk kemajuan dalam bidang pembangunan ekonomi dan kewangan.<sup>31</sup> Islam menjadikan kemiskinan dan perbezaan sosial sebagai isu besar ekonomi yang bersifat kekal dan menyeluruh. Kerana kedua perkara tersebut wujud di mana-mana dan berlaku sampai bila-bila masa. Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk mengambil berat tentang perbezaan sosial dan ekonomi kerana perbezaan tersebut akan mewujudkan kesenjangan sosial antara orang kaya dan miskin sedangkan kemiskinan itu boleh mendekatkan kepada kekufuran.<sup>32</sup>

Oleh sebab itu, ilmu ekonomi Islam tidak hanya mempelajari individu dari sudut sosialnya sahaja tetapi juga mempelajari manusia sebagai makhluk yang beragama. Ekonomi Islam memiliki nilai-nilai normatif-imperatif yang

---

<sup>28</sup>Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op. cit.*, h. 23-24.

<sup>29</sup>Lutfia Syahroni (2006), "**Kisah Sahabat, Bekerja itu Indah**", *Majalah Islam Sabili*, pada 16 Pebruari 2006, h. 32.

<sup>30</sup> Syed Othman Alhabshi (1989), *Op. cit.*; h. 29.

<sup>31</sup>Joni Tamkin Borhan (2001), '**Peranan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam Dalam Pembinaan Ummah Bertmadun**' (Kertas Kerja Seminar, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akadami Pengajian Islam, University Malaya), h. 109.

<sup>32</sup> Nor Mohamed Yakcop (1996), *Op. cit.*, h. 16. Lihat: Syed Nawab Haider Naqvi, H.U. Beg, Rafiq Ahmad & Mian M. Naseer (2001), *Op. cit.*, h. 178.

berdasarkan nilai-nilai tauhid. Setiap tindakan ekonomi harus menggambarkan nilai moral yang baik dan memberi manfaat kepada manusia dan makhluk lainnya dengan tujuan hidup bahagia di dunia dan akhirat.<sup>33</sup> Kenyataan tersebut disokong oleh ciri ekonomi Islam iaitu:

- Melarang faedah (*riba*), urusan niaga yang bersifat tidak telus (*gharar*) dan spekulatif (*maysir*)<sup>34</sup> dan diwajibkan berzakat.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ  
 مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ  
 وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ  
 إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Surah al-Baqarah (2): 275

Maksudnya:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

<sup>33</sup>Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op. cit.*, h. 19.

<sup>34</sup>*Ibid.*

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ  
 وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ  
 الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Surah al-Ah $\square$ zāb (33):

33

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)”.

Perkembangan ekonomi Islam sendiri sangat cepat. Pelbagai kemajuan telah dicapai baik dalam bentuk kajian akademik di Universiti mahupun operasionalnya. Dalam bentuk kajian, ekonomi Islam telah dikembangkan di pelbagai Universiti, baik di negara-negara Islam mahupun di negara Barat. Misalnya di Britain, terdapat beberapa buah Universiti yang telah mengembangkan kajian ini seperti University of Durham, University of Portsmouth dan yang lainnya. Di Amerika sendiri, kajian ini dilakukan di University of Harvard, manakala Australia turut melakukan hal yang sama iaitu di University of Wologong.<sup>35</sup>

<sup>35</sup> Agustianto (2005), “Tonggak Kebangkitan Ekonomi Syari’ah”, Republika, pada 7 Disember 2005.

Penubuhan sistem perbankan Islam telah dipelopori oleh Bank Pembangunan Islam (*Islamic Development Bank*) yang ditubuhkan pada 20 Oktober 1975 dengan jumlah anggota 22 negara termasuk Indonesia dan Malaysia. Dasar penubuhan ini adalah kesedaran untuk mengimbangi sistem perbankan konvensional.<sup>36</sup>

Di Indonesia, perkembangan kajian dan amalan ilmu ekonomi Islam juga berkembang pesat. Kajian-kajian sudah banyak diselenggarakan di pelbagai Universiti Negeri mahupun Swasta. Sementara itu, dalam bentuk amalannya, ekonomi Islam telah berkembang dalam bentuk perbankan dan badan-badan kewangan ekonomi Islam.<sup>37</sup>

Pelopor perbankan syariah di Indonesia adalah Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang ditubuhkan tahun 1991, cadangan penubuhan bank ini diawalkan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan pemerintah serta sokongan dari Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) dan beberapa pengusaha Muslim. MUI pada 18-20 Ogos 1990 mengadakan loka karya bunga bank dan perbankan di Cisarua, Bogor, Jawa Barat.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> M.A.Mannan (1986), *Op. cit.*, h. 189. Lihat: Adnan M.Abdeen dan Dale N.Shook (1984), **The Saudi Financial System**, New York: John Wiley & Sons Ltd, h. 165. Lihat: Karnaen Purwataatmadja (1990), "Bank yang Beroperasi Sesuai Dengan Prinsip-Prinsip Islam", (Kertas kerja dalam Lokakarya Bunga Bank dan Perbankan, MUI, di Cisarua, Bogor 19-22 Agustus 1990), h. 15.

<sup>37</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op. cit.*, h. 25.

<sup>38</sup> *Ibid.*

Pada akhir tahun 1998, BMI sempat menerima kesan krisis moneter sehingga ekuitinya hanya berbaki satu pertiga dari modal awal.<sup>39</sup> Bank Pembangunan Islam (IDB) kemudian memberikan bantuan dana kepada BMI sehingga pada periode 1999-2002 dapat bangkit dan menghasilkan keuntungan. Saat ini keberadaan bank syariah di Indonesia telah di atur dalam undang-undang iaitu; UU No. 10 tahun 1998 tentang Perubahan UU No. 7 tahun 1992 tentang Perbankan.<sup>40</sup>

Hingga tahun 2007, terdapat tiga institusi bank syariah di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia, Bank Syariah Mandiri dan Bank Mega Syariah. Sementara itu bank umum yang telah memiliki unit usaha syariah adalah 19 bank antaranya Bank Negara Indonesia (BNI) dan Bank Rakyat Indonesia (BRI).<sup>41</sup>

Perbankan sebagai badan kewangan terpenting, memiliki kedudukan yang tepat dalam ekonomi Nasional. Dengan demikian, usaha pengembangan perbankan syariah perlu dilakukan secara berkesinambungan untuk meningkatkan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi. Perbankan syariah harus menjadi sebahagian daripada sistem perbankan yang bertujuan meningkatkan daya tahan ekonomi Nasional.<sup>42</sup> Bank yang beroperasi dengan prinsip syariah telah membuktikan bahawa pada krisis ekonomi, ia dapat bertahan menghadapi krisis pertukaran nilai dan tingkat kadar faedah yang tinggi.

---

<sup>39</sup> Adiwarmam A Karim (2001), **“Islamic Banking In Indonesia: Past, Present and Future”** (Kertas Kerja Seminar Islamic Banking and Finance di Hilton, Kuala Lumpur, Pada 26-27 Februari 2001), h. 1.

<sup>40</sup> Kompas, Pada 10 Mei 2007, “Perkembangan Perbankan Syariah di Indonesia”.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

Di antara bank syariah itu adalah Bank Syariah Mandiri (BSM) merupakan bank pertama yang membuat perubahan sistem operasi perbankan konvensional kepada sistem syariah di bawah Undang-Undang No.10 tahun 1998. Bank Syariah Mandiri (BSM) merupakan gabungan antara Bank Dagang Negara dan Bank Mandiri yang dirasmikan pada tahun 19 November 1999.<sup>43</sup>

Sebagai salah satu bank terbesar di Indonesia, BSM telah memiliki 256 cawangan yang beroperasi di 24 negeri di seluruh Indonesia pada tahun 2008. Adapun di Jawa Barat, ia memiliki 39 cawangan yang terdiri dari 7 pejabat cawangan, 12 pejabat cawangan pembantu, 1 buah unit pelayanan syariah, 13 pejabat kas, 6 pejabat pelayanan syariah.<sup>44</sup>

Jawa Barat dengan ibu negerinya Bandung merupakan salah satu negeri di wilayah Indonesia yang dipimpin oleh seorang Gubernur. Jawa Barat merupakan Negeri yang pertama dibentuk di wilayah Indonesia.<sup>45</sup> Negeri Jawa Barat dibentuk berdasarkan UU No.11 Tahun 1950, tentang Pembentukan Negeri Jawa Barat. Saat ini Provinsi Jawa Barat terdiri dari:16 Kabupaten dan 9 Kotamadya, 584 Kecamatan, 5.201 Desa dan 609 Kelurahan. Terdiri dari Bogor, Sukabumi, Cianjur, Cirebon, Indramayu, Kuningan, majalengka, Bekasi, Kerawang,

---

<sup>43</sup> Muhamad Syafi'i Antonio (2001), **Profil Lembaga Keuangan Syari'ah**, [www.tazkiaonline.com](http://www.tazkiaonline.com), Pada 1 Jun 2001.

<sup>44</sup> **Badan Pusat Statistik Jawa Barat**, <http://jabar.bps.go.id/dda2004.htm>, Pada 7 Jun 2007

<sup>45</sup> *Ibid.*



Purwakarta, Subang, Bandung, Sumedang, Garut, Tasikmalaya, Ciamis, Depok, Bogor, Sukabumi, Cimahi dan Banjar.<sup>46</sup>

Jawa Barat merupakan salah satu provinsi di Indonesia dengan alam dan pemandangan yang indah serta memiliki berbagai potensi yang dapat dimanfaatkan, antaranya sumber daya air, sumber daya alam, sumber daya hutan, sumber daya pantai dan laut serta sumber daya perekonomian.<sup>47</sup> Oleh kerana itu, Bank Syariah Mandiri hadir di seluruh bandar-bandar yang termasuk kawasan Jawa Barat untuk memberikan perkhidmatan kepada seluruh masyarakat dalam rangka meningkatkan perekonomian, mengelola sumber daya alam dan segala potensinya serta membebaskan diri dari *riba*.

BSM di wilayah Jawa Barat lebih mengutamakan perkhidmatan kepada masyarakat awam yang terdiri dari peniaga dan pengusaha kecil. Tujuan utama penubuhan BSM ini adalah meningkatkan kesejahteraan ekonomi golongan ekonomi lemah dan berpendapatan kecil, meningkatkan pendapatan per kapita mereka, menambah lapangan kerja, mengurangi urbanisasi serta membina semangat persaudaraan melalui kegiatan ekonomi.

Dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat kecil BSM menawarkan produk-produk yang memenuhi keperluan masyarakat seperti: *al-Mudhārabah*, *al-Bay' bī al-Thaman*, *al-Murābahah*, *al-Mushārah*, *al-Qard al-Hāsan* dan *al-Bay' al-Salām*.

---

<sup>46</sup>*Ibid.*

<sup>47</sup>*Ibid.*

Hasil penyelidikan yang dilakukan, BSM ini telah banyak memberikan bantuan kepada peniaga kecil untuk menambah modal ataupun pengembangan usaha mereka. Faktor lain yang menyebabkan masyarakat lebih tertarik berhubungan dengan BSM adalah kerana mudahnya urusan pembiayaan dan sistem bank yang ikut dalam menanggung kerugian apabila ia terjadi di luar jangkaan pengusaha.

Meskipun BSM sudah menunjukkan kesan kewujudannya terhadap dunia perbankan, tetapi BSM masih mengalami banyak masalah, antaranya masih banyak masyarakat yang masih takut untuk menabung di perbankan syariah disebabkan oleh terhadnya pemahaman mereka terhadap prinsip dan sistem ekonomi Islam di dunia perbankan. Ini merupakan kewajipan kita sebagai umat Islam yang faham untuk membantu sosialisasinya.

Melihat latar belakang itu, penulis tertarik untuk melakukan penyelidikan dan kajian lebih mendalam di Bank Syariah Mandiri (BSM) juga menganalisa tentang peranan bank dalam pembangunan ekonomi dan peranannya dalam meningkatkan ekonomi umat Islam di mana kajiannya dilakukan di Bank Syariah Mandiri (BSM) Jawa.

### **C. Permasalahan Kajian**

Adapun permasalahan kajian yang penulis kaji dalam disertasi ini adalah:

1. Bagaimana peran sistem ekonomi Islam sebagai sistem ekonomi alternatif dalam pembangunan ekonomi ummah Islam?.
2. Bagaimana konsep ekonomi Islam dan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi ummah?.
3. Bagaimana pelaksanaan instrumen perbankan Islam di Bank Syariah Mandiri?.
4. Akan membahas data yang diperoleh pada 2006 sehingga 2009.
5. Bagaimana peranan dan kontribusi Bank Syariah Mandiri dalam meningkatkan perekonomian ummah Islam di Indonesia secara umum dan Jawa Barat secara khas?
6. Data yang diperoleh hanya pada 2006 sehingga 2007, karena Bank Syariah Mandiri Bandung, menganggap semua data itu bersifat rahasia.

#### **D. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut :

1. Mengkaji sistem ekonomi Islam sebagai sistem ekonomi alternatif dalam pembangunan ekonomi umat Islam
2. Menjelaskan konsep ekonomi Islam dan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi ummah.
3. Mengkaji pelaksanaan instrumen perbankan Islam di Bank Syariah Mandiri
4. Mengkaji dan menganalisa peranan Bank Syariah Mandiri (BSM) dalam meningkatkan perekonomian umat Islam di Jawa Barat.

## **E. Kepentingan Kajian**

1. Kajian ini merupakan kesinambungan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan oleh para ulama, sarjana serta penyelidik Islam terdahulu sehingga pada masa ini dalam bidang ekonomi dan fiqh Islam, khususnya dalam permasalahan yang berkaitan dengan kebangkitan ekonomi Islam dan perbankan syariah. Kajian ini akan dapat menambah maklumat dan khazanah pengetahuan dalam bidang ekonomi Islam yang telah wujud sebelumnya.
2. Kajian ini juga dapat memberikan sumbangan kepada umat Islam khususnya para pakar perbankan dan ekonomi tentang kaedah-kaedah yang mesti difahami dalam perniagaan, apatah lagi dalam suasana dunia moden dan global seperti masa ini yang memerlukan kekuatan moral yang lebih baik tentang Islam sehingga tidak dapat dirugikan dan merugikan orang lain.
3. Kajian ini juga dapat menambah keyakinan umat Islam bahawa sistem ekonomi Islam ialah satu-satunya sistem alternatif untuk mewujudkan keadilan dan kesejahteraan yang saksama. Selain itu, kajian ini pun akan mampu membawa sistem perekonomian ummah di Indonesia menjadi lebih baik dari sistem sebelumnya, sehingga kejayaannya boleh dijadikan rujukan bagi negara-negara lain.
4. Kajian ini juga menganalisa sumbangan BSM pada masyarakat sebagai berikut:
  - (a) Lembaga kewangan yang mengutamakan perkhidmatan kepada masyarakat awam terutama peniaga dan pengusaha kecil.

- (b) Lembaga kewangan yang selalu berusaha meningkatkan kesejahteraan dengan melakukan perataan pada golongan ekonomi lemah dengan aktiviti sosialnya.
- (c) Lembaga kewangan yang selalu berkeinginan untuk berhubungan dengan faktor-faktor yang menentukan pilihan masyarakat terhadap produk dan khidmat syariah.

#### **F. Skop Kajian**

Pengkaji hanya memfokuskan pada permasalahan mengenai konsep dan peranan sistem ekonomi Islam dalam pembangunan ekonomi ummah, yang mana sistem ini merupakan sistem alternatif yang bersifat menyeluruh yang boleh menyelamatkan dunia daripada terjadinya krisis ekonomi, terutama Indonesia. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan melihat aspek ini dari sudut pandang prinsip-prinsip Islam.

Dalam disertasi ini, penulis memfokuskan kajian di BSM dan peranannya dalam pembangunan ekonomi di Jawa Barat. Berdasarkan data-data yang diperoleh oleh penulis daripada BSM, pelanggan serta masyarakat awam daripada sudut prinsip syariah dan bentuk perkhidmatan yang diberikan serta hasil usahanya.

Untuk mencapai matlamat kajian ini, penulis membatasi dalam kajian ini iaitu:

1. Melakukan kajian terhadap peranan Bank Syariah Mandiri di Jawa Barat dalam meningkatkan perekonomian, sosial dan penyaluran zakat terhadap masyarakat Islam di Jawa Barat dari tahun 2006-2007.
2. Melakukan kajian di lapangan dengan melakukan temubual dengan pengarah dan kakitangan Bank Syariah Mandiri, tokoh masyarakat, para pelaku usaha yang berada di Bandung, Bogor, Depok, Cirebon di Wilayah Jawa Barat.

#### **G. Kajian Lepas**

Sebelum memulakan kajian ini, penulis terlebih dahulu melakukan pembacaan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tunjuk ini. Pembacaan literatur ini perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat atau fakta yang berkaitan dengan kajian ini. Pembacaan ini meliputi latihan ilmiah, tesis, disertasi, kertas kerja seminar, makalah dan jurnal bidang yang berkaitan serta laman web.

Pemaparan mengenai perbankan Islam telah banyak juga dibahas oleh para penulis terdahulu, sama ada penulis Malaysia mahupun Indonesia. Beberapa orang penulis yang telah menyumbang kepada penulisan perbankan Malaysia iaitu:

1. Joni Tamkin Borhan, *"Sistem Perkongsian Islam: Suatu Analisa Khusus terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji Malaysia"*. Tesis MA. Fakulti Syariah Universiti Malaya. Penelitian ini secara mendalam membahaskan cara dan prinsip-prinsip perkongsian dalam Islam, kemudian dibandingkan dengan pelaksanaannya dalam bank Islam, syarikat takaful dan Lembaga Tabung Haji di Malaysia. Berbeza dengan penyelidikan yang akan penulis lakukan yang membincangkan satu bentuk baru perbankan Islam iaitu Bank Syariah Mandiri yang memberikan perkhidmatan dan peranan pada pembangunan ekonomi masyarakat di Jawa Barat.
2. Abu Dzar dan Mohd. Rasidi, *"Ekonomi Islam Menurut Kehendak Tuhan"*. Buku ini membincangkan kewajipan ummah dan negara Islam untuk beraktiviti ekonomi secara Islam mengikut kehendak Tuhan yang berasaskan takwa. Beliau membincangkan tentang ekonomi kapitalisme yang hanya menguntungkan satu pihak. Ia menggalakkan ummah Islam untuk sedar bahwa ekonomi itu penting dan merupakan sebahagian daripada kehidupan. Selain itu, dalam ekonomi Islam, peranan Tuhan tidak boleh diketepikan.
3. Surtahman Kastin Hasan, *"Ekonomi Islam Dasar dan Amalan"*. Kajian ini membincangkan hakikat ilmu ekonomi Islam dilihat dari sejarah kemunculan ekonomi Islam, asas ekonomi Islam, analisis penggunaan ekonomi Islam, perancangan pembangunan serta kaedah-kaedah yang berkaitan dengan subjek ekonomi Islam secara menyeluruh. Beliau menyatakan bahawa ilmu ekonomi Islam adalah peluang Islam untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan ekonomi dalam kehidupan manusia di dunia.

Selain buku, ada beberapa artikel dalam jurnal yang juga mengkaji masalah sistem perbankan Islam di Malaysia, antaranya tulisan Norhasimah Mohd. Yasin bertunjuk Halangan dan Cabaran Undang-Undang terhadap Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia<sup>48</sup> dan Zamri bin Hasan dengan tulisannya bertunjuk *Islamic Banking: Its Legal Impediment and Reformatioins, with Special Reference to Malaysia*.<sup>49</sup> Kedua-dua artikel di atas membincangkan tentang sejarah dan perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia serta cabaran yang dihadapi dari aspek undang-undang.

Adapun karya tulis yang telah ditulis oleh beberapa penulis Indonesia iaitu:

1. Muhamad Syafi'i Antonio (1999), "*Bank Syariah Wacana Ulama dan Cendikiawan*". Kajian ini membincangkan Islam yang merupakan suatu sistem yang sempurna serta meliputi seluruh aspek kehidupan termasuk perniagaan, perniagaan kewangan serta pengharaman riba dengan menawarkan alternatif perekonomian Islam yang berdasarkan kepada perkongsian dalam keuntungan dan kerugian. Buku ini juga membahas secara detail tentang aplikasi prinsip syariah dalam perbankan serta peranan ulama dalam pengembangan dan sosialisasi perbankan syariah.

---

<sup>48</sup>Norhasimah Mohd.Yasin (2003), "**Halangan dan Cabaran Undang-Undang Terhadap Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia**", dalam *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, bil.15, Mac.2003, h. 19-32

<sup>49</sup> Zamri Bin Ali Hasan, (2002)"**Islamic Banking: Its Legal Impediments and Reformatiaon, With Special Refernces to Malaysia**", dalam *Law Majalla*, International Islamic University Malaysia, Selangor, Mac 2002



2. Zainul Arifin (2000), "*Memahami Bank Syariah, Lingkup, Peluang, Tantangan dan Prospek*", Jakarta: Alfabet. Buku ini membicarakan tentang bank syariah dan perbedaannya dengan bank konvensional secara konsep dan amalan, serta peranannya bagi kesejahteraan dan pengembangan usaha kecil.
3. Muhamad (2005), "*Bank Syariah Problema dan Prospek Perkembangan Di Indonesia*", Jakarta: Graha Ilmu. Dalam buku ini terdapat berbagai informasi untuk masyarakat tentang permasalahan yang dihadapi oleh bank syariah. Buku ini memberikan pengetahuan pada pembacanya untuk memahami pentingnya bank syariah dalam kehidupan ekonomi sehingga terwujud keadilan yang seksama. Perkara lain yang dipaparkan dalam buku ini ialah perbankan syariah dalam industri perbankan nasional, bank syariah dan prospek pengembangan usaha kecil dan sederhana, dinamika bank Syariah masa deregulasi dan sebagainya.
4. Adiwirman A.Karim (2001), "*Islamic Banking in Indonesia, Past, Present and Future*" (kertas kerja seminar Islamic Banking and Finance di Hilton, Kuala Lumpur, 26-27 Februari 2001). Kertas kerja ini membicarakan mengenai bank Islam di Indonesia dari sudut sejarah penubuhannya, perkembangan bank Islam di Indonesia dan perundangan perbankan Islam di Indonesia secara umum.
5. Ikhwan A. Basri, sebagai pembina Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Tazkia, dalam makalah seminarnya yang bertajuk *Menata Makroekonomi Indonesia Secara Islami*, lebih banyak memaparkan perubahan pada nilai-nilai kehidupan yang lebih Islam, terutama yang berkaitan dengan persoalan ekonomi secara global kerana ini ialah hal dasar untuk menjalankan kehidupan ekonomi yang lebih baik.

Buku-buku, kertas kerja dan kajian lepas tersebut di atas memaparkan permasalahan ekonomi dan perbankan Islam secara detil baik dari aspek sejarah, fungsi, operasional dan manfaatnya dalam masyarakat Islam. Walaupun begitu, kajian tersebut belum menyentuh permasalahan BSM secara khusus, apatah lagi peranannya dalam meningkatkan ekonomi ummah Islam, terutamanya di wilayah Jawa Barat. Oleh kerana itu, penulis akan membuat kajian BSM dan peranannya dalam pembangunan ekonomi ummah Islam di Jawa Barat, Indonesia.

## **H. Metodologi Kajian**

Dalam penulisan disertasi ini, penulis menggunakan dua metodologi<sup>50</sup> penelitian iaitu penelitian kepustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*)

### **H.1. Penyelidikan Kepustakaan**

Dalam kajian ini Penulis akan merujuk kepada buku-buku yang bersifat primer dan sekunder seperti kitab-kitab faqh, hadis, tafsir dan kertas-kertas kerja yang berkaitan kajian ini khasnya dalam sistem muamalat Islam iaitu perekonomian dan perbankan Islam secara umum mahupun yang wujud di Indonesia.

---

<sup>50</sup>Metodologi berasal dari bahasa Yunani iaitu *methodos* dan *logos*. *Methodos* ertinya “cara atau jalan” sementara *logos* ertinya “ilmu. Dengan demikian methodology adalah ilmu tentang sesuatu cara. Sedangkan metode adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan cara kerja supaya penelitian (penyelidikan) dapat memahami objek yang dijadikan tumpuannya. Lihat: Peter A. Angeles (1931), *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publisher, h. 171. Lihat: Imam Bernadib (1982) **Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan**, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 51.

### **a) Metode Histori ( Kajian Sejarah)**

Metode histori adalah penyelidikan yang dilakukan dengan melihat sudut sejarah sesuatu masalah.<sup>51</sup> Tujuan penggunaan metode ini adalah untuk mendapatkan data berbentuk sejarah hasil daripada dokumen yang berkaitan dengan masalah tersebut. Metode ini penulis gunakan untuk memperoleh data mengenai catatan kejadian masa lampau terutama sejarah BSM Jawa Barat. Metode ini penulis gunakan pada bab tiga dan bab empat.

### **b) Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi ialah cara mengumpul data dengan melakukan penyelidikan terhadap segala dokumen yang mempunyai kaitan dengan tunjuk yang diselidiki.<sup>52</sup> Penggunaan metode ini menekankan sumber asas bahan yang berbentuk dokumentasi Quran dan hadis Rasulullah SAW serta pendapat-pendapat ahli perundangan, ekonomi Islam dan cendekiawan Islam serta buku-buku semasa yang berkaitan muamalat Islam. Metode ini penulis gunakan untuk melengkapi data pada bab satu dan bab dua.

### **c) Melayari Internet**

Penulis juga melayari laman web untuk mencari data yang berkaitan dengan sistem ekonomi Islam, perekonomian Indonesia mahupun Bank Syariah Mandiri (BSM). Bahan kajian ini lebih mudah diperoleh di *pesantrenonline.com*,

---

<sup>51</sup>Winarno Surachmad (1970), **Dasar Dan Tekhnik Research Pengantar Metodologi Ilmiah**, Jakarta: CV.Trasito, h. 53.

<sup>52</sup>Gerald S Ferman and Clarence C.Sherwood (1970), *Op.cit*, h.48. Sedangkan dokumen-dokumen merupakan benda-benda bertulis yang pelbagai memberi keterangan, seperti: potret, gambar, kumpulan, hukum, peraturan, keputusan penyelidikan dan sebagainya. Lihat: Imam Bernadi (1982), *Op. cit*, h. 55.

*tazkiaonline.com*, *Hidayatullah.com*, *kompas.co.id*, *pikiran-rakyat.com* dan sebagainya.

## **H.2. Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)**

Penyelidikan lapangan merupakan satu kaedah penyelidikan yang membolehkan penyelidikan secara langsung dilakukan ke atas objek kajian yang telah dipilih untuk diteliti dan dikaji. Pada penyelidikan lapangan ini, penulis menggunakan metode:<sup>53</sup>

### **a. Metode Penentuan Data**

Untuk menentukan objek yang akan diteliti, penulis menggunakan metode *sampling* bagi mewakili institusi dalam kategori yang berkaitan<sup>54</sup> Penulis telah memilih wilayah Jawa Barat Indonesia sebagai lokasi subjek penelitian dan tumpuan difokuskan kepada Bank Syariah Mandiri Bandung yang mewakili 8 BSM yang ada di Jawa Barat.

### **b. Metode Pengumpulan Data**

Tujuan menggunakan metode ini adalah untuk mempelajari maklumat yang tepat dan penting dari segi objektiviti dan keesahan.<sup>55</sup> Adapun metode yang digunakan untuk menyokong pengumpulan data tersebut, iaitu:

---

<sup>53</sup>Gerarld S Ferman and Clarence C.Sherwood (1970), **Social Research And Social Policy**, New Jersey: Prentica Hall Inc, Englewood, Cliff, h. 32-45.

<sup>54</sup>Howard E Free, am and Jade Levin (1975), **Social Sciences Research**, USA: John Wisley and Sons, h. 4-7.

<sup>55</sup> Imam Barnadib (1982), *Op. cit.*, h. 54.

### **i. Metode Analisis Data<sup>56</sup>**

Semua data-data yang telah penulis kumpulkan dan dianalisis secara mendalam untuk memberikan gambaran dan rumusan terperinci melalui metode-metode berikut:

### **ii. Metode Induktif**

Merupakan kaedah analisis data dengan menggunakan pembuktian maklumat yang bersifat khusus untuk sampai kepada sesuatu kesimpulan hukum yang bersifat umum.<sup>57</sup> Metode ini dipakai oleh penulis dalam meneliti pandangan para fuqaha terhadap pemahaman dan dasar hukum yang digunakan oleh mereka tentang prinsip-prinsip syariah yang diamalkan di BSM Jawa Barat dalam pembangunan ekonomi ummah Islam yang dinilai dari perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

### **iii. Metode Deduktif**

Metode ini menganalisis masalah berdasarkan maklumat yang bersifat umum kepada perkara yang bersifat khusus. Penulis menggunakan metode ini dalam bab dua yang berkaitan dengan prinsip-prinsip syariah. Dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadis akan dipaparkan dan seterusnya dihuraikan dalam bentuk yang lebih khas.

---

<sup>56</sup>Adrian D.De Groot (1960), **Methodology Foundatiaon of Influence and Research in The Behavioral Sciences**, Belgium: Mounton & Co, h. 74.

<sup>57</sup>Imam Bernadib (1982), *Op. cit.*, h. 51.

#### **iv. Metode Komparatif**

Ia merupakan metode yang digunakan untuk membandingkan data dan fakta yang diperoleh untuk menghasilkan kesimpulan.<sup>58</sup> Penulis menggunakan metode ini untuk membandingkan data yang diperoleh mengenai amalan prinsip-prinsip syariah mengikuti perspektif Islam dengan akad yang diamalkan oleh BSM Jawa Barat serta membandingkan ekonomi ummah semasa menjadi pelanggan untuk dibuat suatu kesimpulan sehingga memberi gambaran yang jelas tentang tunjuk disertasi ini.

#### **c. Metode Temubual**

Tujuan penggunaan metode temubual ini adalah untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada responden dengan berbincang dan menyoal secara langsung dengan seseorang.<sup>59</sup> Penulis telah mengadakan temubual dengan berbagai pihak yang memiliki hubung kait dengan kajian ini untuk mengetahui respons atau sambutan masyarakat Jawa Barat, antaranya Joni Tamkin Bin Borhan sebagai penyelia dan pengkaji Bank Syariah, pihak BSM seperti Merza Gamal, Wandy Priyagung dan Nida An-Khofiya, tokoh-tokoh masyarakat sekaligus pelanggan BSM seperti Haji Dul Karim dan Haji Nana Suryana dan Lia Bambang sebagai pelanggan biasa. Metode ini membantu penulis pada penulisan bab empat.

---

<sup>58</sup>Gerald S Ferman, and Clarence C.Sherwood (1970), *Op.cit.*, h. 79.

<sup>59</sup> Koentjaraningrat (1986), **Metode-Metode Penelitian Masyarakat**, Jakarta: PT.Gramedia, h. 129.

## **I. Kesimpulan**

Islam adalah agama yang syumul(lengkap) dan merupakan aturan hidup yang menyeluruh merangkumi persoalan akidah, syariat dan akhlak. Ianya menghuraikan persoalan-persoalan ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Berpandukan al-Quran dan al- Sunnah. Al- Quran dan al- Sunah telah membicarakan isu isu ekonomi sejak zaman Nabi Yusuf a.s sehingga ke zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Oleh itu, untuk meraih pendapatan ekonomi yang baik dan seimbang sebagai orang Islam kita hendaklah mengikut falsafah dan etika yang telah ditetapkan oleh Allah. Mencontohi teladan- teladan khalifah terdahulu yang telah maju dalam pentadbiran ekonomi dengan mengamalkan falsafah dan etika yang tidak bertentangan dengan peraturan Allah s.w.t.

# **BAB SATU**

## **SISTEM EKONOMI ISLAM**

### **1.1 Pendahuluan**

Penulis dalam bab ini membahas dan membincangkan secara terperinci mengenai konsep, definisi, tujuan dan asumsi dari sistem ekonomi Islam. Mengkaji ekonomi Islam, penulis menyelidiki potensinya dari segi etika sosial ekonomi manusia dalam perkembangannya terhadap ekonomi moden dan tradisional yang tidak pernah dipinggirkan dari nilai-nilai al-Quran.

### **1.2 Perbezaan Dasar Antara Sistem Ekonomi Islam Dengan Sistem Ekonomi Konvensional**

Perniagaan merupakan sebahagian daripada aktiviti ekonomi yang selalu memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sepanjang masa, sehingga kepentingan ekonomi akan mempengaruhi tingkah laku bagi semua peringkat individu, masyarakat, nasional dan antarabangsa.<sup>60</sup> Fenomena tersebut bukanlah hal yang baru kerana Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha memenuhi keperluan sosial dan ekonomi mereka. Rasulullah SAW sendiri terlibat dalam

---

<sup>60</sup> Surtahman Kastin Hasan (1995), **Ekonomi Islam Dasar dan Amalan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 33. Lihat: Peraturan Daerah Kabupaten Bangka (2003), **Surat Izin Perdagangan No 5 Tahun 2003**, Bangka: Taufiq Rani.



perniagaan, yang mana isterinya Khadijah adalah seorang peniaga yang kaya di Makkah pada masa itu.<sup>61</sup>

Namun sejak abad ke-15 hingga pertengahan abad ke-20 Masihi, sumbangan Islam dalam kegiatan ekonomi bagaikan hilang ditelan peradaban dunia, sehingga sejarah ekonomi yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW tidak ditemui. Justeru, sejarah itu dibangkitkan kembali pada tahun 1766 oleh Bapak Ilmu Ekonomi dunia iaitu; Adam Smith dalam bukunya *The Wealth of Nations*<sup>62</sup> yang menjelaskan bahawa ekonomi yang maju pada ketika itu adalah ekonomi Arab yang dipimpin oleh Muhammad SAW dan para Khalifah al-Rāsyidīn. Lebih menghairankan lagi, buku yang ditulis Adam Smith tersebut merupakan buku yang diambil daripada buku Imām Abū ‘Ubayd, iaitu *Al-Amwāl* (865).<sup>63</sup> Sokongan dan bantahan banyak diungkapkan oleh para ahli ekonomi terhadap pendapat tersebut kerana sebelumnya, Samuelson dalam bukunya *Economic* Edisi ke-7 menyebutkan bahawa asal-usul ilmu ekonomi adalah daripada Kitab Injil.<sup>64</sup>

---

<sup>61</sup> Asyrāf Muḥammad Dawwabah (2006), **Meneladani Keunggulan Bisnis Rasulullah**, Imam Kuwais (terj), c.1. Semarang: Pustaka Nuun, h. ix.

<sup>62</sup> Adam Smith (1930), **An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations**, Vol. II, 5<sup>th</sup> Edition, London: Methuen and Co. Ltd., h. 240. Lihat: Anugerah, W. (2004), “**Artikel online: Ekonomi Islam dalam Pandangan Adam Smith**”, 27 November 2004. [http://www.republika.co.id/koran\\_detail.asp?id=187256&kat\\_id=319](http://www.republika.co.id/koran_detail.asp?id=187256&kat_id=319). Lihat: Mohammad Nur Rohani (2001), “**Sistem Ekonomi Islam diantara Sistem Ekonomi Dunia**” (Kertas Seminar, Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi Universitas Jember, 10 May 2001), h. 3. Lihat: Temu bual dengan Aruief Anshory, Pensyarah Fakulatas Ekonomi, University Padjajaran Bandung, pada 31 Oktober 2007.

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Paul A. Samuelson (1976), **Economics**, 7<sup>th</sup> Edition, New York: McGraw-Hill Book Company, h. 3. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit*, h. 3. Lihat: Merza Gamal (2005), “**Dinamika Sosial Ekonomi Syariah**”, Republika, Pada 12 Mei 2005, h. 10.

Dari sinilah munculnya pelbagai bentuk sistem dan amalan ekonomi yang tidak lepas daripada pengaruh falsafah, agama, ideologi dan kepentingan politik negara yang telah dijadikan dasar ilmu ekonomi dunia hingga sekarang ini.<sup>65</sup> Sekurang-kurangnya terdapat lima sistem ekonomi yang dikenali di seluruh dunia iaitu; Kapitalisme, Sosialisme, Fasisme, Komunisme dan Ekonomi Islam yang masing-masing sistem mengemukakan kerangka pemikiran dan analisis yang berbeza sesuai dengan keadaan ekonomi pada masa itu. Perkara ini berlaku kerana semua sistem tersebut akan membandingkan pencapaian antara mereka yang menunjukkan bahawa sistem tersebut lebih unggul dari sistem yang lainnya dalam memenuhi tujuan tertentu.

### 1.2.1 Kapitalisme

Kapitalisme berasal dari England pada abad ke-18, kemudian tersebar ke Eropah Barat dan Amerika Utara akibat daripada wujudnya penentangan terhadap ajaran gereja dan pertumbuhan aliran pemikiran liberalisme di negara-negara Eropah Barat.<sup>66</sup> Aliran ini kemudian menyebar ke seluruh bidang termasuk bidang ekonomi. Dasar falsafah pemikiran ekonomi kapitalisme ini bersumberkan daripada tulisan Adam Smith dalam bukunya *An Inquiry Into The Nature and The*

---

<sup>65</sup> Muhammad Abdul Manan (1987), **Islamic Economy: Theory and Practice**, Kent: Hodder and Stoughton, h. 300. Lihat: Yūsuf Qardhāwī (1995), **Dār al-Qiyām wa al-Akhlāq fi al-Iqtisād al-Islāmī**, Kaheerah: Muktabah al-Wahbah, h. 212. Lihat: Didin Hafidhudin (2001), **Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam**, Jakarta: Robbani Press, h. 83. Lihat: Mubaryanto (1999), **Reformasi Sistem Ekonomi: dari Kapitalis Menuju Ekonomi Kerakyatan**, Yogyakarta: Aditya Media, h. 21. Lihat: Moch. Faisal Salam (2006), **Pertumbuhan Hukum Bisnis Syariah Di Indonesia**, Bandung: Pustaka, h. 4-6.

<sup>66</sup> Muhammad Abdul Manan (1987), *Op.cit.*, h.221. Lihat: Yūsuf Qardhāwī (1995), *Op.cit.*, h.256. Lihat: Syed Othman AlHabshi (1989), **Islam, Ekonomi dan Pengurusan**, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 42.

*Causes Of The Wealth Of Nations*,<sup>67</sup> yang ditulis pada tahun 1776. Smith berpendapat motif manusia melakukan kegiatan ekonomi adalah atas dasar kepentingan pribadi sebagai panduan yang membimbing manusia melakukan apa saja apabila masyarakat bersedia membayarnya.<sup>68</sup>

Motif kepentingan individu yang disokong oleh falsafah liberalisme kemudian melahirkan sistem ekonomi pasaran bebas yang pada akhirnya melahirkan ekonomi kapitalis. Milton H. Spencer menulis dalam bukunya *Contemporary Economics* berkata, “kapitalisme merupakan sebuah sistem organisasi ekonomi yang berdasarkan hak kepemilikan individu atas alat-alat pengeluaran dan agihan (tanah, kilang-kilang, jalan-jalan kereta api dan sebagainya) dan manfaatnya untuk mendapat keuntungan dalam keadaan yang sangat kompetitif”.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> Adam Smith (1930), *Op.cit*, h. 140. Lihat: M.A. Fattah Santoso (2001), “**Etika Bisnis: Perspektif Islam**”, dalam Maryadi dan Syamsuddin (ed.), **Agama Spiritualisme dalam Dinamika Ekonomi Politik**, Surakarta: Muhammadiyah University Press, h. 213-214. Lihat: Moch Faisal Salam (2006), *Op.cit*, h 32. Lihat: Lutfi Fadila (2006), **Sistem Ekonomi Syariah di antara Sistem Kapitalis dan Sosialis**, <http://www.penulislepas.com/v2/?p=165>, Pada 9 November 2006.

<sup>68</sup> Weber Max (1958), **The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism**, New York: Charles Scribners's Sons, h. 76. Lihat: Dudley Dillard (1948), **The economics of John Maynard Keynes: the theory of a monetary economy**, New York: Prentice Hall, h. 129. Lihat: Sjahrir (1998), **Krisis ekonomi menuju reformasi total**, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 27. Lihat: Muhammad Abdul Manan (1987), *Op.cit.*, h. 300. Lihat: Moch. Faisal Salam (2006), *Op.cit.*, h. 32. Lihat: Yūsuf Qardhawi.(1995), *Op.cit*, h. 212. Lihat: Didin Hafidhudin (2001), *Op.cit.*, h. 83. Lihat: Mohammad Nur Rohani (2001), *Op.cit.*, h. 2. Lihat: [http://www.republika.co.id/koran\\_detail.asp?id=187256&kat\\_id=319](http://www.republika.co.id/koran_detail.asp?id=187256&kat_id=319), Pada 13 November 2007.

<sup>69</sup> Spencer, Milton H. (1977), **Contemporary Economics**, New York: Worth Publishers, h. 42. Lihat: Gander Frank, A. (1967), **Capitalism and Underdevelopment in Latin America**, New York: Monthly Review Press, h. 20. Lihat: Achyar Eldine (2005), *Op.cit*, h. 2. Lihat: Radius Prawiro (1998), **Pergulatan Indonesia Membangun Ekonomi: Pragmatisme dalam Aksi**, Jakarta: Elex Media Komputindo, h. 46.

Kapitalisme juga mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan kepentingan individu. Konsep ini menunjukkan secara jelas bahawa sistem kapitalisme merupakan sistem yang dikuasai oleh pihak pemilik modal. Sistem ini mengandungi tiga unsur utama yang merupakan motif, tujuan dan prinsip, iaitu; kepemilikan, persaingan dan rasionalistik. Pada sistem ini, peranan individu sangat penting dalam mendapatkan kejayaan ekonomi.<sup>70</sup> Walaupun begitu, sistem ini tidak terfokus kepada suatu rancangan ekonomi pusat atau negara tetapi berdasarkan kekuatan pengguna yang lebih banyak berperanan dalam menentukan persaingan pasaran.<sup>71</sup>

Sistem ini tidak mempertahankan peluang pekerjaan yang tinggi sebab pada keadaan tertekan, sumber tenaga pengeluaran dibazirkan dan pendapatan negara disekat.<sup>72</sup> Menurut pengamatan Profesor Laski, seorang pakar politik Inggeris yang terkenal, “sistem pengeluaran kapitalis masa kini telah dipersoalkan dari hampir setiap sudut analisis. Sistem ini menjadikan sebahagian daripada masyarakat menjadi gangguan kepada yang lain dan ia telah merebut sebahagian besar peluang untuk hidup dalam kehidupan manusia”.<sup>73</sup>

---

<sup>70</sup> Taqiuddin an-Nabhani (2000), **The Economic System of Islam**, London: Al-Khilafah Publications, h. 23.

<sup>71</sup> Dobb, M (1946), **Studies in the Development of Capitalism**, London: Routledge and Kegan Paul, h. 34. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit.*, h. 2. Lihat: Mohammad Nur Rohani (2001), *Op.cit.*, h. 1. Lihat: [http://organisasi.org/sistem\\_tata\\_ekonomi\\_kapitalisme\\_sosialisme\\_dan\\_komunisme](http://organisasi.org/sistem_tata_ekonomi_kapitalisme_sosialisme_dan_komunisme), Pada 7 Januari 2006. Lihat: Temubual dengan M.Hatta Pensyarah Analisis Politik Ekonomi, pada 14 Desember 2007 Di Universiti Islam Indonesia Yogyakarta. Lihat: Kegagalan Kapitalisme, <http://pembebasan.wordpress.com/2007/11/22/-kegagalan-kapitalisme/>, Pada 22 November 2007.

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> Brenner (1974), 'The Origins of Capitalist Development: A Critique of Neo-Smithian Marxism', <http://www.newleftreview.org/A185>, Pada 7 Februari 2008. Lihat: M. Umar Chapra (2001), **The Future of Economics; an Islamic Perspective**, UK Leicester: Islam Foundation, h. 45.

Perkara tersebut disokong lagi dengan pendapat daripada Profesor Halm dalam bukunya *Economic Systems* yang menyimpulkan bahawa, “kita harus berhati-hati ketika kelemahan kapitalisme diperbetulkan dengan mengorbankan kebebasan yang merupakan ciri khas ekonomi pasaran. Jangan lupa, bahawa kapitalisme telah membuktikan ketidaksesuaiannya dengan demokrasi politik, sehingga kebebasan ekonomi dan politik sudah tidak boleh dipertahankan lagi”.<sup>74</sup>

### 1.2.2 Sosialisme

Sosialisme merupakan sebuah gerakan ekonomi yang muncul sebagai bantahan terhadap ketidakadilan yang timbul dari sistem kapitalisme.<sup>75</sup> Sosialisme diertikan sebagai bentuk ekonomi yang mana negara bertindak sebagai institusi yang dipercayai oleh masyarakat serta memiliki industri-industri besar dan strategik yang berkaitan dengan keperluan asas hidup manusia.<sup>76</sup>

Dalam masyarakat sosialis, sikap yang paling penting ialah kebersamaan.<sup>77</sup> Untuk mewujudkan rasa kebersamaan ini, peruntukan, pengeluaran dan cara pengagihan semua sumber ekonomi diatur oleh negara. Sosialisme merupakan dasar atau teori yang bertujuan untuk memperoleh suatu

---

<sup>74</sup>Halm, George Nikolaus (1968), **Economic Systems: A Comparative Analysis**, New York: Holt, Rinehart and Winston, h. 152.

<sup>75</sup> Adam Smith (1930), *Op.cit.*, h. 140. Lihat: Muhammad Abdul Manan (1987), *Op.cit.*, h. 280. Lihat: Moch. Faisal Salam (2006), *Op.cit.*, h. 42. Lihat: Yūsuf Qardhawi.(1995), *Op.cit.*, h. 215. Lihat: Syed Othman Alhabshi (1989), *Op.cit.*, h. 46.

<sup>76</sup> Dudley Dillard (1948), *Op.cit.*, h. 129. Lihat: Sjahrir (1998), *Op.cit.*, h. 38. Lihat: Mohammad Nur Rohani (2001), *Op. cit.*, h. 3.

<sup>77</sup> Adam Smith (1930), *Op.cit.*, h. 30. Lihat: M.A. Mannan (1987), *Op.cit.*, h. 18. Lihat: Mohammad Nur Rohani (2001), *Op.cit.*, h. 3.

agihan dan perolehan hasil kekayaan yang lebih baik dengan aturan yang berpusat pada negara.<sup>78</sup> Negara masuk ke dalam perekonomian untuk mengatur tata kehidupan serta aktiviti-aktiviti ekonomi yang menyediakan keperluan asas orang ramai.<sup>79</sup>

Dalam sosialisme, keputusan tentang apa dan berapa banyak yang dihasilkan didasari oleh penggunaan suatu barangan dalam masyarakat. Mereka yakin bahawa pengawasan industri yang adil serta wujudnya penawaran dan permintaan akan terjadi jika kekuasaan politik benar-benar berada di tangan rakyat. Terdapat pandangan umum yang salah bahawa sosialisme tidak percaya akan kehidupan berkeluarga. Sesungguhnya sosialisme merupakan suatu program ekonomi dan politik yang terbentuk daripada suatu program sosiologi yang lengkap.<sup>80</sup>

Kaum sosialis berpendapat bahawa keluarga yang bahagia dan memiliki kehidupan normal merupakan kesan yang baik daripada kestabilan ekonomi yang diyakini akan mencegah terjadinya kerosakan moral. Demikian pula pandangan salah dalam membezakan antara sosialis dan agama. Kaum sosialis sering dianggap sebagai aliran yang tidak mengakui wujudnya Tuhan dan sosialisme yang sering dituduh menghancurkan agama.<sup>81</sup>

---

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> Lutfi Fadila (2006), **Sistem Ekonomi Syariah diantara Sistem Kapitalis dan Sosialis**, <http://www.pe-nulislepas.com/v2/?p=165>, Pada 9 November 2006.

### 1.2.3 Komunisme

Komunisme muncul sebagai aliran ekonomi ekstrem yang memiliki tujuan yang sama dengan sosialisme tetapi lebih bersifat ideologis dan hendak menghancurkan sistem kapitalisme dan sistem lain yang telah wujud.<sup>82</sup> Pemimpin komunis adalah Karl Marx, tokoh yang membenci kapitalisme ini merupakan saksi kepada sejarah, ia telah melihat anak-anak dan wanita dieksploitasi oleh golongan kapitalis, sedangkan semua hasil dari usaha mereka yang penat hanya dinikmati oleh kaum Borjuis.<sup>83</sup>

Perkataan “komunisme” mengikut sejarahnya sering digunakan dalam sistem-sistem sosial yang mana barangan dimiliki secara bersama-sama dan diagihkan untuk kepentingan bersama sesuai dengan keperluan anggota masyarakat.<sup>84</sup> Pengeluaran dan penggunaan bersama tersebut merupakan perkara utama dalam mendefinisikan fahaman mereka.<sup>85</sup> Komunisme adalah sistem ekonomi dengan segala sesuatunya diatur dan diarahkan oleh pusat. Oleh itu, ekonomi komunis sering juga disebut sebagai sistem ekonomi *totalitarian* sebab negara merupakan penguasa mutlak.<sup>86</sup>

---

<sup>82</sup> <http://id.wikipedia.org/wiki/Komunisme/> Indonesia, Pada 13 Mac 2008 Lihat: Gunder Frank, A. (1967), *Op.cit*, h. 39.

<sup>83</sup> Ahmad, Khurshid (1980), “Economic Development in an Islamic Framework”, dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 171.

<sup>84</sup> Afzal-ur-Rahman (1980), *Economics Doctrines of Islam*, Vol.1, Lahore: Islamic Publications Ltd., h. 5.

<sup>85</sup> Rit Nosotro (2008), “Socialism and Communism grow apart”, [http://www.unnes.ac.id/forum\\_unnes/-index.php?topic=289.msg1519](http://www.unnes.ac.id/forum_unnes/-index.php?topic=289.msg1519), Pada 17 Mac 2008. Lihat: Harun Yahya, <http://www.harunyahya.tv/-detail.php?l=4&pid=3698>, Pada 15 Ogos 2007.

<sup>86</sup> Afzal-ur-Rahman (1980), *Op.cit*, h. 5.

Komunisme Karl Marx yakin bahawa ekonomi mempunyai peranan yang penting dalam mengendalikan kehidupan sosial dan politik. Selain sebagai suatu program ekonomi, komunisme juga menghendaki perubahan sosial. Teori komunis iaitu tentang evolusi yang menghendaki kelas buruh memiliki tahapan seperti seorang cendekiawan. Oleh sebab itu, kaum komunis dengan tegas mula membangunkan suatu sistem fahaman yang universal.

Perhatian juga ditujukan kepada seni, muzik, drama dan keperluan budaya lainnya. Perkahwinan berunsur keagamaan tidak diakui dan satu-satunya upacara yang sah ialah upacara sivil. Kaum komunisme selalu menganggap mudah penyelesaian masalah, segala sesuatu diberikan kepada parti dan perkara tersebut merupakan satu-satunya tujuan yang dianggap baik, sedangkan segala sesuatu yang bertentangan dengannya dianggap tidak baik. Sedangkan dalam kaum komunis, agama kaum komunis adalah komunis itu sendiri.<sup>87</sup>

#### **1.2.4 Sistem Ekonomi Islam**

Ekonomi islam adalah ilmu yang mengkaji kegiatan manusia yang selaras dengan kehendak syariat dari segi mendapatkan, mengguna atau mengurus sumber-sumber alam secara kebendaan dan kerohanian untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

---

<sup>87</sup> G. Moedjanto (2000), *Op.cit.*, h. 11.



Ekonomi Islam adalah berteraskan syariah bagi melindungi ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam dengan memenuhi kepuasan manusia untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah SWT dan masyarakat sekitarnya. Perancangan dan tujuan ekonomi dalam Islam adalah suatu sintesis kepada perancangan yang didasari daripada nilai-nilai dari al-Quran dan al-Hadis.<sup>88</sup>

Islam menginginkan sebuah masyarakat yang bebas daripada perbezaan kelas yang menjamin kepentingan mereka. Penindasan terhadap sebahagian masyarakat oleh golongan masyarakat yang lain telah menjadi kenyataan yang terjadi pada segala zaman, sama ada pada tahapan individu mahupun bangsa. Perbezaan antara sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi yang lain terletak pada perkara yang sangat asas iaitu perbezaan dalam hukum, matlamat, ciri-ciri dan prinsip dasar daripada setiap sistem ekonomi.

#### **1.2.4.1. Sumber Hukum Ekonomi Islam**

Keunikan hukum Islam ialah kerana keluasan dan kedalaman asas-asasnya. Seluruh dasar dan sumber hukum Islam merupakan mukjizat yang tetap dan kekal.<sup>89</sup> Hukum Islam selalu menghasilkan kebenaran pada setiap masa dan

---

<sup>88</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op.cit.*, h. 194. Lihat: Syed Othman Alhabshi (1989), *Op.cit.*, h. 27. Lihat: Abdul Samad Haji Alias, Nik Rahmat Kamarulzaman dan Renuka Bhupalan (1993), *Op.cit.*, h. 3. Lihat: Mahmud Saedon Awang Othman (1999), “**Kepentingan dan Keperluan Syariat Islam Dalam Kegiatan Muamalah**” dalam Abd. Jalil Borham (ed.), *Op.cit.*, h. 35-36.

<sup>89</sup> Zainuddin Ali (2006), **Hukum Islam: Pengantar Hukum Islam di Indonesia**, Jakarta: Sinar Grafika, h. 18. Lihat: Ahmad Izzan, Syahri Tanjung (2006), **Referensi Ekonomi Syariah: Ayat-Ayat Al-Qur’an Yang Berdimensi Ekonomi**, Bandung: Remaja Rosdakarya, h. 32.

tingkatan. Tuntunan ini telah diberikan kepada umat manusia melalui rangkaian wahyu yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW. Pada tingkatan ini, manusia perlu mendalami dasar dan sumber hukum Islam yang sebenarnya sebagai bimbingan dan panduan tetap bagi seluruh umat manusia di setiap zaman yang akan datang. Kita semua mengetahui bahawa pada dasarnya terdapat empat sumber hukum Islam iaitu:

#### 1.2.4.1.1 Kitab suci al-Quran

Al-Quran adalah sumber utama dan pertama bagi ekonomi Islam. Setiap muslim dapat menemui di dalamnya hal ehwal yang berkaitan dengan ekonomi dan juga terdapat hukum-hukum dan undang-undang yang menganjurkan sedekah, zakat, mengharamkan riba dan mengharuskan jual beli seperti mana yang terdapat dalam al-Quran iaitu:

1. Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلاَنِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ  
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

Surah al-Baqarah (2): 274

Maksudnya:

“Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita”.

2. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ

Surah al-Baqarah (2): 276

Maksudnya:

”Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa”.

#### 1.2.4.1.2. Al-Hadis

Al- Hadis (sunah) adalah sumber kedua dalam perundangan Islam.<sup>90</sup> Dari segi etimologi, perkataan al-Hadis berasal daripada bahasa Arab yang mempunyai beberapa pengertian. Antaranya adalah baharu, berita atau khabar, peristiwa atau kejadian yang berlaku, perutusan atau perkataan dan kisah atau cerita. Ilmu al-Hadis didefinisikan sebagai perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW samada dari kata-kata, perbuatan, pengakuan, sifat akhlak, sifat semulajadi atau penghakiman sehinggalah kepada gerak-gerik Rasulullah s.a.w.<sup>91</sup>

Antara fungsi al-Hadis adalah menjelaskan hukum yang datang secara umum. Al-Quran memerintahkan solat, puasa, zakat dan haji secara umum tanpa keterangan lengkap. Kita tidak mendapat penjelasan tentang syarat-syarat,

---

<sup>90</sup> Al-Imām al-Hafīz Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Muḡīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Bay‘āni bi al-Khiyāri mā lam Yatafarraqā No. 2110, (Al-Kutub al-Sittah)*, c.3, Al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, h. 165. Lihat: Ahmad Izzan (2006), *Op.cit*, h.3. Lihat: Abu Muslim, Harian Sumatra Ekspres, Palembang, Pada 13 Februari 2008

<sup>91</sup> *Ibid.*

bilangan rakaat, kadar zakat, jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat dan juga pelaksanaan ibadat haji. Penjelasan lengkap dapat dirujuk kepada al-Hadis Nabi SAW Di dalamnya terdapat pula khazanah peraturan ekonomi Islam, antaranya sebuah al-Hadis yang mengandungi unsur adab perniagaan kerana pekerjaan tersebut adalah sebaik-baik usaha. Rasulullah SAW bersabda:

حدّ ثنا إسحاق : أخبرنا حبان بن هلال قال: حدّ ثنا شعبة قال: قتادة أخبرني عن صالح أبي الخليل، عن عبد الله بن الحارث قال: سمعت حكيم بن حزام رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (البيعان بالخيار ما لم يتفرقا، فإن صدقا وبينا بورك لهما في بيعهما، فإن كذبا وكتما محقت بركة بيعهما)

Maksudnya:

“Telah diceritakan kepada kami oleh Ishāq: telah dikabarkan kepada kami oleh Habbān bin Hilāl telah berkata: telah diceritakan kepada kami oleh Shu‘bah telah berkata: Qatādah telah mengkabarkan kepadaku daripada Sālih Abī al-Khalīl, dari ‘Abd Allāh bin al-Hārith telah berkata: Aku telah mendengar daripada Hākīm bin Hājām R.A. dari Nabi SAW bersabda: Ada dua penjual dan pembeli di dalam khiyar maka tidak boleh berpisah keduanya, maka jika keduanya benar dan keduanya saling menjelaskan maka keduanya mendapat keberkatan dalam jual belinya. Tapi jika keduanya berdusta dan berkhianat maka tercabutnya nilai barakah dalam jual beli keduanya. ( H.R. al-Bukhārī).<sup>92</sup>

### 1.2.4.1.3 Ijmak

Ijmak merupakan sumber ketiga hukum Islam yang merupakan hasil analisis daripada masyarakat mahupun para cendekiawan.<sup>93</sup> Ijmak ini timbul sebagai akibat dari penalaran dan logikanya masyarakat yang luas. Kebenaran terhadap ijmak ini boleh didapati dalam al-Quran dan al-Hadis seperti firman Allah SWT:

---

<sup>92</sup> Al-Imām al-Hāfiz Abī ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mugīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Op.cit*, h. 185.

<sup>93</sup> Zainuddin Ali (2006), *Op.cit*, h.30. Lihat: Syahri Tanjung (2006), *Op.cit*, h. 32.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ  
وَيَكُونَ الرُّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ  
عَلَيْهَا إِلَّا لِتَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعِ الرُّسُولَ أَلَا يَتَّبِعُ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ  
لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّعَ إِيمَانِكُمْ إِنَّ  
اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٣﴾

Surah Al-Baqarah (2): 143

Maksudnya:

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.”

Sesungguhnya Ijmak tidak hanya dimaksudkan sebagai melihat kebenaran pada masa kini dan pada masa yang akan datang sahaja, tetapi juga melihat kebenaran pada masa lampau. Ijmak yang menentukan apakah Sunnah Nabi SAW itu dan bagaimanakah pentafsiran al-Quran yang benar. Oleh sebab itu, ijmak merupakan faktor yang paling sesuai dalam memecahkan kepercayaan dan amalan umat Islam. Pada suatu masa tertentu, ijmak mempunyai kesahihan dan daya keberkesanan yang paling tinggi, tetapi hal itu hanya dalam penentuan pengertian nisbi kerana ijmak mempunyai potensi untuk berasimilasi, mengubah dan menolak mengikut syarat kehidupan moden.<sup>94</sup>

<sup>94</sup> *Ibid*

#### 1.2.4.1.4. Ijtihad dan Qiyas

Ijtihad adalah suatu usaha bersungguh-sungguh yang boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja yang sudah berusaha mencari ilmu untuk memutuskan suatu perkara yang tidak dibahas dalam al-Quran ataupun al-Hadis dengan syarat menggunakan akal yang sihat dan pertimbangan yang matang.<sup>95</sup> Pengaruh hukumnya ialah pendapat yang diberikan boleh menjadi benar atau salah.

Dengan majunya peradaban manusia, kehidupan kita hari demi hari menjadi lebih rumit dan masalah-masalah sosial baru yang timbul dalam masyarakat dari masa ke semasa sentiasa memerlukan penyelesaian. Bagi pihak lain, tahap mentaliti dan intelektual juga semakin luas dengan kemajuan pengetahuan manusia. Akibatnya hukum Islam berkembang seiring dengan munculnya masalah-masalah baru sejak zaman Nabi SAW. Oleh sebab itu, ketentuan-ketentuannya tidak selalu sama pada setiap zaman tetapi acuannya tetap ada pada al-Quran dan al-Hadis.<sup>96</sup>

Beberapa definisi *qiyâs'* (analogi):<sup>97</sup>

---

<sup>95</sup> T.M Hasbi ash Shiddieqy (1974), **Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadith**, Jakarta: Robbani Press, h. 53.

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> Muhammad Taqiy (1979), **Uṣūl al-‘āmmah lil-fiqh al-muqāran, madkhal ilá dirāsāt al-fiqh al-muqāran**, Beirut: Dār al-Andalus, h. 361-362. Lihat: Goldziher, Ignaz (1981), **Introduction to Islamic Theology and Law**, (terj: A & R Hamori), Princeton, New Jersey: Princeton University Press, hal. 123.

- i. Menyimpulkan hukum dari yang asal menuju kepada cabangnya, berdasarkan titik persamaan di antara keduanya.
- ii. Membuktikan hukum definitif untuk definitif yang lain melalui suatu persamaan di antaranya.
- iii. Tindakan menganalogikan hukum yang sudah ada penjelasan di dalam al-Quran atau al-Hadis dengan kes baru yang memiliki persamaan sebab.

#### 1.2.4.1.5. Hukum Islam Yang Lain

Istihsan ini dibawa oleh Mazhab al-Hanafi yang menganggap bahawa sesuatu itu benar dan baik. Beberapa definisi Istihsan ialah<sup>98</sup>:

- i. Fatwa yang dikeluarkan oleh seorang *fāqih* (ahli fekah) atas dasar ia merasakan perkara itu adalah benar.
- ii. Hujah dalam fikiran seorang *fāqih* yang tidak boleh dinyatakan secara lisan olehnya
- iii. Menggantikan hujah dengan fakta yang dapat diterima untuk maslahat orang ramai.
- iv. Tindakan memutuskan suatu perkara untuk mencegah kemudaratan.

Istilah yang dianjurkan oleh mazhab Maliki adalah untuk memutuskan sesuatu hal yang memerlukan kepada bukti yang kuat dan nyata<sup>99</sup>. Istishab adalah

---

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> *Ibid*, h. 100.

tindakan yang menetapkan berlakunya suatu ketetapan sehingga wujud alasan yang boleh mengubahnya. Prinsip ini dianjurkan oleh Imam Syafe'i<sup>100</sup>.

#### 1.2.4.2 Matlamat Kegiatan Ekonomi Dalam Islam

Aktiviti ekonomi Islam bertujuan memenuhi keperluan asas setiap manusia. Keperluan asas ini termasuklah mempunyai pakaian, tempat tinggal, makanan dan keperluan perubatan. Ekonomi Islam bermatlamatkan untuk mencapai penggunaan sumber yang optimum, cekap, berkesan dan tidak membazir, juga berhasrat untuk melaksanakan pengagihan kekayaan yang saksama dan adil. Kekayaan yang dimaksudkan ini termasuklah dari segi pendapatan, harta benda dan pembangunan.<sup>101</sup>

Oleh sebab itu, Baginda SAW sangat tegas dalam mengatasi masalah penipuan dan monopoli sehingga beliau menyamakan kedua-duanya dengan dosa besar dalam kekafiran.<sup>102</sup> Kesempurnaan tujuan ini dapat dinilai melalui prinsip kesejahteraan dan pemeliharaan bagi mereka yang miskin dengan melibatkan peranan pemerintah dan swasta. Institusi zakat dan ajaran Islam tentang waris (harta pusaka) merupakan konsep dan model tentang keadilan sosial dan kesejahteraan bersama.

---

<sup>100</sup> *Ibid.*, h. 101.

<sup>101</sup> Asyrāf Muhammad Dawwabah (2006), *Op.cit*, h.58. Lihat: Agustianto (2006), “**Implementasi Ekonomi Syariah Menuju Islam Kaffah**” (Materi Khutbah Jum’at di Mesjid Al-Balagh Kompleks Bulog, 17 April 2006), h. 2. Lihat: Ziauddin Ahmad (1998), **Al-Qur’an: Kemiskinan dan Pemerataan Ekonomi**, Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, h. 56.

<sup>102</sup> *ibid*



Islam telah menetapkan institusi zakat sebagai jembatan yang dapat menghubungkan golongan yang kaya dan golongan yang miskin untuk menghapuskan kemiskinan masyarakat. Dalam masalah waris (pusaka), Islam mewajibkan untuk pembahagian harta benda seseorang yang sudah meninggal kepada ahli warisnya. Bermula dari situlah perancangan sistem ekonomi Islam mulai berjalan.<sup>103</sup> Kemungkinan menerima kerugian dan tekanan ekonomi akan menjadi lebih sedikit kecil.<sup>104</sup>

Dalam ekonomi moden, kesejahteraan individu dianggap sebagai perkara paling utama yang harus diperolehi, sedangkan dalam ekonomi Islam, setiap individu harus mengambil kira kepentingan individu yang lain di samping kepentingan dirinya sendiri.<sup>105</sup> Islam melarang individu memperolehi keuntungan dengan mengorbankan kepentingan orang lain, apa lagi yang mengorbankan

---

<sup>103</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Op.cit.*, h. 61-63. Lihat: Muhammad Umar Chapra (1985), *Op.cit.*, h. 85. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit.*, h. 168. Lihat: Zaenal Arifin (2007), **Prinsip-Prinsip Ekonomi Islam**, [www.tazkiaonline.com](http://www.tazkiaonline.com), Pada 12 April 2007. Lihat: Surachaman Hidayat (2006), “**Karakteristik Ekonomi Islam**” (Kertas Kerja, Fakulti Ekonomi Islam, Sekolah Tinggi Ekonomi Islam Tazkia, Pada 20 Agustus 2006), h. 2. Lihat: Mohammad Daud Ali (1988), **Sistem Ekonomi Islam: Zakat dan Wakaf**, Jakarta: Universitas Indonesia, h. 8. Lihat: Hertanto Widodo, Teten Kustiawan (2001), **Akuntansi dan Manajemen Keuangan Untuk Organisasi Pengelola Zakat**, Jakarta: Institut Manajemen Zakat, h. 4. Lihat: M.Arif Mufraini (2006), **Akuntansi dan Manajemen Keuangan Untuk Organisasi Pengelola Zakat**, Jakarta: Kencana, h. 6. Lihat: Ziauddin Ahmad (1998), **Al-Qur’an: Kemiskinan dan Pemerataan Ekonomi**, Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, h. 5. Lihat: Adiwarmanto A Karim, dkk (2004), **Bangunan Ekonomi Yang Berkeadilan: Teori, Praktek dan Realitas Ekonomi Islam**, Yogyakarta: Magistra Insania Press dan MSI UII, h. 14.

<sup>104</sup> Surtahman Kastin Hasan (1995), *Op.cit.*, h. 24. Lihat: Ahmed, Khurshid (1981), **Studies in Islamic Economics**, Leicester: The Islamic Foundation, h. 87. Lihat: Ariff, Mohamed (2005). **Economics and Ethics in Islam. Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics**, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd, h. 105. Lihat: Muhammad Akram Khan (1999), **An Introduction to Islamic Economics**, New Delhi: Kitab Bhavan, h. 69.

<sup>105</sup> Nor Mohamed Yakcop (1996), *Op.cit.*, h. 4. Lihat: Al-Fanjari, M.Syauqi (1988), **Ekonomi Islam Masa Kini**, Kuala Lumpur: Penerbit Dār al-Fikir, h. 51. Lihat: Al-Assal, Ahmad Mahmud & F.A. Abdul Karim (1981), **Sistem Ekonomi Islam: Prinsip-Prinsip dan Tujuannya**, Singapura: Al-Haramain Pte. Ltd., h. 29.

kepentingan masyarakat.<sup>106</sup> Islam juga selalu menekankan agar sentiasa mencari nafkah dengan cara yang halal.<sup>107</sup>

Semua cara untuk mendapatkan kekayaan dengan jalan tidak betul sangat dilarang kerana cepat atau lambat itu hanya akan membinasakan suatu bangsa.<sup>108</sup> Oleh sebab itu, telah ditetapkan peraturan-peraturan tertentu yang mengatur dan menentukan bentuk kegiatan manusia dalam memperoleh kekayaan. Perkara tersebut diatur sehingga wujudnya keserasian, kedamaian dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Pada tahap dan aspek mana pun, tidak ada kegiatan ekonomi yang bebas daripada pertimbangan moral yang mengandungi konsep amar makruf dan nahi mungkar untuk mencari keredaan Allah SWT.<sup>109</sup>

Ekonomi akhlak ini mengandungi erti bahawa kesatuan antara ekonomi dan akhlak harus mempunyai kaitan dalam sektor pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Allah SWT memberi gelaran khalifah hanya kepada manusia kerana manusia diberi kemampuan dan perasaan dalam melaksanakan tugas dan kewajibannya. Melalui peranannya sebagai khalifah tersebut, manusia dituntut untuk beramal, bekerja keras, kreatif dan berinovasi. Selain itu, keseimbangan merupakan konsep yang penting dalam ekonomi kerana keseimbangan antara hak individu dan masyarakat membawa pada keseimbangan yang adil antara dunia dan akhirat.

---

<sup>106</sup> Asghar Ali Engineer (2001), *Op.cit.*, h. 132. Lihat: Muhammad Umar Chapra (1992), “**The Nature of Riba And Its Treatment In The Quran, Hadith and Fiqh**” dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod, Syed Omar Syed Aqil & Aidit Hj. Ghazali, *Op.cit.*, h. 24.

<sup>107</sup> Ab. Jalil Borham (1999), *Op.cit.*, h. 2.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

### 1.2.4.3 Ciri-Ciri Ekonomi Islam

Ekonomi Islam adalah suatu sistem yang mencerminkan fitrah dan ciri khasnya secara keseluruhan.<sup>110</sup> Ekonomi Rabbani menjadi ciri khas utama dalam model ekonomi Islam. Chapra menyebutnya sebagai ekonomi tauhid.<sup>111</sup> Cerminan watak Rabbani dalam ekonomi Islam bukan pada pelaku ekonominya, tetapi pada aspek peraturan atau sistem yang harus dijadikan pedoman oleh para pelaku ekonomi. Ini didasarkan kepada keyakinan bahwa semua faktor ekonomi termasuk diri manusia pada dasarnya adalah kepunyaan Allah, dan kepada-Nya kita dikembalikan segala urusan.<sup>112</sup> Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿١٠٩﴾

Surah Āli-‘Imrān (3): 109

Maksudnya:

“Dan bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan”.

---

<sup>110</sup>Zarqa, Mohammad Anas. (1992), “**Methodology of Islamic Economics**” dalam Ahmad, Ausaf & Awan, Kazim Raza (ed.), **Lectures on Islamic Economics**, Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, h. 50. Lihat: Ahmad Izzan (2006), *Op.cit*, h. 33. Lihat: Imam Kuwais (2006), **Meneladani Keunggulan Bisnis Roslulullah**, Semarang: Pustaka Nuun, h. V. Lihat: Muhammad Abdul Manan (1987), *Op.cit*, h. 18.

<sup>111</sup> Surachman Hidayat (2006), “**Karakteristik Ekonomi Islam**” (Kertas Kerja, Fakultas Ekonomi Islam, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Islam Tazkia, Bogor), h.12

<sup>112</sup> Syed Othman Alhabshi (1989), *Op.cit*, h. 24-27.

Dengan melihat kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT, setiap perbuatan manusia mempunyai nilai moral dan ibadat.<sup>113</sup> Dengan demikian, al-Quran meletakkan manusia sebagai pusat kitaran manfaat ekonomi dari pelbagai sumber tenaga yang ada iaitu sebagai penerima amanah (*khalifah*) dari Allah SWT, memakmurkan kehidupan di muka bumi dengan mengolah sumber tenaga yang disediakan.<sup>114</sup>

Firman Allah SWT:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ  
وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾

Surah Ibrāhīm (14): 32

Maksudnya:

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya)”

Watak ini terbit daripada watak umat Islam sebagai umat sederhana, yang mengembangkan tugas sebagai syuhada yakni rujukan kebenaran kebaikan bagi umat manusia.<sup>115</sup> Pelaksanaan sistem ekonomi Islam dapat dilakukan secara

---

<sup>113</sup> M.A. Mannan (1987), *Op.cit*, h. 21. Lihat: Yusuf Qardhawi (2001), **Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam**, Jakarta: Robbani Press, h. 23, 28, 57.

<sup>114</sup> Ikhwan.A. Basri (2007), “**Perkembangan Ekonomi Islam**” dalam Artikel Tentang Ekonomi Islam, 7 Disember 2007. Lihat: Irwan Kelana, “**Ekonomi Syariah Perlu Gerak Nyata**”, [www.Republikaonline.com](http://www.Republikaonline.com), Pada 2 Mei 2005.

<sup>115</sup> M.A. Mannan (1987), *Op.cit*, h. 23

kekeluargaan ataupun profesional dari peringkat tempatan ke peringkat global tanpa harus dibatasi oleh sebarang perbezaan.

Kewujudan pola kerjasama yang diwujudkan dalam pelbagai skim haruslah berlandaskan kepada usaha untuk merealisasikan konsep tolong-menolong sesama manusia. Untuk menegakkan keadilan, Allah SWT telah meletakkan ketentuan yang tepat dan paling objektif. Sesiapa pun tidak boleh melanggarnya dan mereka juga tidak boleh dijadikan mangsa ketidakadilan.

#### **1.2.4.4 Prinsip-Prinsip Ekonomi Islam**

Dalam ekonomi Islam, kerjasama adalah suatu perkara yang harus diperhatikan. Prinsip persaudaraan sering sekali ditekankan dalam al-Quran mahupun sunnah. Sikap individualistik perlu diiringi dengan sikap sosial yang kuat sehingga sanggup bekerja demi kesejahteraan orang lain supaya mendapatkan keredaan Allah SWT . Perkara yang harus diperhatikan dalam prinsip-prinsip ini iaitu:

##### **1.2.4.4.1 Epistemologi: Pengenalan Allah SWT Melalui Alam Semesta**

Allah SWT memberikan kepada manusia dua anugerah atau nikmat utama iaitu *manhaj al-hayat* (sistem kehidupan) dan *wasilah al-hayat* (wasilah kehidupan) sebagaimana firman-Nya:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُ ظَهْرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ  
بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Surah Luqmān (31): 20

Maksudnya:

“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nimatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran”.

*Manhaj al-hayat* adalah seluruh peraturan kehidupan manusia yang bersumberkan kepada al-Quran dan sunnah Rasul SAW.<sup>116</sup> Peraturan tersebut berbentuk kemestian melakukan sesuatu ataupun larangan daripada melakukan sesuatu. Peraturan tersebut dikenali dengan istilah hukum yang lima iaitu wajib, sunat, mubah, makruh dan haram.

Tujuan peraturan tersebut ialah untuk menjamin keselamatan manusia sepanjang hidupnya sama ada yang berkaitan dengan keselamatan agama, keselamatan diri (jiwa dan raga), keselamatan akal, harta benda, mahupun keselamatan zuriat. Pelaksanaan Islam secara konsisten dalam semua aktiviti

---

<sup>116</sup> M.A. Mannan (1987), *Op.cit*, h. 21

kehidupan akan melahirkan sebuah perencanaan kehidupan yang baik yaitu sebuah peraturan yang disebut sebagai *hukayat tawayyibah*.<sup>117</sup>

#### 1.2.4.4.2 Pengenalan Tujuan Kehidupan Yang Hanya Mencari Keredaan Allah SWT

Tujuan ekonomi Islam ialah membawa konsep *al-falah* (kejayaan) di dunia dan akhirat.<sup>118</sup> Secara umum, tugas kekhalifahan manusia adalah mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan dalam hidup dan kehidupan. Firman Allah SWT

يٰۤاٰدٰوۤءُ اِنَّا جَعَلٰنٰكَ خَلِيۡفَةً فِى الْاَرْضِ فَاَحْكُمۡ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ  
وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنۡ سَبِيۡلِ اللّٰهِ اِنَّ الَّذِيۡنَ يَظۡلُمُوۡنَ عَنۡ سَبِيۡلِ  
اللّٰهِ لَهُمْ عَذٰبٌ شَدِيۡدٌۢ بِمَا نَسُوۡا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٣٨﴾

Surah Sād (38): 26

Maksudnya:

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu”

#### 1.2.4.4.3 Konsep Harta Sebagai Titipan Daripada Allah SWT

<sup>117</sup> *Ibid.*; Lihat Muhammad Syafi’I Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 3.

<sup>118</sup> M.N. Siddiqi (1979), **The Economic Enterprise In Islam**, Lahore: Islamic Publication Ltd., h. 3. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit.*, h. 31. Lihat: Nor Aini Ali (2001), “Perancangan Kewangan Islam dan Konvensional: Analisis Perbandingan” dalam Abdullah Alwi Hj. Hasan et.al. (eds.), **Teori Dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia**, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 22.

Manusia memiliki kecenderungan yang kuat untuk memiliki, menguasai dan menikmati harta. Namun ini semua merupakan sumber keangkuhan, kesombongan serta kebanggaan diri. Harta merupakan ujian.<sup>119</sup> Oleh sebab itu, dalam ekonomi Islam, cara-cara mendapatkan dan manfaatkannya sangat diperhatikan, adakah ia sesuai dengan ajaran Islam ataupun tidak.

Setiap Muslim percaya bahawa Allah swt merupakan Pencipta yang mampu memberikan ketenangan hakiki bukannya harta. Untuk itu harta bukanlah tujuan sebenar kehidupan tetapi adalah sebagai jalan bagi mencapai nikmat ketenangan kehidupan di dunia dan berterusan hingga ke alam akhirat.

#### 1.2.4.4.4 Keadilan Dan Persaudaraan Yang Menyeluruh

Islam bertujuan untuk membentuk masyarakat dengan peraturan sosial yang terpadu. Dalam susunan itu, setiap individu diikat oleh persaudaraan dan kasih sayang yang universal serta tidak diikat oleh sempadan bangsa atau negara.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Surah al-Hajj (49): 13

Maksudnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan

---

<sup>119</sup> Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit*, h. 167.



(dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Oleh sebab itu, Islam memandang bahawa semua manusia mempunyai darjat yang sama di hadapan Allah SWT. Perlakuan adil akan membawa kesejahteraan secara menyeluruh untuk semua umat manusia walau di mana pun mereka berada dan dari mana pun mereka berasal.

Firman Allah SWT:

لَا يَنْهٰكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِيْنَ لَمْ يُقَدِّتُوْكُمْ فِى الدِّيْنِ وَ لَمْ  
يُخْرِجُوْكُمْ مِّنْ دِيْنِكُمْ اَنْ تَبَرُّوْهُمْ وَتُقْسِطُوْا اِلَيْهِمْ اِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ  
الْمُقْسِطِيْنَ ﴿٨﴾

Surah al-Mumtahanah (60): 8

Maksudnya:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”.

Jurang pendapatan dan kekayaan yang ada pada masyarakat harus diatasi dengan cara-cara seperti yang berikut:<sup>120</sup>

---

<sup>120</sup>Chaizi Nasucha, “Menutup Pintu Kemiskinan” dalam *Buletin*, No. 165, pada 1 Februari 2007. Lihat: Abdul Rahman Zuaitar (1992), *Hukum Islām Of Shahādah al-Isstismār*, cet.1, t.t.p: Dār al-Hasan, h. 22. Lihat: Ahmad, Khurshid (1980), “Economic Development in Islamic Framework” dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Op.cit*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 171-188. Lihat: Al-Faruqi, Ismail Raji (1982), *Islamization of Knowledge: General Principles and*

1. Menjamin hak dan peluang kepada semua pihak untuk aktif dalam proses ekonomi, pengeluaran, pengagihan mahupun penggunaan.
2. Menjamin pemenuhan keperluan asas hidup untuk setiap anggota masyarakat.
3. Melaksanakan amanah *al-Takaful al-Ijtima'ī* atau yang mampu menanggung dan membantu yang tidak mampu. Dengan zakat dan sedekah.

Dengan cara seperti itu, taraf kehidupan setiap individu akan lebih terjamin, kedudukan dan kehormatan. Ketidaksamaan pendapatan dibolehkan dalam Islam kerana sumbangan setiap orang kepada masyarakat berbeza-beza.

#### **1.2.4.4.5 Kebebasan Individu Dalam Konteks Kesejahteraan Sosial**

Konsep Islam amat jelas. Manusia dilahirkan merdeka dan oleh kerana itu, seorang manusia tidak berhak membatasi kebebasan kehidupan manusia yang lain. Dalam konsep ini, setiap individu berhak menggunakan kebebasan tersebut sepanjang masih berada dalam kerangka norma-norma Islamiah. Dengan erti kata lain, selagi kebebasan tersebut dapat dipertanggungjawabkan sama ada secara

---

**Workplan**, Washington: International Institute of Islamic Thought, h. 68. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit*, h. 31-32. Lihat: Merza Gamal (2005), “**Pembangunan Model Dinamika Sosial Ekonomi Syariah Bagian 1: Ekonomi Dalam Sudut Pandang Islam**” (Kertas Projek, Seminar di Bank Syariah Mandiri, Pada 11 oktober 2005), h. 2. Lihat: Zis Muzahid (2005), “**Ruang Ekonomi Islam dalam Ekonomi Nasioanal**”, *Republika*, 27 September 2005, h. 52. Lihat: S. Abul A’la al-Maududi (1994), **Economic System of Islam**, Lahore; Islamic Publications, h. 80. Lihat: Said Sa’ad Marthon (2004), **Ekonomi Islam di Tengah Krisis Ekonomi Global**, Jakarta Zikrul Hakim, h.12. Lihat: Surtahman Kastin Hasan (1995), *Op.cit*, h. 32.

sosial mahupun di hadapan Allah SWT, maka manusia diberi peluang untuk menggunakan kebebasan tersebut mengikut kemahuan mereka.<sup>121</sup>

Berkaitan dengan masalah hak individu dalam kaitannya dengan masyarakat, para sarjana Islam menyepakati beberapa prinsip seperti di bawah ini:<sup>122</sup>

- 1) Kepentingan masyarakat yang lebih luas harus didahulukan daripada kepentingan individu.
- 2) Menyelesaikan kesukaran harus didahulukan daripada memberi manfaat.
- 3) Kerugian yang lebih besar tidak dapat diterima untuk menghilangkan kerugian yang lebih kecil sebaliknya bahaya yang lebih kecil harus dapat diterima untuk menghindarkan bahaya yang lebih besar.

### **1.3 Kesimpulan**

Ekonomi Islam menjelaskan perbezaan antara sistem ekonomi Islam dan sistem ekonomi konvensional. Adapun perbezaan yang paling nyata iaitu riba dan jual beli. Islam menghalalkan jual beli, tetapi mengharamkan riba. Jual beli ialah kontrak yang berteraskan saling reda meredai, tanpa sebarang hasutan atau

---

<sup>121</sup> *Ibid.* Lihat: Muhammad Umar Chapra (1992), “**Objectives of the Islamic Economic Order**” dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod, Syed Omar Syed Agil & Aidit Hj. Ghazali (eds.), **An Introduction To Islamic Finance**, Kuala Lumpur: Quill Publishers, h. 15.

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 15. Lihat: Ahmad Izzah (2006), *Op.cit.*, h. 32. Lihat: Muhammad Syafi’I Antonio (2006), *Op.cit.*, 17.

matlumat yang palsu. Setelah masing-masing berpuas hati maka dijalankan aqad yang jelas melalui ijab dan qabul.

Di dalam sistem muamalat Islam pelaburan merupakan suatu yang tidak asing lagi diperkatakan. Sistem *mudharabah* adalah merupakan suatu yang praktikal untuk dilaksanakan. Di samping ianya tidak berteraskan riba ia juga memberikan pengagihan keuntungan yang saksama kepada setiap pemodal atau sekiranya mengganggu kerugian maka setiap pemodal menanggung kadar kerugian yang sama.

Ini adalah untuk menentukan seluruh kegiatan dan aktiviti ekonomi yang dijalankan dapat dijadikan ibadat dan dapat dijadikan suatu perjuangan untuk menagih keredaan Allah SWT serta dijadikan salah satu faktor dalam membentuk dan menegakkan sistem hidup secara Islam di muka bumi terutama dalam bidang ekonomi. Supaya kerja kita itu tidak akan tersasar daripada matlamat, pelaksanaan dan natijahnya sehingga ia terlepas dari rahmat, kasih sayang dan bantuan Allah SWT

## **BAB DUA**

**KONSEP PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MENURUT PERSPEKTIF  
ISLAM DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEREKONOMIAN UMMAH  
DI INDONESIA**

**2.1. Pendahuluan**

Krisis ekonomi merupakan krisis yang paling banyak dirasakan oleh masyarakat. Salah satu penyebabnya adalah kerana krisis ini menyentuh langsung keperluan asas mereka sama ada dari aspek psikologi mahupun sosiologi.<sup>123</sup> Perencanaan pembangunan di Indonesia tidak menuju kepada pembangunan ekonomi, tetapi hanya terfokus pada pertumbuhan ekonomi. Hasilnya, lahirlah jurang ekonomi yang mana satu kelompok kecil masyarakat hidup dalam kesenangan, sementara sebahagian besar masyarakat lainnya hidup dalam keadaan yang amat daif. Mereka tidak mampu memenuhi keperluan hidup harian.

Sasaran pertumbuhan ekonomi seperti ini hanyalah untuk kepentingan perseorangan, bukan mewujudkan kesetiakawanan dan kerjasama sosial.<sup>124</sup> Pembangunan ekonomi yang tidak disertai dengan perubahan sosial budaya akan banyak menimbulkan masalah moral, oleh kerana itu alternatif yang dapat

---

<sup>123</sup> ‘Abd al-Ghani ‘Abūd, Dr (1992), *Al-Tarbiyyah al Iqtisādiyyah Fī al-Islām*, Kaheerah: Maktabah al-Nahdhah al -Misriyyah, h. 63.

<sup>124</sup> *Ibid.*

dilakukan oleh ekonomi dalam memberi tindak balas kepada aspek moral adalah dengan cara mengkaitkan pembangunan ekonomi dengan agama.<sup>125</sup>

## 2.2. Konsep Pembangunan Ekonomi

Menurut perspektif ekonomi konvensional, pembangunan didefinisikan sebagai suatu ciri kegiatan ekonomi yang boleh menyebabkan bertambahnya daya pengeluaran ekonomi pada keseluruhannya, serta daya pengeluaran pekerja biasa.<sup>126</sup> Juga ia meningkatnya nisbah kaum pekerja berbanding dengan jumlah penduduk. Teori ekonomi konvensional setidaknya memperkenalkan dua perkara yang paling asas yakni berkaitan dengan tujuan pembangunan ekonomi. Pertama memperbaiki tingkat pendapatan individu dan yang kedua, menegakkan keadilan pengagihan pendapatan.<sup>127</sup>

Daripada fahaman ini dapat difahami bahawa pembangunan dalam kerangka ekonomi konvensional akan membawa implikasi kuantitatif dan kualitatif.<sup>128</sup> Perubahan-perubahan kuantitatif dan kualitatif kepada angkubah-angkubah ekonomi yang utama akan wujud di peringkat makro dan mikro meliputi pengeluaran negara kasar dan per kapita, produktiviti pekerja,

---

<sup>125</sup> Muhammad Abdul Manan (1987), *Op.cit*, h. 15. Lihat: Yusuf Qardhawi (2001), *Op. cit*, h. 23. Lihat: Surtahman Kastin Hasan (1995), *Op. cit*, h. 8. Lihat: Syed Othman AlHabshi (1989), *Op. cit*, h. 6. Lihat: Soedjatmoko (1983), **Dimensi Manusia Dalam Pembangunan**, Jakarta: LP3ES, h. 13. Lihat: Suryana (2000), **Ekonomi Pembangunan Problematika dan Pendekatan**, Jakarta: Salemba, h.20.

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> *ibid*

pendapatan per kapita, paras tanpa faedah dan pelaburan, jurang pendapatan antara kelompok-kelompok masyarakat dan sebagainya yang dilihat secara kuantitatif.<sup>129</sup> Impak pembangunan dalam kerangka ekonomi konvensional diukur dan dinilai berdasarkan pencapaian pembangunan secara lahiriah dan material.<sup>130</sup> Aspek pembangunan kerohanian, akhlak dan keimanan diabaikan dalam proses mencapai matlamat pembangunan.<sup>131</sup>

Khursyid<sup>132</sup> menambahkan bahawa tujuan pembangunan ekonomi konvensional adalah tidak sesuai untuk umat Islam kerana bersifat eksploitatif dan tidak adil dalam melayani manusia sebagai khalifah Allah SWT. Pokok dari tujuan pembangunan ekonomi dalam Islam adalah merealisasikan kebebasan ekonomi bagi masyarakat Muslim.<sup>133</sup> Kebimbangan akibat ketidakadilan tersebut mendorong manusia hidup dalam keadaan konflik dan cenderung bersaing untuk memperoleh kekayaan sebanyak-banyaknya.<sup>134</sup>

---

<sup>129</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1989), **Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1

<sup>130</sup> *Ibid.*

<sup>131</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (2005), **“Peranan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam Dalam Pembinaan Ummah Bertamadun”** (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Ketamadunan Ummah Sempena Hari Jadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ke 67, anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 9 Ogos 2005), h. 114.

<sup>132</sup> Ahmad Khurshid (1970), **“The Third World’s Dilemma of Development”**, Non-aligned Third World Annual, Andrew Carvely (translate), Missouri: Books International, h. 3-8.

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> *Ibid.*

### 2.2.1 Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Islam

Secara umum dapat difahami bahawa menegakkan keadilan dalam distribusi pendapatan dan pemanfaatan sumber-sumber ekonomi secara ideal dan fungsional dan meningkatkan kapasitas produktiviti dan sumber daya manusia adalah seiring dengan Islam.<sup>135</sup>

Dua tujuan tersebut menjadi fokus pembicaraan di kalangan penulis Muslim. Mereka menegaskan bahawa tujuan pembangunan ekonomi adalah untuk merealisasikan kesejahteraan yang maksimum bagi setiap anggota masyarakat.<sup>136</sup> Muslim terdorong untuk mengatasi masalah-masalah kemiskinan. Inilah yang dikatakan oleh Joni Tamkin bahawa konsep pembangunan ekonomi dipandang sebagai proses dinamik yang melibatkan perubahan struktur.<sup>137</sup>

Perubahan ini akan melahirkan kemajuan yang besar dan berterusan dalam prestasi ekonomi, dari segi sebenar dan juga potensi yang biasanya diukur mengikut perkapita benar.<sup>138</sup> Perubahan ini juga meliputi tempoh masa yang agak panjang. Intipatinya terletak dalam kemampuannya membolehkan masyarakat

---

<sup>135</sup> Edo Segara (2007), “**Konsep Pembangunan Ekonomi Perspektif Ekonomi Islam**” (Kertas Kerja Fakulti Ekonomi Universitas Islam Indonesia Yogyakarta, Pada 18 Desember 2007), h. 3.

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> Temubual dengan Joni Tamkin Bin Borhan, Profesor Akademi Pengajian Islam dan Penasihat Syariah Islamic Bank Berhad, Pada 18 Februari 2008.

<sup>138</sup> *Ibid.*



mengawal dengan berkesan suasana ekonomi mereka supaya ia dapat memperbaiki mutu kehidupan.<sup>139</sup>

Konsep pembangunan ekonomi dalam Islam adalah bersifat komprehensif dan bersepadu iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan akhlak, kerohanian dan kebendaan.<sup>140</sup> Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah bersifat material dan spiritual yang seimbang dalam mencapai matlamat hidup yang berasaskan pada al-Quran dan al-Hadis.<sup>141</sup>

Beberapa ahli ekonomi pembangunan telah mengakui bahwa perancangan pembangunan tidak boleh bebas dari segi ideologi. Ekonomi pembangunan adalah suatu disiplin yang normatif.<sup>142</sup> Dalam Islam, pembangunan tidak diukur pada pengumpulan kekayaan atau harta, melainkan kekayaan atau harta yang dikumpulkan itu benar-benar dapat membantu pemiliknya untuk menikmati kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.<sup>143</sup>

---

<sup>139</sup> Henry J. Burton (1965), **Principles of Economic Development**, Englewood Cliffs: Prentice Hall Inc, h. 2-3. Lihat: Arthur Lewis (1955), **The Theory of Economic Growth**, London: George Allen dan Unwin, h. 420-435. Lihat: Kuncoro Mudrajad (2003), **Ekonomi Pembangunan Teori, Masalah Dan Polisi**, Edisi Ketiga, Yogyakarta: Prayitno, Hadi. (1985) **Ekonomika Pembangunan**. Edisi Pertama. Yogyakarta: BPFE, h. 30.

<sup>140</sup> *Ibid.*

<sup>141</sup> Syed Othman al-Habshi (1992), “**Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam**”, *Risalah*, Mei, h. 41. Lihat: Edo Sagara (2007), *Op.cit.*, h. 2, Lihat: “**Pembangunan Dari Perspektif al-Quran Dan al-Sunnah**”, <http://smzblog.wordpress.com/2008/03/13/pembangunan-dari-perspektif-al-quran-dan-as-sunnah/>, Pad 13 Mac 2007

<sup>142</sup> Seers.D (1969), “**The Meaning of Development**”, *International Development Review*, Pada 13 Desember 1969, h. 2. Lihat: Galbraith, John.K (1965), **The Underdeveloped Country**, Toronto: Canadian Broadcasting Corp, h. 20.

<sup>143</sup> Surtahman Kastin Hassan (1990), **Ekonomi Islam**, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 28.

Menurut Khursyid Ahmad (1980),<sup>144</sup> ada empat konsep asas pendekatan pembangunan dalam Islam iaitu:-

1. Konsep Tauhid adalah petanda dan bukti komitmen kepercayaan manusia kepada Allah SWT dan menjadi sumber asas bagi manusia dalam mengadakan hubungan yang berfaedah sesamanya (*h<sup>□</sup>ablun min al-nās*).
2. Konsep Rububiyah. Konsep kedua ini berfungsi sebagai asas undang-undang alam semesta yang mengatur cara dan proses bagaimana sumber alam (nikmat) Allah SWT digunakan untuk pembangunan Umat.
3. Konsep Khalifah. Konsep ini menerangkan status atau kedudukan manusia sebagai wakil Tuhan berserta tanggungjawab makhluk kepada Khaliknya. Konsep ketiga ini juga menunjukkan bagaimana Allah SWT memberikan kepercayaan kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada nilai-niali moral, politik, ekonomi dan sebagainya.
4. Konsep tazkiyah (pembersihan dan pembangunan diri). Konsep terakhir ini dapat dilihat daripada fungsi dan tugas suci yang dilakukan semua Nabi Allah dalam membersihkan dan menyucikan umat dalam setiap perilaku dan hubungan yang berfaedah sama ada sesama manusia, alam sekitar, negara atau masyarakat.

---

<sup>144</sup> Khursyid Ahmad (1980), “**Economic Development in an Islamic Framework**”, Khursyid Ahmad (ed), **Studies in Islamic Economics, Leicester: The Islamic Foundation, h. 179**. Lihat Mimiografi (1973), “**Islam and The Contemporary Economic Challenge**” (Kertas Kerja di Seminar Belia Antarabangsa, Riyadh, Pada 17 Desember 1973), h. 12.

## 2.2.2 Perbezaan Antara Konsep Pembangunan Ekonomi Barat dengan Islam

Konsep tauhid, rububiyah dan tazkiyah dilihat daripada sebagaimana konsep-konsep itu menangani isu pembangunan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan dan semua perkara berhubung kait dengan usaha manusia untuk menuju kesempurnaan hidup melalui perubahan sikap dan interaksi.

Daripada konsep pembangunan di atas, kita dapat mengetahui beberapa konsep terperinci pembangunan dalam Islam.<sup>145</sup>

Pertama, konsep pembangunan dalam Islam sangat menyeluruh sifatnya yang mengatur pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada dari aspek moral, spiritual dan material (ekonomi) serta pembangunan yang seimbang.<sup>146</sup> Semua aspek ini bersepadu dan tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Pemisahan aspek ini dalam kehidupan manusia akan menyebabkan berlakunya kekurangan dalam diri manusia.<sup>147</sup>

Kedua, pembangunan dalam Islam adalah pembangunan diri manusia. Ini kerana manusia yang bertakwa dan memiliki kekuatan ilmu dan fizikal serta didukung oleh persekitaran Islam yang kondusif maka ianya pasti akan dapat

---

<sup>145</sup> *Ibid.*, h. 13.

<sup>146</sup> *Ibid.* Lihat: Ahmad Shukri Mohd Nain, Rosman Md. Yusoff (2003), “**Konsep, Teori, Dimensi Dan Isu Pembangunan**”, Kuala Lumpur: UTM Press, h. 112.

<sup>147</sup> *Ibid.*

mensejahterakan kehidupan setiap Muslim.<sup>148</sup> Ini menunjukkan bahawa pembangunan manusia sama ada secara dalaman atau luaran, seperti pembangunan sikap (akhlak), aspirasi, cita rasa dan motivasi manusia adalah sama fungsinya seperti faktor pengeluaran modal, buruh, pendidikan, kepakaran, organisasi dan keusahawanan.<sup>149</sup>

Ketiga, pembangunan ekonomi dalam Islam mengandungi kepelbagaian dimensi. Semua faktor pengeluaran, sumber pembangunan dan faktor kualiti manusia memainkan fungsi penting dalam mewujudkan pembangunan umat.<sup>150</sup> Ini bermakna pengeluaran yang melimpah-ruah tanpa disokong oleh keberibadian atau ketakwaan, belum tentu akan menjamin pembangunan ekonomi umat dengan pesat.<sup>151</sup>

Keempat, pembangunan ekonomi umat tidak terhad kepada pembangunan manusia dan faktor pengeluaran lainnya secara kuantitatif (jumlah) serta kualitatif (mutu). Inilah yang menjadi perbezaan selanjutnya di antara konsep pembangunan ekonomi Barat dengan Islam yang mana konsep pembangunan ekonomi Barat<sup>152</sup> hanya diukur berdasarkan peningkatan kuantitatif, iaitu peningkatan kebendaan dan bukannya peningkatan moral dan spiritual Umat.

---

<sup>148</sup> *Ibid.*

<sup>149</sup> Manusalah kunci kejayaan pembangunan itu berjalan lancar sesuai dengan amanah Allah SWT. Lihat: Rifki Ismail (2007), “**Pendekatan Pembangunan Ekonomi Islami**” (Kertas Kerja Seminar di Durham University, UK sebagai Perwakilan dari Bank Indonesia, Pada 6 September 2007), h. 2.

<sup>150</sup> *Ibid.*

<sup>151</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *Op.cit.*, h. 110.

<sup>152</sup> Nor Anini Idris, Ab Razak Dann (eds), Teori **Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi**, Bangi: Penerbit UKM, h. 74-102. Lihat: Sabili, Pada 8 Desember 2006, “Cara Islam Mengatasi Kemiskinan”.

Terakhir, dalam membangunkan Umatnya, Islam mengharuskan penggunaan sumber alam dilakukan secara optimum dan adil.<sup>153</sup> Penggunaan sumber alam (rahmat) secara optimum dan digunakan untuk mengeratkan faedah ukhuwah Islamiah secara adil dan bertanggungjawab.

Khursyid Ahmad (1996) dalam tulisannya *Developmental Trends in Contemporary Muslim Experience* juga bersetuju bahawa pembangunan hakiki perlu diwujudkan dengan reformasi moral, pembangunan intelektual dan organisasi.<sup>154</sup> Pengabaian hubungan faedah dengan keserasian di antara psikologi, budaya dan aspek kebendaan dalam kehidupan bersosial akan menjadi penghalang utama wujudnya pembangunan ekonomi umat. Beliau juga berpendapat bahawa konsep pembangunan dalam Islam dapat dilihat berdasarkan konsep perubahan sosial (*taghyir mā bi al-qawm*).<sup>155</sup>

Namun, perlu difahami bahawa perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat tidak hanya terhad kepada perubahan positif semata-mata, tetapi juga membabitkan perubahan negatif (penurunan dan kehancuran).<sup>156</sup> Kata-kata perubahan ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT iaitu:

ذٰلِكَ بِاَنَّ اللّٰهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً اَنْعَمَهَا عَلٰى قَوْمٍ  
حَتّٰى يُغَيِّرُوْا مَا بِاَنْفُسِهِمْ ۗ وَاَنَّ اللّٰهَ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ ﴿٥٣﴾

Surah al-Anfāl (8): 53

---

<sup>153</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *Op.cit.*, h. 111.

<sup>154</sup> Khursyid Ahmad (1996), *Op.cit.*, h. 260.

<sup>155</sup> *Ibid.*

<sup>156</sup> *Ibid.*

Maksudnya:

“(Balasan) yang demikian itu, ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Al-Quran menjelaskan dengan sempurna proses perubahan itu melalui konsep khalifah dan istikhlaf. Kedua-dua konsep ini, pada hakikatnya, berasal dari kata akar yang sama iaitu *khalaf*<sup>157</sup>

Seperti dijelaskan di atas, konsep khalifah merujuk pada fungsi manusia sebagai pemegang amanah Allah di muka bumi ini, sementara konsep ikhtilaf merujuk kepada proses bagaimana manusia boleh menjadi khalifah Allah SWT. Kelebihan manusia dirakam dengan jelas dalam firman Allah SWT. yang bermaksud:

أَوْعَجِبْتُمْ أَنْ جَاءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَى رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ  
وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِن بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ  
بَضْطَةً فَادْكُرُوا آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

Surah al-A'rāf (7): 69

Maksudnya:

“...Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Nabi Nuh, dan Allah telah menambahkan kamu kelebihan (dan kekuatan) pada bentuk kejadian tubuh kamu. Maka kenanglah akan nikmat-nikmat Allah supaya kamu berjaya”.

---

<sup>157</sup> Al-Qaradawi (1992), *Al-Sahwah al-Islamiyyah Bayna al-Ikhtilaf al-Masyru' wa al-Tafarruq al-Mazmum*. Dar al-Wafa'. Kaherah. Hal : 57 dan 189 . Lihat: Sulastomo (2008), “Manusia Sebagai Pelita Hati di Bumi”, *Harian Umum Pelita*: Pada 25November 2008, h. 12.

Sementara itu, konsep ikhtilaf pada sebahagian kumpulan manusia dianugerahi dengan kelebihan harta benda dan diikuti perubahan jumlah pemilikan harta benda dan kekuatan atau kemajuan serta pengalaman sejarah mengenai perubahan negatif yang berlaku. Namun, dalam melakukan perubahan, sama ada kehancuran (*ihlak*) atau kekuatan atau kemajuan (*tamkin*), Allah tidak melakukannya tanpa sebab yang jelas. *Tamkin* itu dianugerahkan Allah kepada manusia kerana komitmen mereka terhadap pelaksanaan perintah Allah.<sup>158</sup>

### 2.2.3 Pembangunan Ekonomi Ummah

Dalam membangunkan sesuatu kawasan, janganlah tanpa disedari kita juga melakukan kerusakan sehingga mencemarkan alam sekitar dan menimbulkan kesan sosial yang negatif kepada masyarakat. Sejarah juga telah membuktikan bahawa telah banyak berlaku kerusakan dan bencana disebabkan oleh tindakan manusia sendiri.<sup>159</sup>

Pencemaran alam sekitar yang berterusan bukan sahaja membahayakan manusia, malah akan memusnahkan keseluruhan ekosistem dan ekologi yang akhirnya akan membahayakan ummah pada umumnya.<sup>160</sup> Jadi ukuran kejayaan

---

<sup>158</sup> Saleh Bin Haji Ahmad (2008), “**Khilaf Ulama’ Dalam Hukum Fiqh : Sebab Dan Adab-Adabnya**” (Kertas kerja Seminar Pengembangan Ilmu anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang kerjasama dengan Institut Pengajian Ar-Razi, bertempat di Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Utara, Pada 30 June 2008).

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> *Ibid.*

atau kegagalan sesuatu projek pembangunan mestilah dinilai impaknya ke atas kebajikan masyarakat secara menyeluruh.<sup>161</sup>

Dalam kerangka ekonomi Islam, fungsi kebajikan sosial Islam dilihat dari sudut asas masalah.<sup>162</sup> Masalah ialah memutuskan sesuatu hukum bersumberkan prinsip kebaikan pada perkara yang terdapat nas al-Quran secara jelas.<sup>163</sup> Kebajikan itu tercapai apabila individu dan masyarakat berpegang kepada norma kehidupan yang berakhlak mulia yang merupakan asas kepada kemanusiaan dan tamadun masyarakat.<sup>164</sup>

Sejak awal kelahiran, ummah Islam sudah mengemukakan dasar pembangunan yang bersepadu dengan meletakkan pembangunan insan yang berilmu, beriman, beramal, bertakwa dan berakhlak mulia sebagai asas yang kukuh untuk menyempurnakan tugas manusia sebagai khalifah di muka bumi.<sup>165</sup>

Konsep pembangunan ekonomi Islam bertitik tolak dari pengembangan sumber daya manusia (*human capital*) dan penguasaan teknologi sebagai

---

<sup>161</sup> Kuncoro, Mudrajad. (2003), *Ekonomi Pembangunan Teori, Masalah dan Polisi*. Edisi Ketiga. Yogyakarta: UUP AMP YKPN, h. 20.

<sup>162</sup> Nora Yusman Binti Mohamed Yusop (2004), “Pembangunan Sosioekonomi Menurut Perspektif Islam: Kajian terhadap Peranan Teras Dara Konsortium Sdn.Bhd. Dalam Pembiayaan Perumahan di Wilayah Pahang Tenggara”, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur, h. 28-29.

<sup>163</sup> Mustāfa Ahmād al-Zarqa (1968), *Al-Madkhāl al-Fiqhī al-’Ām*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 68.

<sup>164</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (1995), *Islam Kedudukan dan Peranan Sektor Awam dan Swasta*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 36.

<sup>165</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *Op.cit.*, h. 109.



penggerak utama (*driving force*) pembangunan ekonomi merangkumi pembangunan sistem kewangan dan dasar perniagaan.<sup>166</sup>

Surtahman Kastin Hasan (1993) mengatakan:-

*“Sebagai pembangunan yang bersifat pelbagai dimensi, Islam menggalakkan perseimbangan antara pelbagai faktor- kebendaan dan kerohanian, kuantitatif dengan kualitatif, luaran dengan dalaman. Islam menentang kekufuran dan kezaliman, sebaliknya menganjurkan kesyukuran dan keadilan”.*<sup>167</sup>

Nor Aini Hj Idris (et.al), (1996) turut mengatakan,

*“Oleh kerana pembangunan berkait rapat dengan soal pembaikan taraf hidup, faktor-faktor ekonomi tidak dapat dipisahkan kerana ia mempengaruhi pembangunan sosial secara langsung. Walau bagaimanapun, pembangunan tidak harus disamakan dengan peningkatan dalam pendapatan per kapita, pengeluaran dan jumlah eksport. Apa yang penting ialah pembangunan perlu dikaitkan dengan kualiti hidup masyarakat, dengan itu pembangunan perlu mampu menyelesaikan masalah-masalah yang berkait dengannya, iaitu; persoalan tentang kemiskinan, keperluan asasi manusia seperti makanan mencukupi dan memenuhi zat yang minimum, keupayaan untuk mendapat tempat perlindungan, keupayaan memperolehi peluang pekerjaan untuk menyara keluarga, keupayaan menghantar anak ke sekolah, keadaan alam sekitar yang bersih dan lain-lain petunjuk sosial yang bersangkutan dengan suasana kehidupan yang sempurna yang layak dinikmati oleh manusia”.*<sup>168</sup>

Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan pendapatan (keluaran negara per kapita) manakala perubahan struktur ekonomi ialah perubahan kepentingan sektor kepada perindustrian, peratus penduduk bandar yang tinggi, jangka hayat semasa

---

<sup>166</sup> Abdul Ghani Syamsudin (2004), **“Pembangunan Ekonomi Islam: Perspektif Malaysia”** (Kertas Kerja penelitian Dalam Meningkatkan kefahaman rakyat terhadap persepektif pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh dan besepadu untuk mencapai darjat negara maju, Pada 10 Februari 2004), h. 2. Lihat: Prayitno, Hadi. (1985), **Ekonomika Pembangunan**, Edisi Pertama, Yogyakarta: BPFE, h. 10.

<sup>167</sup> Surtahman Kastin Hasan (1993), *Op.cit*, h. 186.

<sup>168</sup> Nor Aini Hj Idris et.al. (1996), **Wanita Malaysia Dalam Era Pembangunan Industri**, Kuala Lumpur: UKM Bangi, h. 12.

lahir yang panjang dan kadar buta huruf yang rendah, serta pendedahan kepada arena antarabangsa dan sebagainya.<sup>169</sup>

Pembangunan dalam Islam merangkumi sistem nilai dan idea, sistem sosial yang mengandungi sistem kekeluargaan, politik, ekonomi, pelajaran, undang-undang dan peralatan budaya seperti penciptaan alat-alat keperluan hidup, kemudahan pengangkutan, bangunan, mesin, jentera, alat media massa, komputer dan lain-lain.<sup>170</sup> Semua itu dapat dilihat dari pembangunan yang meliputi:<sup>171</sup>

1. Pembangunan peribadi dan keupayaan manusia. Pembangunan peribadi dapat meningkatkan lagi keupayaan manusia seterusnya dapat menyumbangkan tenaga dan buah fikiran yang bersih dan mantap ke arah membangunkan negara Islam mengatasi negara-negara lain di dunia.
2. Menghasilkan pengeluaran yang berguna seperti makanan dan benda-benda asasi yang lain, pengeluaran untuk sistem pertahanan Islam dan barang-barang untuk kegunaan sendiri. Satu perkara yang paling penting untuk dititikberatkan oleh Islam terhadap bahan-bahan keluaran yang dihasilkan tersebut ialah mesti mampu dibeli oleh orang-orang miskin dan berpendapatan rendah.
3. Meningkatkan kehidupan sosial yang berkualiti. Kualiti kehidupan ini boleh dicapai dengan dua cara iaitu :

---

<sup>169</sup> Soemitro, Sutiyastie Remi.(2004) “**Antara Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Manusia**”, *Pikiran Rakyat*, Pada 20 November 2004, h. 13. Lihat: <http://www.pikiran-rakyat.com/cetak/1104/20/0603.htm>, Pada 2 September 2004.

<sup>170</sup> Agustianto, <http://agustianto.niriah.com/2008/10/04/pertumbuhan-dan-pembangunan-ekonomi-perspektif-islam-2/>, Pada 4 Oktober 2008.

<sup>171</sup> Kuncoro, Mudrajad. (2003), *Op.cit.*, h. 19. Lihat: Nor Aini Hj Idris et.al. (1996), *Op.cit.*, h. 12. Lihat: Surtahman Kastin Hasan (1993), *Op.cit.*, h. 186.

- a) Mewujudkan peluang pekerjaan mengikut pengubahsuaian institusi, teknologi, pelaburan dan pendidikan.
  - b) Melaksanakan jaminan sosial secara meluas khususnya kepada golongan yang tidak dan kurang berupaya. Matlamat ini boleh dicapai dengan sistem zakat. Pengagihan pendapatan dan harta wajib dilakukan secara adil supaya dengan ini boleh merapatkan jurang ketidaksamaan yang berlaku di kalangan masyarakat.
4. Mencapai pembangunan yang seimbang, Islam menganjurkan pembangunan tanpa bersyarat kepada kawasan sempadan (desa atau bandar), taraf hidup (miskin atau kaya) dan lain-lain. Tujuannya adalah supaya dapat mengelakkan ekonomi dualisme dan dapat mengeratkan perpaduan.
5. Membangunkan teknologi yang sesuai dengan persekitaran tempatan iaitu sesuai dengan keperluan atau aspirasi negara Islam. Islam menggalakkan reka cipta, memperbaiki dan mengubahsuaikan teknologi yang ada kepada teknologi yang lebih canggih.
6. Mengurangkan pergantungan kepada negara luar. Oleh itu, negara Islam perlu meningkatkan integriti menerusi :
- a) Meningkatkan kebebasan ekonomi.
  - b) Meningkatkan rasa hormat diri sendiri.
  - c) Memperkasakan negara Islam
7. Mengintegrasikan pembangunan moral, kerohanian dan agama dengan pembangunan ekonomi. Islam tidak memisahkan antara pembangunan untuk dunia dan juga akhirat dengan menerapkan keseimbangan dalam

segala perkara tidak kira aspek apa sekalipun, dan begitulah juga dalam konsep pembangunan.

## **2.3 Realiti Peranan Ekonomi Islam Dalam Mengatur Kesejahteraan Ummah**

Islam mengakui adanya perbezaan dalam pendapatan antara manusia, kerana sejak awal lagi, bahawa setiap manusia sudah wujud adanya perbezaan potensi, kemampuan, pekerjaan dan kegiatan. Islam juga mengakui dan menghargai hak pemilikan individu yang diperoleh dengan cara yang halal untuk memenuhi fitrah manusia yang mencintai pemilikan, persaingan dan mempunyai simpanan.<sup>172</sup>

### **2.3.1. Polisi Pengurusan Kewangan Islam Dalam Mendorong Pertumbuhan Ekonomi**

Polisi pengurusan kewangan sebenarnya bukan hanya mengurangkan penggunaan faedah, bahkan sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafaur Rasyidin, polisi pengurusan kewangan dilaksanakan tanpa menggunakan instrumen faedah sama sekali.<sup>173</sup>

---

<sup>172</sup> Soemitro, Sutyastie Remi.(2004), *Op.cit*, h.13

<sup>173</sup> Asyraf Muhammad Dawwabah (2004), *Op.cit*, h. 21.

Laluan perdagangan antara Romawi dan India yang melalui Arab dikenali sebagai jalur perdagangan selatan, sedangkan antara Romawi dan Persia disebut sebagai jalur perdagangan utara, manakala antara Syam dan Yaman disebut sebagai jalur perdagangan utara-selatan.<sup>174</sup>

Perekonomian Arab di zaman Rasulullah SAW bukanlah ekonomi kuno yang hanya mengenal sistem barter, bahkan jauh dari gambaran seperti itu. Dinar dan dirham dijadikan matawang rasmi. Sistem perdagangan bebas diterapkan dan tidak ada halangan sedikit pun untuk mengimport dinar dan dirham. Perniagaan tidak tunai diterima luas di kalangan pedagang. Cek dan *promissory notes*<sup>175</sup> lazim digunakan, contohnya Umar Ibnu-Khattab RA yang mana beliau menggunakan *instrumen* ini untuk mempercepatkan distribusi barang-barang yang baru diimport dari Mesir ke Madinah.<sup>176</sup>

Amalan pemiutang yang baru dipopularkan pada tahun 1980-an, telah dikenali dengan nama *al-hiqwalah*, tapi tentunya bebas dari unsur faedah.<sup>177</sup> Apabila para pedagang mengeksport barang, bererti dinar atau dirham diimport.

---

<sup>174</sup> Adiwarman A.Karim (2001), **Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer**, Jakarta: Gema Insani, h. 29.

<sup>175</sup> *Promissory Note* merupakan salah satu bentuk dari surat berharga. Perjanjian *Promissory Note* adalah perjanjian yang di dalamnya memuatkan pernyataan kesanggupan tanpa syarat untuk membayar sejumlah wang tertentu kepada pihak lain yang tercantum dalam perjanjian tersebut atau kepada penggantinya. Ahmed, Khurshid (1981), *Op.cit.*, h.121. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 30. Lihat: Ketut Suharton Cahyadi (2007), “**Perlindungan Hukum Terhadap Investor Dalam Perjanjian Promissory Note**” (Kertas Thesis, Fakultas Hukum, Universiti Airlangga), h. 5.

<sup>176</sup> *Ibid.* Lihat: Asyraf Muhammad Dawwabah (2004), *Op.cit.*, h. 39. Lihat: Adiwarman A.Karim (2001), *Op.cit.*, h. 28.

<sup>177</sup> Kegiatan pembiayaan dalam bentuk pembelian dan/atau pengalihan serta pengurusan piutang atau tagihan jangka pendek suatu perusahaan atas perniagaan perdagangan dalam atau luar negeri; perusahaan yang melakukan anjak piutang disebut perusahaan anjak piutang. Ahmed, Khurshid (1981), *Op.cit.*, h.122. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 32.

Sebaliknya, apabila mereka mengimport barang, bererti dinar atau dirham dieksport.<sup>178</sup>

Jadi, dapat dikatakan bahawa keseimbangan permintaan (*supply*) dan penawaran (*demand*) di pasaran wang adalah *derived market* dari keseimbangan permintaan secara keseluruhan (*aggregate supply*) dan penawaran secara keseluruhan (*aggregate demand*) di pasaran barang dan perkhidmatan.<sup>179</sup>

Nilai emas dan perak yang terkandung di dalam dinar dan dirham, sama dengan nilai nominalnya sehingga dapat dikatakan bahawa penawaran wang adalah sempurna terhadap tingkat pendapatan. Tidak adanya larangan import dirham dan dinar bererti bahawa penawaran wang boleh dilakukan. Berlebihan penawaran wang dapat diubah menjadi perhiasan emas dan perak. Tidak terjadi berlebihan penawaran atau permintaan sehingga membuat nilai wang stabil.

Dalam ekonomi Islam, beberapa perkara di bawah ini dilarang dengan tujuan untuk menjaga kestabilan, iaitu:<sup>180</sup>

- 1 Permintaan yang tidak sepatutnya. Permintaan wang adalah hanya untuk keperluan perniagaan dan untuk berjaga-jaga.

---

<sup>178</sup> Adiwarmar A.Karim (2001), *Op.cit.*, h. 30. Lihat: Oswari, Teddy and Wahyuni Bastias (2008), **“Anjak Piutang Sebagai Alternatif Permodalan Usaha Kecil Menengah (UKM) Dengan Penetapan Dua Metode Biaya Faedah Pesat”** (Kertas Kerja Ilmiah, Fakulty Ekonomi, University Gundarma), h. 30.

<sup>179</sup> **Derived market** ertinya pasaran wang yang diterbitkan atau diturunkan daripada pasaran produk. Lihat: Ahmed, Khurshid (1981), *Op.cit.*, h.122. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 32. Lihat: Chapra.M.Umar (2000), **Masa Depan Ekonomi Islam**, Ikhwan Abidin Bisri (terj), c. 2, Yogyakarta: Dana Bhakti Wakaf, h. 53.

<sup>180</sup> *Ibid.*

- 2 Penimbunan wang sebagaimana larangan penimbunan barang (*ihṡtikār*).
- 3 Perniagaan *talaqqi rukban*, iaitu mencegah penjual dari luar bandar untuk mendapat keuntungan dari ketidakstabilan harga. Pemesongan harga ini merupakan suatu spekulasi.<sup>181</sup>
- 4 Perniagaan *kāli bi kāli*, iaitu perniagaan tidak tunai. Inilah indahny Islam. Perniagaan tunai diperbolehkan, namun perniagaan tanpa ada barang dilarang. Perniagaan maya ini merupakan salah satu pintu riba.<sup>182</sup>
- 5 Segala bentuk riba dilarang sebagaimana firman Allah SWT kerana merugikan dan membuat orang semakin miskin.

### **2.3.2 Polisi Ekonomi Islam Dalam Menyelamatkan Globalisasi Pasaran Matawang**

Beberapa waktu yang lalu, di depan kongres Amerika Syarikat, pengarah pelaburan terkemuka George Soros mengemukakan bahawa sistem kapitalisme global sudah tidak berlaku lagi.<sup>183</sup> Selain itu, peredaran modal yang berlaku sebeb-bebasnya membuat perekonomian suatu negara satu demi satu akan rosak dan perkara ini akan menjadi fenomena global.

Ini disebabkan kerana perekonomian saat ini banyak digunakan melalui perniagaan maya yang dilakukan oleh segelintir manusia di beberapa negeri

---

<sup>181</sup> Perkembangan ekonomi Islam, <http://www.tazkiaonline.com/?view=articles&id=18&detail=yes>, Pada 7 Mac 2008.

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> A.Nizami (2008), “**Kegagalan Globalisasi: Meningkatnya Kemiskinan, Kelaparan, Depresi dan Kriminalitas**”, Hidayatullah: Pada 6 April 2008, h. 12.

seperti London, Tokyo, Hong Kong, Singapore, Chicago dan New York.<sup>184</sup> Kekuatan pasaran wang saat ini hanya 15% yang mempunyai kaitan langsung dengan perniagaan barangan dan perkhidmatan manakala bakinya berupa spekulasi yang ditentukan oleh kelima-lima negara di atas.

Dalam ekonomi Islam, globalisasi<sup>185</sup> merupakan sebahagian perkara yang penting dari konsep universal Islam. Perekonomian Islam sangat terbuka terhadap perekonomian global, tetapi dampak negatif perekonomian global tidak dirasakan sebab Islam dengan keras menolak segala perniagaan maya seperti yang terjadi di pasaran wang saat ini yang berbentuk *forward*, *future* dan *options*.<sup>186</sup> Wang bukan komoditi (barangan). Praktik penggandaan wang dan spekulasi dilarang,

---

<sup>184</sup> *Ibid.*

<sup>185</sup> Globalisasi bukan sekedar slogan ekonomi kapitalis dan bukan pula salah satu fenomena dalam ideologi kapitalisme yang beraneka ragam. Globalisasi adalah sebuah pemikiran ideologi Kapitalisme yang komprehensif dan meliputi segenap aspek kehidupan, kendatipun yang menonjol adalah aspek ekonomi. Globalisasi merupakan serangan total peradaban kapitalis yang melanda seluruh pelosok dunia —termasuk dunia Islam— dan merupakan serangan yang sangat ganas dan mematikan dengan senjata modal —yang memang sangat vital bagi roda kehidupan— untuk melumpuhkan seluruh bangsa di dunia, termasuk kaum Muslimin. Lihat: Ahmad Al-Khatib (2004), “**Globalisasi Skenario Mutakhir Kapitalisme**”, *Swara Muslim*, Pada 11 Oktober 2007, h. 5.

<sup>186</sup> Perniagaan Forward, yaitu perniagaan pembelian dan penjualan yang nilainya ditetapkan pada saat sekarang dan diberlakukan untuk waktu yang akan datang, antara 2x24 jam sampai dengan satu tahun. Hukumnya adalah haram, karena harga yang digunakan adalah harga yang diperjanjikan (muwa'adah) dan penyerahannya dilakukan di kemudian hari, padahal harga pada waktu penyerahan tersebut belum tentu sama dengan nilai yang disepakati, kecuali dilakukan dalam bentuk forward agreement untuk kebutuhan yang tidak dapat dihindari (lil hajah).

Perniagaan Option yaitu kontrak untuk memperoleh hak dalam rangka membeli atau hak untuk menjual yang tidak harus dilakukan atas sejumlah unit valuta asing pada harga dan jangka waktu atau tanggal akhir tertentu. Hukumnya haram, karena mengandung unsur maisir (spekulasi)

Futures market adalah perkembangan dari spot market dan juga forward market.

Perniagaan SPOT, yaitu perniagaan pembelian dan penjualan valuta asing untuk penyerahan pada saat itu (over the counter) atau penyelesaiannya paling lambat dalam jangka waktu dua hari. Hukumnya adalah boleh, karena dianggap tunai, sedangkan waktu dua hari dianggap sebagai proses penyelesaian yang tidak bisa dihindari dan merupakan perniagaan internasional. Lihat: Ahmed, Khurshid (1981), *Op.cit.*, h.122. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 32.

Lihat: Chapra.M.Umar (2000), *Op.cit.*, h.45.

Lihat : **Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Majelis Ulama Indonesia** no:28/DSN-MUI/III/2002, tentang Jual Beli Mata Wang (Al-Sharf). Lihat: Dhan, Theory Random Walk, <http://www.fundkitchen.com/2008/01/random-walk-theory/>, Pada 2 Januari 2008



globalisasi dibuka seluas-luasnya dan perniagaan maya ditutup serapat-rapatnya.<sup>187</sup>

Rancangan undang-undang (RUU) perbankan yang baru telah memberi peluang kepada bank syariah untuk memainkan peranan yang lebih penting<sup>188</sup>. Sistem perbankan syariah yang selalu mengaitkan sektor kewangan dengan sektor perkhidmatan melalui mekanisme bagi hasil dan jual beli, menghilangkan bentuk-bentuk perniagaan maya. Dalam hal ini, para ahli ekonomi tampaknya perlu mengubah paradigma agar penyelesaian atas krisis sekarang tidak bertambah kerana krisis itu tidak hanya terjadi di Asia tetapi terjadi di seluruh dunia.

### 2.3.3 Polisi Fiskal Ekonomi Islam Dalam Memenuhi Tuntutan Rakyatnya

Polisi Fiskal<sup>189</sup> sebenarnya telah ada sejak zaman Rasulullah SAW<sup>190</sup> dan *Khulafa al-Rasyidin* yang kemudian dikembangkan oleh para ulama. Ibnu Khaldun (1404) mengajukan aturan tersebut untuk mengecilkan cukai dan meningkatkan pengeluaran pemerintah kerana pemerintah adalah pasaran terbesar

---

<sup>187</sup> *Ibid.*

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> Polisi Fiskal adalah polisi makroekonomi suatu pemerintahan yang meliputi penentuan tingkat pajak, suku faedah, target inflasi, serta polisi keuangan lain, sebagai usaha untuk mengendalikan laju pertumbuhan ekonomi dari pemerintahan tersebut. Lihat: Yudhi (2008), "**Fiscal Policy (Polisi Fiskal)**", Wordpress Saham, Pada April 20, h. 5.

<sup>190</sup> Di zaman Rasulullah SAW penerimaan anggaran pendapatan belanja negara (APBN) terdiri atas *kharaj* (sejenis cukai tanah), *zakat*, *jizya* (sejenis cukai atas selain Muslim) dan penerimaan lainnya. Hasil penerimaannya tersebut digunakan untuk kepentingan dakwah, pendidikan dan kebudayaan, kesejahteraan sosial dan sebagainya. Lihat: Syed Othman Alhabshi (2007), **Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara**, <http://vlib.unitarklj1.edu.my/staff-publications/datuk/DEWEKO3.pdf>, Pada 11 November 2007.

dalam hal besarnya pendapatan dan penerimaannya.<sup>191</sup> Jika pasaran pemerintah mengalami penurunan, wajar apabila pasaran lain mengalami penurunan, bahkan dalam total (*agregat*) yang lebih besar.

Abu Yusuf (798) adalah ahli ekonomi pertama yang menulis secara khusus tentang polisi ekonomi dalam kitabnya, *al-Kharaj*<sup>192</sup> yang menjelaskan secara khusus tentang tanggungjawab ekonomi pemerintah untuk memenuhi kehendak rakyatnya. Beliau sangat menentang adanya cukai atas tanah pertanian dan menyarankan diganti dengan zakat pertanian yang dikaitkan dengan jumlah hasil pengeluarannya. Kemudian beliau membuat perincian bagaimana membiayai pembangunan jambatan, jalan raya dan sebagainya dalam memenuhi kesejahteraan rakyat.

### **2.3.3.1 Zakat Dalam Mengatasi Kemiskinan**

Zakat merupakan kewajipan berkala yang pengambilannya berulang-ulang setiap satu haul (perhitungan tahun hijriah) sama ada dari wang, perniagaan, kenderaan, rumah, perhiasan dan lainnya dari harta benda yang dimiliki.<sup>193</sup>

Zakat diwajibkan oleh Allah SWT ke atas harta yang dimiliki oleh manusia untuk jangka dan nisbah yang ditentukan oleh syariah bertujuan semata-

---

<sup>191</sup> Adiwarmman A.Karim (2001), *Op.cit.*, h. 25.

<sup>192</sup> Agustianto (2008), “Percikan Pemikiran Islam”. Berbisnis Sesuai Syariah, Pada 3 Mei 2008, h. 16.

<sup>193</sup> *Ibid.*

mata untuk mensucikan diri dan harta mereka. Harta itu diambil dan disalurkan kepada kaum miskin sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاتِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً  
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Surah al-Taubah (9): 60

” Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Zakat dalam konteks keseluruhan ummah bukan jumlah yang sedikit. Pembahagian peratusnya adalah 2.5% untuk zakat wang dan perniagaan, 5%-10%, untuk pertanian, perkebunan dan peternakan, 20% untuk hasil tambang dan harta benda temuan.<sup>194</sup> Jadi semakin besar pendapatan seseorang, maka semakin besar pula zakat yang harus dibayar. Tidak ada seorangpun yang boleh melanggarnya kecuali orang yang penghasilannya hanya cukup untuk hidup sekadarnya.

---

<sup>194</sup> Wahbah al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, juz:II, Damascus: Dār al-Fikr, h. 866. Lihat: .A. Hidayat & H. Hikmat Kurnia (2008), *Op.cit*, h. 13.

Zakat mempunyai beberapa karakteristik iaitu:<sup>195</sup>

- 1) Bukan sekadar kebajikan peribadi atau sedekah sukarela, tetapi hak yang ditentukan. Ia memiliki jumlah, nisbah, waktu dan lokasi penyaluran yang telah ditentukan.
- 2) Memiliki tingkat kewajipan yang sangat tinggi, iaitu sebagai kewajipan agama, moral dan perundangan. Ia merupakan kewajipan yang agung, syi'ar terbesar dan rukun Islam ketiga. Di dalam al-Quran dan al-Sunnah, zakat menempati urutan sesudah syahadat dan melaksanakan solat.
- 3) Zakat adalah suatu ibadah untuk seorang Muslim bertaqarrub kepada Allah SWT, seperti solat dan puasa. Zakat merupakan kewajipan yang harus ditunaikan di mana kutipannya dilakukan oleh negara Islam dari pemilik harta dan disalurkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya. Orang yang menentanginya akan dijatuhi hukuman (sanksi).
- 4) Zakat tidak sama dengan cukai konvensional yang diambil dari orang-orang yang berpendapatan kecil, para peniaga kecil dan pegawai rendah yang kemudian dibelanjakan untuk kemegahan para penguasa dan para pengikut mereka.

---

<sup>195</sup> Yusuf Qardlawi.(1993), *Op.cit.*, h. 240. Lihat:Sidi Gazalba.(1983), **Islam dan Perubahan Sosiobudaya, Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat**, Jakarta :Pustaka Al-Husna, h. 47. Lihat: Sulaiman Rasyid. (1996). **Fiqh Islam**. “*Islam di bangun atas dasar lima Perkara: Pertama, Dua Syahadat. Kedua, Mendirikan Solat. Ketiga, Melaksanakan Puasa. Keempat, Membayar zakat. Kelima, Menunaikan Ibadah Haji.*”, h. 192-193. Lihat: (Hadits ini di riwayatkan oleh Bukhari, Muslim dari Abu Hurairah yang ketika itu di datangi oleh seorang laki-laki yang tidak lain adalah malaikat Jibril a.s). Dalam kitab *Sūrah al-Bukhāri*, Juz II, h. 120, dikatakan bahawa zakat merupakan rukun ketiga Islam, Masdar F. Mas’udi dalam sebuah bukunya “**Agama dan Keadilan, Risalah Zakat(Pajak) Dalam Islam**” dikutip dari makalah yang di tulis oleh Maksun (Peminat Masalah Sosial Keagamaan). **Mencermati Makna Ekonomi Zakat**. (Akbar) Media Indonesia, Pada Tanggal 15 Januari 1999.

Jika zakat belum dapat memenuhi semua keperluan orang faqir, maka semua sumber dana negara Islam yang sangat luas harus digunakan untuk memenuhi dan menjamin keperluan mereka. Antara yang menjadi sumber keperluan adalah seperti minyak, tanah pertanian, perumahan dan sebagainya.

Selanjutnya, penerimaan zakat dihitung secara proposional, iaitu dalam peratus dan bukan ditentukan dari nilai nominalnya. Secara ekonomi makro, hal ini akan membentuk *built in stability* yang akan menstabilkan harga dan menekan inflasi ketika permintaan keseluruhan lebih besar daripada penawaran keseluruhan.<sup>196</sup> Dalam keadaan terhenti, misalnya permintaan (*demand*) keseluruhan menurun menjadi lebih kecil daripada penawaran keseluruhan, ia akan mendorong ke arah stabiliti pendapatan dan total produktiviti.

Sistem zakat perniagaan tidak akan mempengaruhi harga dan jumlah penawaran kerana zakat dihitung dari hasil usaha yang dilakukan. Dalam istilah kewangannya, ia disebut sebagai *tax on quasi rent*.<sup>197</sup> Ini berbeza dengan sistem percukain pertambahan nilai (PPN)<sup>198</sup> yang popular sekarang di mana PPN dihitung atas harga barang sehingga harga bertambah mahal dan jumlah yang ditawarkan lebih sedikit.

Islam turut menerapkan sistem yang progresif untuk memberikan intensif dalam meningkatkan produktiviti khususnya bagi zakat ternakan. Makin banyak

---

<sup>196</sup> *Ibid.*

<sup>197</sup> *Ibid.*

<sup>198</sup> Dalam istilah Indonesia bahawa PPN adalah Perpajakan Pertambahan Nilai.

ternakan yang dimiliki, maka makin kecil nilai zakat yang dibayar. Ia akan mendorong tercapainya skala produktiviti yang lebih besar dan tercapainya efisien dalam membiayai produk.

Sistem progresif ini hanya berlaku untuk zakat pertanian kerana apabila berlaku hasil yang berlebihan maka hasil pertanian itu tidak akan busuk seperti sayuran atau buah-buahan. Harganya juga tidak akan jatuh walaupun dengan hasil yang berlebihan tersebut. Pentadbiran yang baik terbukti menarik kepercayaan rakyat, pembayar zakat dan sebaliknya. Pada zaman Umar al-Khattab, penerimaan baitul mal mencapai 160 juta dirham tetapi di zaman al-Hajaj hanya mencapai 18 juta dirham dan di zaman Umar Bin Abd al-Aziz, ia meningkat sehingga mencapai 30 dan 40 juta dirham pada tahun pertama dan kedua masa pemerintahannya.<sup>199</sup>

Anggaran pembelanjaan negara pada masa Rasulullah SAW dan *Khulafa al-Rāsyidīn* jarang sekali mengalami defisit sebab pengeluaran hanya dapat dilakukan bila ada penerimaan. Pernah sekali ia mengalami defisit, iaitu sebelum perang Hunain, namun segera diatasi setelah perang. Pada zaman Umar dan Uthman RA, penerimaan negara mengalami peningkatan. Dengan tiadanya defisit bererti tidak ada wang baru dicetak dan ini bererti tidak akan terjadi inflasi yang

---

<sup>199</sup> Wahbah al-Zuhayli (1989), *Op.cit*, h. 800. Lihat: A. Hidayat & Hikmat Kurnia (2008), *Op.cit.*, h. 18. Lihat: Adiwarmman A.Karim (2001), *Op.cit.*, h. 26.

disebabkan oleh kewangan yang berlebihan. Inflasi terjadi di zaman Rasulullah dan *Khulafa al-Rasyidin* akibat turunnya harga barang ketika musim perang.<sup>200</sup>

### **2.3.3.2 Pengharaman Riba Dalam Perekonomi Ummah**

Antara kesan ekonomi riba<sup>201</sup> adalah penurunan matawang yang diakibatkan oleh faedah. Hal tersebut disebabkan oleh salah satu elemen dan penentuan harga adalah kadar faedah. Semakin tinggi kadar faedah, semakin tinggi juga harga yang akan ditetapkan pada suatu barang. Kesan lainnya adalah berkaitan dengan hutang iaitu apabila rendahnya tingkat penerimaan peminjam dan tingginya biaya faedah akan menjadikan peminjam tidak pernah keluar daripada kebergantungan, lebih-lebih lagi apabila hutang itu semakin bertambah akibat faedahnya yang berlipat ganda.

Contoh paling nyata adalah hutang negara-negara sedang membangun kepada negara-negara maju. Meskipun disebut pinjaman mudah yang bererti kadar faedahnya rendah, tetapi pada akhirnya negara-negara penghutang harus berhutang lagi untuk membayar hutang dan faedahnya, maka terjadilah aktiviti berhutang yang tidak terhenti. Ini dapat menyebabkan proses terjadinya kemiskinan struktural yang menimpa lebih daripada separuh masyarakat dunia.

---

<sup>200</sup> *Ibid.*

<sup>201</sup> M.A.Manan (1998), *Op.cit*, h. 164.

Riba merupakan pendapatan yang diperoleh secara tidak adil.<sup>202</sup> Para pengambil riba menggunakan wangnya untuk mengeksploitasi orang lain agar berusaha dan mengembalikan wang yang dipinjam dengan faedah tertentu misalnya 25% lebih banyak dari jumlah yang dipinjamkannya.<sup>203</sup>

Persoalannya, siapakah yang menjamin bahawa usaha yang dijalankan oleh seseorang itu akan memberikannya keuntungan lebih daripada 25% tersebut. Semua orang apatah lagi yang beragama sudah tahu bahawa sesiapa pun tidak boleh memastikan apa yang terjadi kepadanya esok atau lusa. Sesiapa pun tahu bahawa berusaha memiliki dua kemungkinan iaitu berjaya atau gagal. Dengan menetapkan riba, orang sudah memastikan bahawa usaha yang dilakukannya pasti mendapat untung.

Faedah mewujudkan sikap ego, bakhil, berwawasan sempit, serta berhati batu.<sup>204</sup> Seseorang yang memfaedahkan wangnya akan cenderung bersikap tidak mengenal belas kasihan. Selain itu, ia akan mendorong sikap tamak, dengki pada rezeki orang lain, serta cenderung untuk menjadi kikir. Secara psikologi, ia juga

---

<sup>202</sup> *Ibid.*, h. 165. Lihat: Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Op.cit.*, h. 7. Lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op.cit.*, h. 40. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit.*, h. 26. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit.*, h. 3. Lihat: Zainal Arifin (2006), *Op.cit.*, Lihat: Yusuf Qardhawi (1995), *Op.cit.*, h. 21. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 24. Lihat: Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *Op.cit.*, h. 122. Lihat: Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 10.

<sup>203</sup> Adiwarmarman A Karim (2001), *op.cit.*, h. 70. Lihat: Latifa M.Algaoud, Mervyn K.Lewis (2003), *Op.cit.*, h. 264.

<sup>204</sup> M.A. Mannan (1987), *Op.cit.*, h. 18. Lihat: Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Op.cit.*, h. 7. Lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op.cit.*, h. 40. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit.*, h. 26. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit.*, h. 3. Lihat: Zainal Arifin (2006), *Op.cit.*, Lihat: Yusuf Qardhawi (1995), *Op.cit.*, h. 21. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 24. Lihat: Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 10.



menjadikan seseorang itu malas untuk melaburkan dananya dalam sektor perusahaan.

Secara sosial, faedah merosakkan semangat berkhidmat kepada masyarakat. Orang akan tidak mahu berbuat apa-apa pun kecuali yang memberi keuntungan kepada diri sendiri. Keperluan seseorang merupakan peluang bagi orang lain untuk meraih keuntungan. Kepentingan orang-orang kaya dianggap berbeza dan bertentangan dengan kepentingan orang-orang miskin. Masyarakat yang seperti itu tidak akan mencapai perpaduan dan kepentingan bersama untuk menggapai kejayaan dan kesejahteraan. Cepat atau lambat, masyarakat tersebut akan mengalami perpecahan.

#### **2.4. Peranan Perbankan Islam Dalam Mewujudkan Pemulihan Ekonomi Indonesia**

Krisis ekonomi yang terjadi di Indonesia sehingga saat ini masih berlaku dan belum menunjukkan tanda-tanda untuk segera membaik. APBN (Anggaran Pendapatan Belanja Negara) masih digunakan dalam jumlah besar untuk pengeluaran membayar faedah hutang sama ada hutang luar negeri mahupun faedah hutang dalam negeri yang berbentuk faedah obligasi rekap bank konvensional.<sup>205</sup>

---

<sup>205</sup> Kompas, Pada 6 Desember 2006 “Dampak Hutang Luar Negeri Indonesia Terhadap Ekonomi Politik Indonesia”.

Semestinya, dana APBN yang berjumlah ratusan triliun digunakan untuk membantu rakyat miskin, tetapi sebaliknya digunakan untuk mensubsidi bank-bank ribawi melalui faedah rekap BLBI (Bantuan Likuiditas Bank Indonesia) dan SBI (Sertifikat Bank Indonesia).<sup>206</sup> Ini terjadi kerana pemerintah telah terperangkap kepada sistem riba yang merosakkan perekonomian bangsa. Menaiknya harga bahan bakar minyak (BBM) semakin menambahkan lagi penderitaan rakyat Indonesia dan angka kemiskinan semakin menggerunkan dan inflasi meningkat secara mengejut.

Semua pakar ekonomi di Indonesia menjangkakan inflasi hanya berkisar 8.7%, tetapi kenyataan mereka meleset di luar dugaan iaitu lebih dari 18%. Angka inflasi 18% merupakan yang tertinggi dalam masa empat tahun terakhir.<sup>207</sup> Sebagai pertanda penting bagi perekonomian negara, maka inflasi wajib dipandang secara kritis kerana inflasi yang naik tinggi akan mendatangkan bahaya kepada ekonomi rakyat.

Sejak tahun 2007 hingga 2009 dicatatkan bahawa jumlah hutang Indonesia mencapai mencapai USD 147.1 milion atau setara dengan Rp. 1,325 triliun. Selain masalah hutang Indonesia yang sangat banyak, ancaman terhadap kewangan dan pembiayaan pembangunan juga menjadi masalah besar.<sup>208</sup> Demikian pula buruknya infrastruktur, rendahnya pelaburan dan pertumbuhan

---

<sup>206</sup> *Ibid.*

<sup>207</sup> Bank Indonesia, **No.10/23/PSHM/Humas**, [http://www.bi.go.id/web/id/Siaran+Pers/-sp\\_102308.htm](http://www.bi.go.id/web/id/Siaran+Pers/-sp_102308.htm), Jakarta, Pada 6 Mei 2008.

<sup>208</sup> *Ibid.*

ekonomi, mundurnya sektor perkhidmatan serta menurunnya daya saing akan meningkatkan lagi angka pengangguran akibat kenaikan bahan bakar minyak (BBM).<sup>209</sup>

Anggaran Pendapatan Belanja Negara (APBN) masih berada pada titik yang kritikal kerana faktor luaran seperti naiknya harga minyak yang akan membebankan APBN dan menambah defisit APBN.<sup>210</sup> Perkara tersebut akan turut menaikkan subsidi bahan bakar minyak (BBM) dan pengeluaran pemerintah yang berkait rapat dengan aktiviti luar negeri. Belum lagi ancaman penurunan nilai rupiah yang akan berlaku di negara ini. Ekonomi Indonesia benar-benar gagal di bawah sistem ekonomi kapitalisme.<sup>211</sup>

Salah satu penyelesaian penting yang mesti diambil kira oleh pemerintah dalam membangun ekonomi Indonesia adalah penerapan ekonomi syariah. Ekonomi syariah memiliki komitmen yang kuat dalam mengurangkan jurang kemiskinan, keadilan, pertumbuhan ekonomi, penghapusan riba, dan pelarangan spekulasi matawang untuk mewujudkan stabiliti perekonomian.<sup>212</sup> Ekonomi

---

<sup>209</sup>Bahagijo, Sugeng (2009) “**The Sustainability and legitimacy of the Debt of Indonesia**”, (Kertas kerja laporan tahunan ground paper for the 2009 Annual Advocacy of INFID.Indonesia), h. 4.

<sup>210</sup> Reinhard Hutapea (2006), *Op.cit.*, h. 6

<sup>211</sup>Cole, David C, and Betty F. Slader. 1998. “**Why has Indonesia’s Financial Crisis Been so Bad?**” Bulletin of Indonesian Economic Studies. Vol. 34. No. 2 , August 1998.

<sup>212</sup> M.A. Mannan (1987), *Op.cit.*, h. 18. Lihat: Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Op.cit.*, h. 7. Lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Op.cit.*, h. 40. Lihat: Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Op.cit.*, h. 26. Lihat: Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *Op.cit.*, h. 122. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit.*, h. 3. Lihat: Zainal Arifin (2006), *Op.cit.*, Lihat: Yusuf Qardhawi (1995), *Op.cit.*, h. 21. Lihat: M.N. Siddiqui (1997), *Op.cit.*, h. 24. Lihat: Muhammad Syafi’i Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 10.

syariah menekankan keadilan, mengajar konsep yang unggul dalam menghadapi masalah kewangan jika dibandingkan dengan sistem konvensional.<sup>213</sup>

Pemerintah Indonesia perlu memberikan perhatian besar kepada sistem ekonomi Islam yang telah terbukti ampuh dan lebih tahan di masa krisis kewangan berlaku. Sistem ekonomi Islam yang diwakili lembaga perbankan syariah telah menunjukkan kebolehannya bertahan kerana menggunakan sistem bahagi hasil sehingga tidak mengalami *negative spread*.<sup>214</sup> sebagaimana bank-bank konvensional. Bahkan perbankan syariah semakin berkembang di masa-masa yang sangat sukar sekalipun.

Selama ini, sistem ekonomi dan kewangan syariah kurang mendapat tempat yang memungkinkannya untuk berkembang. Ekonomi Islam belum menjadi perhatian pemerintah. Akibatnya, pertumbuhannya sangat lambat kerana kurang mendapat sokongan penuh dari pemerintah dan pihak-pihak yang berautoriti, seperti Menteri Kewangan, Menteri Perdagangan dan Industri, DPR (Dewan Perwakilan Rakyat) dan Menteri yang berkaitan.<sup>215</sup>

Kejayaan Malaysia mengembangkan ekonomi Islam secara signifikan telah menjadi teladan dunia dan ini disebabkan oleh polisi dan sistemnya yang

---

<sup>213</sup>*Ibid.*

<sup>214</sup> Negative spread itu adalah tingkat suku faedah pinjaman yang lebih rendah daripada tingkat suku faedah. Lihat: Adiwarmanto A. Karim (2001), *Op. cit.*, h. 20. Lihat: Martin Manurung (1999), **“Apa Itu Negative Spread”**, Kuli Tinta, 17 Mac 1999, h. 1.

<sup>215</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 10. Lihat: Agustianto (2005), *Op.cit.*, h. 6. Lihat: M. Sahari Besari (2003) *Op. cit.*, h. 12

menyokong dalam mengembangkan ekonomi Islam.<sup>216</sup> Mereka muncul sebagai pelopor kebangkitan ekonomi Islam dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan kekuatan ekonomi berdasarkan prinsip syariah. Indonesia yang jauh lebih dulu merdeka, kini tertinggal jauh dari Malaysia.

Polisi Malaysia dengan sistem syariah telah mampu mengangkat ekonomi Malaysia setara dengan Singapura. Tanpa polisi mereka, tentu tidak mungkin ekonomi Islam berkembang seperti sekarang dan terjadi perubahan positif terhadap pendapatan masyarakat Islam secara signifikan. Malaysia bukan saja berhasil membangunkan sistem perbankan, insurans, pasaran modal, tabung haji dan lembaga kewangan lainnya secara sistem syariah, tetapi juga telah mampu membangunkan peradaban ekonomi sama ada secara mikro mahupun makro dengan didasari prinsip nilai-nilai Islam.<sup>217</sup>

## **2.5 Kesimpulan**

Pembangunan berdasarkan falsafah dan konsep yang merujuk kepada persoalan prinsip dalam hidup. Dalam konteks umat Islam, prinsip yang paling fundamental ialah akidah atau iman. Prinsip ini menegaskan bahawa manusia sebagai pemegang amanah Allah SWT bertanggungjawab untuk memakmurkan alam dan mengurusnya dengan cara yang paling baik dan saksama.

---

<sup>216</sup> Berita Sore, Pada 22 November 2008 “Pemimpin Kedepan Harus Berani Ubah Polisi Ekonomi”.

<sup>217</sup> *Ibid.*

Allah SWT tidak suka kepada perbuatan merosakkan alam tempat penghunian manusia dan makhluk Allah SWT yang lain dari generasi ke generasi. Kehadiran manusia di dunia ini adalah untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Iman, Islam dan Ihsan mendasari segala gerak kerja pembangunan. Konsep pembangunan ekonomi Islam bertitik tolak dari pengembangan sumber daya manusia (*human capital*) dan penguasaan teknologi sebagai penggerak utama (*driving force*) pembangunan ekonomi.

Pengembangan sumber daya manusia merangkumi seluruh potensi, keberdayaan dan kualiti kemanusiaan dari sudut rohani dan moral. Pembangunan ekonomi merangkumi pembangunan sistem kewangan dan dasar perniagaan global yang adil. Ia juga merangkumi kesamarataan kebebasan sosial, keadilan ekonomi, pengembangan teknologi, usaha mempelbagaikan sumber dan sebagainya.

Pembangunan dalam Islam merangkumi sistem nilai dan idea, sistem sosial yang mengandungi sistem kekeluargaan, politik, ekonomi, pelajaran, undang-undang dan peralatan budaya seperti penciptaan alat-alat keperluan hidup, kemudahan pengangkutan, bangunan, mesin, jentera, alat media massa, komputer dan lain sebagainya.

Syariat adalah asas pembangunan yang berikutnya. Pengembangan ekonomi mesti merujuk kepada asas-asas yang syarak dan halal. Segala akad yang

*fasid* serta muamalat yang berunsur *gharar* dan *qimar* tidak boleh menjadi amalan dalam membangun ekonomi. Pembangunan mesti menjulang dasar yang adil, tidak menindas, atau melalui kaedah yang zalim dan haram.

**BAB TIGA**  
**AMALAN PERBANKAN ISLAM DI BANK SYARIAH MANDIRI JAWA BARAT**  
**SECARA KHAS DAN SECARA UMUM DI INDONESIA**

**3.1. Pendahuluan**

Perkembangan sistem ekonomi syariah dalam satu dekade terakhir ini di Indonesia semakin pesat. Hal ini merupakan sebuah fenomena yang sangat menarik. Apalagi kondisi ini terjadi di saat bangsa Indonesia ditimpa oleh krisis berbagai persoalan bangsa, yang diawali oleh krisis kewangan pada tahun 1997, yang hingga saat ini masih berkepanjangan. Hal itu ditandai dengan berdirinya lembaga-lembaga kewangan syariah seperti Bank Syariah.<sup>218</sup>

Bank syariah adalah bank yang beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip syariah Islam yang menerapkan konsep perkongsian untung rugi yang menguntungkan bahagi pihak penabung dan peminjam.<sup>219</sup> Inilah yang dikatakan Joni Tamkin bahawa konsep Islam itu adalah sistem pembahagian untung rugi.<sup>220</sup>

Fenomena Bank Syariah di Indonesia dimulai dengan berdirinya Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang operasinya diresmikan pada 1 Mei 1992.<sup>221</sup> Bank

---

<sup>218</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), **Bank Syariah Dari Teori ke Praktik**, Jakarta: Tazkia Cendikia, h. 275-277.

<sup>219</sup> Joni Tamkin Borhan (1993), **Sistem Perkongsian Islam: Suatu Analisa Khusus Terhadap Bank Islam, Syarikat Tafakul dan Lembaga Tabung Haji di Malaysia**, Desertasi Sarjana, Kuala Lumpur: University Malaya, h. 258.

<sup>220</sup> *Ibid.*

<sup>221</sup> Sofinah Ghufon (2005), "**Konsep Dan Implementasi Bank Syariah**", Jakarta: Renaisan, h.20. Konsultasi Muamalat, <http://konsultasimuamalat.com/home/index.php>, Pada 10 Maret 2008



Muamalat bukan sekedar merupakan bank syariah pertama di Indonesia. Lebih dari itu, ia juga merupakan institusi ekonomi pertama yang menerapkan sistem syariah di Indonesia.<sup>222</sup> Maka BMI menjadi simbol bermulanya kebangkitan sistem ekonomi syariah di Indonesia.

Kemudian disusul Bank Syariah Mandiri (BSM) yang merupakan hasil konversi sistem operasi perbankan dari konvensional ke sistem syariah yakni pada 19 November 1999, BSM resmi mengikuti Bank Muamalat dalam menerapkan sistem syariah.<sup>223</sup>

Melihat proses pembentukan bank syariah di Indonesia, bahwa ada tiga cara untuk menjadi bank syariah, yaitu:<sup>224</sup>

1. Mendirikan bank syariah secara langsung dengan sistem syariah seperti; Bank Muamalat.
2. Melakukan konversi, dari bank konvensional ke bank syariah. Ini pun biasanya menggunakan sepenuhnya sistem syariah, seperti; Bank Syariah Mandiri yang pada awalnya adalah bank konvensional.
3. Membuka divisi syariah, biasanya adalah bank konvensional yang berniat melakukan perniagaan syariah, hal itu dilakukan dengan cara membuka divisi syariah dengan menggunakan *Dual Banking System*.

---

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2001), **Laporan Tahunan 2001**, Jakarta: PT. Bank Syariah Mandiri, h. 8-9.

<sup>224</sup> Sudarsono, Heri (2007), **Bank & Lembaga Keuangan Syariah**, Yogyakarta: Ekonisia, h. 10. Lihat: Sumitro, Warkum (2004), **Asas-asas Perbankan Islam**, Jakarta: PT. Raja Grafindo, h. 8. Lihat: Anshori, Abdul Ghofur (2007), **Perbankan Syariah di Indonesia**, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, h. 19.

### 3.2. Sejarah Pendirian Bank Syariah Mandiri

Lahirnya Undang-Undang (UU) No.10 tahun 1998, tentang Perubahan atas Undang-Undang No. 7 tahun 1992 tentang Perbankan, pada bulan November 1998 telah memberi peluang yang sangat baik bahagi tumbuhnya bank-bank syariah di Indonesia.<sup>225</sup> Undang-Undang tersebut memungkinkan bank beroperasi sepenuhnya secara syariah atau dengan membuka cawangan khusus syariah.

PT. Bank Susila Bakti (PT. Bank Susila Bakti) yang dimiliki oleh Yayasan Kesejahteraan Pegawai (YKP) PT. Bank Dagang Negara dan PT. Mahkota Prestasi berupaya keluar dari krisis 1997 - 1999 dengan berbagai cara. Mulai dari langkah-langkah menuju penggabungan sampai pada akhirnya memilih konversi menjadi bank syariah dengan suntikan modal dari pemilik.<sup>226</sup>

Dengan terjadinya merger empat bank yaitu Bank Dagang Negara, Bank Bumi Daya, Bank Exim dan Bapindo ke dalam PT. Bank Mandiri pada tanggal 31 Juli 1999, rencana perubahan PT. Bank Susila Bakti menjadi bank syariah (dengan nama Bank Syariah Sakinah) diambil alih oleh PT. Bank Mandiri.<sup>227</sup>

PT. Bank Mandiri (Persero) selaku pemilik baru mendukung sepenuhnya dan melanjutkan rencana perubahan PT. Bank Susila Bakti menjadi bank syariah,

---

<sup>225</sup> Bank Indonesia (1999), **Surat Keputusan Direksi Bank Indonesia Tentang Bank Perkreditan Rakyat Berdasarkan Prinsip Syariah**, Jakarta: Bank Indonesia, h. 2. Lihat: Antonio, Muhammad Syafi'i. (2001), *Op.cit.*, h. 5. Lihat: **Ekonomi Islam**", [www.tazkiaonline.com](http://www.tazkiaonline.com), pada 20 Februari 2006. Lihat: Sofiniyah Ghufron (2005), *Op. cit*, h. 20

<sup>226</sup> *Ibid.*

<sup>227</sup> PT.Bank Syariah Mandiri (2007), *Op.cit.*, h. 10-11.

sejalan dengan keinginan PT. Bank Mandiri (Persero) untuk membentuk unit syariah. Langkah awal dengan merubah Anggaran Dasar tentang nama PT.<sup>228</sup> Bank Susila Bakti menjadi PT. Bank Syariah Sakinah berdasarkan Akta Notaris : Ny. Machrani M.S. SH, No. 29 pada tanggal 19 Mei 1999. Kemudian melalui Akta No. 23 tanggal 8 September 1999 Notaris : Sutjipto, SH nama PT. Bank Syariah Sakinah Mandiri diubah menjadi PT. Bank Syariah Mandiri.<sup>229</sup>

Pada tanggal 25 Oktober 1999, Bank Indonesia melalui Surat Keputusan Gubernur Bank Indonesia No. 1/24/KEP. BI/1999 telah memberikan izin perubahan kegiatan usaha konvensional menjadi kegiatan usaha berdasarkan prinsip syariah kepada PT. Bank Susila Bakti. Selanjutnya dengan Surat Keputusan Deputi Gubernur Senior Bank Indonesia No. 1/1/KEP.DGS/1999 tanggal 25 Oktober 1999, Bank Indonesia telah menyetujui perubahan nama PT. Bank Susila Bakti menjadi PT. Bank Syariah Mandiri.<sup>230</sup>

Senin tanggal 25 Rajab 1420 H atau tanggal 1 November 1999 merupakan hari pertama beroperasinya PT. Bank Syariah Mandiri.<sup>231</sup> Kelahiran Bank Syariah Mandiri merupakan buah usaha bersama dari para pendiri bank syariah di PT. Bank Susila Bakti dan Manajemen PT. Bank Mandiri yang memandang pentingnya kehadiran bank syariah dilingkungan PT. Bank Mandiri (Persero).<sup>232</sup>

---

<sup>228</sup> *Ibid.*

<sup>229</sup> *Ibid.*

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> *Ibid.*

<sup>232</sup> *Ibid.*

Berdasarkan keputusan Rapat Umum Pemegang Saham Tahunan tanggal 26 Juni 2001 yang berita acaranya diaktakan dengan akta No. 45 Notaris Ny. Agustina Junaedi, S.H., dan akta pernyataan No. 10 Notaris Agustina Junaedi, S.H., tanggal 3 Juli 2001 susunan Dewan Pengawas Syariah Bank adalah sebagai berikut: Dewan Pengawas Syariah Ketua: Prof. Kyai Haji Ali Yafie Anggota: Prof. DR. H. Said Agil Husin Almunawar Anggota: Drs. Haji Mohamad Hidayat, MBA Anggota: Muhammad Syafii Antonio.<sup>233</sup>

PT. Bank Syariah Mandiri hadir sebagai bank yang mengkombinasikan idealisme usaha dengan nilai-nilai rohani yang melandasi operasinya. Harmoni antara idealisme usaha dan nilai-nilai rohani inilah yang menjadi salah satu keunggulan PT. Bank Syariah Mandiri sebagai alternatif jasa perbankan di Indonesia.

### **3.3 Sejarah Penubuhan Bank Syariah Mandiri Di Jawa Barat**

Bank Syariah Mandiri di Jawa Barat secara resmi mulai beroperasi sejak tanggal 18 Maret 2002 berdasarkan Surat Keputusan Deputi Gubernur Bank Indonesia No. 4/KEP.DpG/2002.<sup>234</sup> Pejabat cawangan BSM di Bandung berlokasi Jl. Ir. H. Juanda No. 74.

---

<sup>233</sup> *Ibid.*

<sup>234</sup> *Ibid.*

Pada tahun yang sama, BSM Bandung membentuk yayasan Bangun Sejahtera Mitra Ummah (BSM Ummah), salah satu unit usaha yayasan tersebut adalah Lembaga Amil Zakat (LAZ) BSM Ummah dengan tujuan untuk mendorong wujudnya manajemen Zakat, Infak dan Shadaqah yang lebih efektif sebagai cerminan kepedulian sosial. BSM menyalurkan penerimaan zakat kepada Lembaga Amil Zakat tersebut, sehingga bank tidak secara langsung menjalankan fungsi pengelolaan dana zakat, infak dan shadaqah dan dana qardhul hasan.

Sampai dengan 31 Desember 2007 BSM Jawa Barat memiliki 7 pejabat cawangan, 12 pejabat cawangan pembantu dan 13 pejabat kas.<sup>235</sup> Cawangan Bandung sendiri membawahi 4 Pejabat Cawangan Pembantu yang berada di Cimahi, Garut, Cianjur dan Sukabumi. 4 Pejabat Kas berada di Japati Bandung, Kas Rancaekek Bandung, Kas Buahbatu Bandung dan Kas Cipanas-Cianjur. 3 Konter Layanan Syariah (KLS) iaitu KLS Mandiri Braga, KLS Mandiri Soekarno Hatta.<sup>236</sup>

### **3.4. Dasar dan Konsep Asas Penubuhan Bank Syariah Mandiri**

#### **3.4.1. Prinsip Keadilan**

Keadilan merupakan pilar terpenting dalam ekonomi Islam. Penegakkan keadilan ekonomi telah ditekankan oleh al-Quran sebagai misi utama para Nabi

---

<sup>235</sup> PT.Bank Syariah Mandiri (2007), **Menuju Kesempurnaan Laporan Tahunan BSM 2007**, Jakarta: IB Perbankan Syariah, h.10-11.

<sup>236</sup> *Ibid.*

yang diutus oleh Allah SWT untuk menjaga dan mencegah kesenjangan pendapatan dalam setiap sektor, baik ekonomi, politik mahupun sosial.

Komitmen al-Quran tentang penegakan keadilan sangat jelas. Hal itu dapat dilihat dari penyebutan kata keadilan di dalam Al-Quran mencapai lebih dari seribu kali, yang berarti; kata urutan ketiga yang banyak disebut al-Quran setelah kata Allah. Bahkan, Ali Syariati menyebutkan, dua pertiga ayat-ayat al-Quran berisi tentang keharusan menegakkan keadilan dan membenci kezhaliman, dengan ungkapan kata *zūlm*, *dhalal*, dan lain lain.<sup>237</sup> Kerana itu, tujuan keadilan sosio ekonomi dan pemerataan pendapatan atau kesejahteraan, dianggap sebagai bahagian tak terpisahkan dari filsafat moral Islam.

Al-Quran secara eksplisit menekankan pentingnya keadilan dan persaudaraan tersebut. Menurut M. Umer Chapra, sebuah masyarakat Islam yang ideal mesti menjalankan keduanya secara bersamaan, kerana keduanya merupakan dua sisi yang tak terpisahkan.<sup>238</sup> Dengan demikian, kedua tujuan ini disatupadukan sangat kuat ke dalam ajaran Islam sehingga perwujudannya menjadi komitmen spiritualisme (ibadah) bahagi masyarakat Islam.<sup>239</sup>

Komitmen Islam yang besar pada persaudaraan dan keadilan, menuntut agar semua sumber daya yang menjadi amanat suci Allah SWT, digunakan untuk

---

<sup>237</sup> Majid Kahduri (1984), **The Islamic Conception of Justice**, New York: Ohns Hopkins University Press, h. 10.

<sup>238</sup> Chapra, M. Umer (1993), **Islam and economic development: A strategy for development with justice and stability (Islamabad)**, Pakistan: International Institute of Islamic Thought, h. 67.

<sup>239</sup> *Ibid*

mewujudkan filsafat hukum Islam (*maqashid syari'ah*), yakni pemenuhan keperluan hidup manusia, terutama keperluan dasar (primer), seperti; pakaian, pangan, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan.<sup>240</sup>

Sistem kewangan dan perbankan serta polisi moneter, misalnya, dirancang semuanya secara sistematik dan terkait satu sama lain untuk memberikan sumbangan yang positif bahagi pengurangan ketidak-adilan dalam ekonomi dalam bentuk pemberian pembiayaan (kredit) bahagi masyarakat dan memberikan pinjaman lunak bahagi masyarakat ekonomi lemah melalui produk qardhul hasan.

Persaudaraan dan keadilan juga menuntut agar sumberdaya diedarkan secara adil kepada seluruh rakyat.<sup>241</sup> Selanjutnya, dalam rangka mewujudkan cita-cita keadilan sosial ekonomi, Islam secara tegas mengecam konsentrasi asset kekayaan pada sekelompok tertentu dan menawarkan konsep zakat, infaq, sedekah, waqaf dan institusi lainnya, seperti pajak, jizyah, dharibah, dan sebagainya.<sup>242</sup>

Kerana itu, Islam menekankan keseimbangan antara pertumbuhan dan pemerataan. Pertumbuhan bukan menjadi tujuan utama, kecuali dibarengi dengan pemerataan. Dalam konsep Islam, pertumbuhan dan pemerataan merupakan dua sisi dari sebuah konsep yang tak terpisahkan.

---

<sup>240</sup> Asyrāf Muhammad Dawwabah (2006), *Op.cit*, h.58. Lihat: Agustianto (2006), *Op.cit*, h.4

<sup>241</sup> *Ibid.* Republika, Pada 22 Septeber 2007, "Urgensi Muqashid Syari'ah Dalam Penerapan Syariah Islam".

<sup>242</sup> *Ibid.*

### 3.4.2 Prinsip Perkongsian

Bank syariah menempatkan pelanggan penyimpanan dana, pelanggan pengguna dana, mahupun Bank pada kedudukan yang sama dan sederajat dengan rekanan usaha. Hal ini tergambar dalam hak, kewajiban, resiko dan keuntungan yang berimbang di antara pelanggan penyimpan dana, pelanggan pengguna dana mahupun bank.

Dalam hal ini, bank berfungsi sebagai pihak penengah (*intermediary institution*) lewat skim-skim pembiayaan yang dimilikinya.<sup>243</sup> Pada dasarnya perkongsian secara alamiah akan mencapai tujuannya jika kaidah saling memerlukan, saling memperkuat, dan saling menguntungkan dapat dipertahankan dan dijadikan komitmen dasar yang kuat di antara para pelaku perkongsian.<sup>244</sup>

Penerapan perkongsian yang berhasil harus bertumpu kepada persaingan sehat dan mencegah terjadinya penyalahgunaan posisi dominan dalam persekutuan untuk menghindari persaingan. Alternatif perkongsian dalam pengembangan usaha kecil dan mikro bukan dimaksudkan untuk memanjakan atau pemihakan yang berlebihan, tetapi justru upaya untuk peningkatan kemandirian pengusaha kecil dan mikro sebagai alat dalam pembangunan ekonomi kerakyatan.

---

<sup>243</sup> Hidayatullah, Pada 10 April 2008, "Mengenai Perkongsian Islami (2)".

<sup>244</sup> *Ibid.*



Strategi peningkatan skala usaha dan akses permodalan dengan penyaluran kredit program, jika tidak dilakukan dengan konsep perkongsian sebagaimana mestinya, pada akhirnya malah akan meninggalkan sedikit masalah kredibilitas tersendiri. Dalam konsep perkongsian semua pihak harus menjadi pemegang amanah dan berada dalam derajat subjek-subjek bukan subjek-objek, sehingga pola yang dijalankan harus dilandasi dengan prinsip-prinsip perkongsian dan penggabungan yang melibatkan seluruh stake holders dalam perkongsian yang dijalankan.<sup>245</sup>

### 3.4.3 Prinsip Keterbukaan

Salah satu penerapan keterbukaan dalam perbankan syariah adalah pembuatan laporan bahagi hasil kepada semua pelanggan secara rutin setiap bulan.<sup>246</sup> Dalam laporan bahagi hasil antara lain dilaporkan berapa jumlah pendapatan yang diterima bank dalam masa satu bulan, yang akhirnya akan berpengaruh terhadap berapa nominal investasi yang akan diterima para deposan.<sup>247</sup> Dengan adanya keterbukaan yang benar-benar transparan, diharapkan akan meningkatkan kepercayaan pelanggan. Sehingga, pelanggan merasa aman menyimpan dana dibank.

---

<sup>245</sup> *Ibid.*

<sup>246</sup> **Bank Syariah Mandiri, Prinsip Operasi Bank Syariah,**  
<http://www.syahiahmandiri.co.id/syahiah/banksyahiah.php> , Pada 24 Juni 2007

<sup>247</sup> *Ibid.*

#### 3.4.4 Universal

Bank dalam mendukung operasionalnya tidak membeza-bezakan suku, agama, ras dan golongan dalam masyarakat. Dengan prinsip Islam sebagai *Rahmatan li al-'Ālamīn*.<sup>248</sup> Untuk mencapai tujuan ini Allah SWT menurunkan petunjuk melalui para Rasul-Nya. Petunjuk tersebut meliputi segala sesuatu yang diperlukan manusia baik akidah, akhlak mahupun syariah. Dua komponen pertama, akidah dan akhlak, bersifat tetap.<sup>249</sup>

Sedangkan syariah selalu berubah disesuaikan dengan kondisi waktu dan tempat juga keperluan akan taraf hidup peradaban umat, sesuai dengan masa kerasulannya masing-masing. Oleh kerana itu, syariah Islam sebagai syariah yang dibawa oleh Rasul terakhir mempunyai keunikan tersendiri, sebab syariah ini dibawa sebagai penyempurna dan pelengkap syariah-syariah sebelumnya, sehingga Syariah Islam bersifat Universal dan menyeluruh.<sup>250</sup>

#### 3.5. Struktur Organisasi Bank Syariah Mandiri Jawa Barat

Struktur organisasi BSM pusat ini dapat mewaliki struktur yang sama dengan BSM Jawa Barat, misalnya dalam hal Lembaga Pemegang Saham dan Dewan Pengawas. Namun yang membezakan kedua bank ini adalah Dewan

---

<sup>248</sup> Muhamad Syafi'i Antonio (2001), **Islamic Banking**, Jakarta: Gema Insani, h. 27.

<sup>249</sup> *Ibid.*

<sup>250</sup> *Ibid.*

Pengawas syariah yang bertugas mengawasi produk dan operasi bank agar sesuai dengan Syariah Islam.<sup>251</sup>

Adapun susunan pentadbiran yang terdapat dalam BSM ini adalah:

1. Lembaga Pemegang Saham (Dewan komisaris) yang terdiri dari seorang komisari utama dan seorang komisaris atau lebih. Dewan komisaris ini berfungsi mewakili pemilik atau pemegang saham untuk melakukan pengawasan terhadap kebijaksanaan dan pelaksanaan tugas direksi serta memberi bantuan dan nasehat kepadanya. Dan dewan komisaris di BSM terdiri dari: Achmad Marzuki sebagai komisaris utama, M.Haryoko sebagai senior advisor komisaris, Lilis Kurniasih, Tardi dan Abdilah sebagai komisaris independen.<sup>252</sup>
2. Dewan (Majelis) Pengawasan Syariah. Berfungsi melakukan pengawasan atas produk-produk serta perkhidmatan perbankan supaya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah.<sup>253</sup> Penasehat dan pemberi saran mengenai hal-hal yang berkait dengan aspek syariah dan penengah antara bank dengan Dewan Syariah Nasional terutama yang berkaitan dengan produk. DPS BSM terdiri dari Prof.KH.Ali Yafie sebagai ketua, Drs.H.Mohamad Hidayat dan Muhamad Syafi'i Antonio sebagai anggota.<sup>254</sup>
3. Lembaga Pengarah (Dewan Direksi) yang terdiri dari seorang ketua pengarah eksekutif atau lebih. Dan Direksi ini berfungsi sebagai penanggung jawab BSM

---

<sup>251</sup> Joni Tamkin Borhan (1993), *Op.cit.*, h. 259.

<sup>252</sup> **Bank Syariah Mandiri**, <http://www.syariahmandiri.co.id/manajemen/pimpinan.php>, *Op.cit.*, Pada 24 Juni 2004

<sup>253</sup> Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia, Bank Indonesia (2001), **Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional Untuk Lembaga Keuangan Syariah**, Jakarta: MUI,

<sup>254</sup> Bank Syariah Mandiri, *Op.cit.*, h.6.

secara keseluruhan dalam tingkat pengurusan yang tertinggi dalam mengelola bank ini. Direktur utama adalah Yuslam Fauzi, didampingi oleh Hanawijaya, Srie Sulistiyawati, Amran Nasution, Zainal Fanani dan Sugiharto sebagai Kepala Direktorat Treasury dan Jaringan.

4. Audit (Internal Auditor). Berfungsi melaksanakan pencatatan pembukuan secara lengkap serta diselesaikan pada hari yang sama.
5. Kakitangan yang berfungsi sebagai kakitangan yang melaksanakan tugas-tugas sesuai dengan bidang masing-masing.

Dewan (Majelis) Pengawasan Syariah memiliki posisi yang amat penting kerana merupakan badan yang menjaga agar perbankan Islam tidak terbabit dengan perniagaan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam. Dalam hal ini di peringkat kebangsaan Dewan Syariah Perbankan Indonesia telah mengeluarkan fatwa Dewan Syariah yang berisikan panduan tentang perniagaan yang sesuai untuk dilaksanakan pada perbankan Islam. Dengan adanya fatwa tersebut, maka Dewan Syariah memiliki fungsi yang amat penting dalam mengawasi perniagaan yang dijalankan oleh BSM syariah agar senantiasa berlandaskan hukum-hukum Islam.

Dasar pemikiran penubuhan Dewan Syariah Nasional (DSN) adalah dengan berkembangnya institusi-institusi kewangan syariah di Indonesia yang didalamnya terdapat dewan Pengawas Syariah, maka dipandang perlu untuk membentuk Dewan Syariah yang menjalankan tugas-tugas koordinasi Dewan

Pengawas Syariah di seluruh Indonesia untuk menyamakan visi dan misi diantara sesama Dewan Pengawas Syariah pada institusi kewangan syariah di Indonesia dan dapat memecahkan pelbagai persoalan dan permasalahan di bidang ekonomi dan kewangan Islam.<sup>255</sup>

Institusi ini ditubuhkan secara rasmi pada Julai 1999. Kedudukan dan anggota pada Dewan Syariah Nasional, iaitu:

1. Dewan Syariah Nasional (DSN) merupakan bahagian dari Majelis Ulama Indonesia (MUI)
2. Dewan Syariah Nasional (DSN) membantu pihak yang terkait, seperti Departemen Kewangan, Bank Indonesia dan lain sebagainya dalam menyusun peraturan atau ketentuan untuk istitusi kewangan syariah.
3. Anggota Dewan Syariah terdiri dari para Ulama, Cendikiawan dan Pakar perbangkan syariah dalam bidang yang berhubungkait dengan muamalah syariah.
4. Anggota Dewan Syariah Nasional (DSN) dipilih dan diangkat oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) selama lima tahun sama dengan masa kerja pengurus MUI.<sup>256</sup>

Tugas Dewan Syariah Nasional iaitu mengembangkan penerapan nilai-nilai syariah dalam aktiviti perekonomian pada umumnya dan kewangan pada khususnya, mengeluarkan fatwa atas jenis-jenis aktifitas kewangan, mengeluarkan

---

<sup>255</sup> Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia Bank Indonesia (2001), *Op.cit.*, h. 136.

<sup>256</sup> *Ibid.*

fatwa atas produk dan perkhidmatan kewangan syariah dan mengawasi penerapan fatwa yang dikeluarkan.<sup>257</sup> Bidang kuasa Dewan Syariah Nasional iaitu:

1. Mengeluarkan fatwa yang mengikat Dewan Pengawas Syariah (DPS) di masing-masing institusi kewangan syariah dan menjadi dasar tindakan hukum pihak yang terkait.
2. Mengeluarkan fatwa yang menjadi dasar landasan bagi ketentuan fatwa yang menjadi landasan bagi peraturan yang dikeluarkan oleh institusi yang berwenang, seperti; Departemen Kewangan dan Bank Indonesia.
3. Memberikan perakuan dan mencabut perakuan nama-nama yang akan duduk sebagai Dewan Pengawas Syariah (DPS) pada suatu institusi kewangan syariah.
4. Mengundang para ahli untuk menjelaskan suatu masalah yang diperlukan dalam pembahasan ekonomi Syariah, termasuk otoriti kwangan atau institusi kewangan dalam negara mahupun luar negara.
5. Memberikan peringatan kepada institusi kewangan Syariah untuk menghentikan penyimpangan dari fatwa yang telah dikeluarkan oleh Dewan Syariah Nasional (DSN).
6. Mengajukan kepada institusi yang berwenang untuk mengambil tindakan apabila peringatan tidak diendahkan.

Adapun tugas Dewan Pengawas Syariah (DPS) iaitu mendiskusikan masalah-masalah dan perniagaan perniagaan yang diajukan kepada Dewan, sehingga dapat ditentukan sesuai atau tidak masalah-masalah tersebut dengan

---

<sup>257</sup> *Ibid.*

peraturan Syariah Islam dan meneliti serta membuat perakuan produk baru dari bank yang diawasinya.<sup>258</sup>

Bidang kuasa Dewan Pengawas Syariah iaitu memberikan pedoman secara menyeluruh tentang aspek syariah dari operasi bank Islam tersebut baik dalam pengumpulan dana serta aktiviti-aktiviti lain. Dewan Pengawas Syariah (DPS) juga berhak untuk mengadakan perbaikan terhadap suatu produk yang telah atau sedang berjalan namun dinilai pelaksanaannya bercanggah dengan ketentuan syariah. Jawatankuasa Dewan Pengawas Syariah adalah orang-orang yang punya kepakaran dalam bidang Syariah Islam dan tokoh-tokoh masyarakat, sehingga apa yang mereka katakan akan didengar dan diikuti oleh semua pihak.

### **3.6. Aspek-Aspek Perkhidmatan Yang Ditawarkan Bank Syariah Mandiri**

Bank Syariah Mandiri yang merupakan salah satu institusi kewangan di Indonesia berfungsi menyimpan dana dari masyarakat dan menyalurkan kembali untuk masyarakat. Menyimpan dan menyalurkan dana itu harus melalui aturan-aturan yang ditentukan sesuai dengan aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh perbankan tersebut. Aturan tersebut harus ada akad, tergantung dari pendapat

---

<sup>258</sup>Kurnaesn Purwaatmadja dan Muhamad Syafi'i Antonio (1992), *Op.cit.*, h. 2-5. Lihat: Warkum Sumitro (2002), *Op.cit.*, h. 45-46

beberapa mazhab para ulama yang mendukung perkhidmatan berdasarkan hukum Islam: mazhab Hanafi<sup>259</sup>, mazhab Māliki<sup>260</sup>, mazhab Syāfi'i<sup>261</sup>.

Adapun penawaran produk yang digunakan Bank Syariah Mandiri diantaranya iaitu:

### 3.6.1. *Al-Mudhārabah*

Secara teknis, al-mudhārabah adalah akad kerja sama usaha antara dua pihak, di mana pihak pertama menyediakan seluruh (100 persen) modal, sedangkan pihak lain menjadi pengelola.<sup>262</sup> Keuntungan usaha secara mudharabah dibahagi menurut kesepakatan yang ada dalam kontrak, sedangkan apabila rugi, ditanggung oleh pemilik modal<sup>263</sup> selama kerugian tersebut bukan akibat kelalaian di pengelola. Seandainya kerugian itu diakibatkan kerana kecurangan atau kealpaan si pengelola, maka pengelola harus bertanggung jawab atas kerugian tersebut.

---

<sup>259</sup> Ibn 'Ābidīn Muḥammad Amīn bin 'Umar bin 'Abd al-'Azīz (1996), **Hāshiyah Rād al-Muktabar 'alā al-Dārr al-Mukhtar (Hāshiyah Ibn 'Abidīn)**, j.3, c.2, Kaherah: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustāfa al-Bābi al-Hālabi wa Awlādūh, h. 364.

<sup>260</sup> Al-Dāsuqī Muḥammad (t.t), **Hāshiyah al-Dāsuqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr**, j.3, Kaherah: Dār Ih'yā al-Kitāb al-'Arābiyyah, h. 521.

<sup>261</sup> Al-Sharbīnī, Muḥammad al-Khatīb (1958M/1377H), **Mughnī al-Muḥtāj**, j.2, Misr: Shirkah Maktabah al-Mustāfa al-Bābi al-Hālabi wa Awlādūh, h. 212.

<sup>262</sup> Ibn 'Ābidīn Muḥammad Amīn bin 'Umar bin 'Abd al-'Azīz (1996), *Op.cit.*, h. 645. Lihat: Ibn al-Murtadhā, Ahmad bin Yahyā (1948), **Kitāb al-Baḥār al-Zakhkhar al-Jāmi' li Madhāhib 'Ulamā' al-Amsār**, j.4, Kaherah: Maktabah al-Khanji, h. 76.

<sup>263</sup> Al-Sharbīnī, (1958M/1377H), *Op.cit.*, j.2, h. 309-321. Lihat: Shams al-Dīn al-Sarakhsī (tt), **Al-Mabsūt**, j.11, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 18.



*Al-Mudhārabah* yang sama dengan *al-Muqāradah* ini ada dua jenis iaitu:

1. Simpanan *al-Mudhārabah* adalah pemilik harta yang menyerahkan hartanya kepada pengelola tanpa ada had dengan keuntungan dan kerugian dibahagikan berdua.<sup>264</sup>
2. Pelaburan *al-Mudhārabah*, iaitu pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha atau peniaga sebagai modal usaha, untuk barang tertentu dan dijual belikan dengan orang tertentu sahaja. Ertinya *al-Mudhārabah* jenis ini terikat dengan syarat tertentu dan keadaan tertentu sesuai dengan yang diinginkan pemilik modal.<sup>265</sup>

Pola perniagaan *al-Mudhārabah*, selalunya diterapkan pada produk-produk pembiayaan dan pendanaan. Pada sisi penghimpunan dana, *al-mudharabah* diterapkan pada: tabungan dan deposito. Sedangkan pada sisi pembiayaan, *al-mudharabah*, diterapkan untuk: pembiayaan modal kerja. Dalam praktiknya, nisbah untuk tabungan berkisar 55 –56 % dari hasil investasi yang dilakukan oleh bank<sup>266</sup>. Dalam hal bank konvensional, angka tersebut kira-kira setara dengan 11%-12%.<sup>267</sup>

Sedangkan dalam sisi pembiayaan, bila seorang pedagang memerlukan modal untuk berdagang maka dapat mengajukan permohonan untuk pembiayaan bahagi hasil seperti *al-mudharabah*. Caranya dengan menghitung terlebih dahulu

---

<sup>264</sup> *Ibid.*

<sup>265</sup> Ibn Qudāmah (1972), *Op.cit.*, j.5, h. 135-136. Lihat: Al-Sha‘rāni, Abū Mawāhib, ‘Abd al-Wahhāb bin Ahmād bin ‘Ālī al-Ansārī al-Shāfi‘ī (1940), **al- Mizān al-Kubrā**, j.2, Kaheerah: Mustafa al-Bābi al-Halabī, h. 92.

<sup>266</sup> *Ibid.*

<sup>267</sup> *Ibid.*

perkiraan pendapatan yang akan diperoleh oleh pelanggan dari proyek tersebut. Misalkan, dari modal Rp.30 juta diperoleh pendapatan Rp.5 juta/bulan. Dari pendapatan tersebut harus disisihkan terlebih dahulu untuk tabungan pengembalian modal, sebesar Rp.2 juta. selebihnya dibagi antara bank dengan pelanggan dengan kesepakatan di muka, misalnya 60% untuk pelanggan dan 40% untuk bank.

### **3.6.2. *Al-Mushārahah***

Dalam sistem ini terjadi kerja sama antara dua pihak atau lebih untuk suatu usaha tertentu. Para pihak yang bekerja sama memberikan kontribusi modal.<sup>268</sup> Keuntungan ataupun risiko usaha tersebut akan ditanggung bersama sesuai dengan kesepakatan.<sup>269</sup> Dalam sistem ini, terkandung apa yang biasa disebut di bank konvensional sebagai sarana pembiayaan. Secara jelasnya, bila ingin memiliki usaha dan ingin mendapatkan tambahan modal, bisa menggunakan produk *al-Mushārahah* ini.

Inti dari pola ini adalah, bank syariah secara bersama-sama memberikan pemasukan modal yang kemudian digunakan untuk menjalankan usaha dengan pembahagian keuntungan yang disepakati bersama. Dalam bank konvensional, pembiayaan seperti ini mirip dengan kredit modal kerja.

---

<sup>268</sup> Ibn Qudāmah (1972), *Op.cit.*, h. 135-136, j.5. Lihat: Al-Sha‘rāni (1940), *Op.cit.*, h. 92, j.2.,

<sup>269</sup> *Ibid.*

Jenis-jenis *al-Mushārah* iaitu:<sup>270</sup>

- 1) *Mushārah* pemilikan tercipta kerana warisan, wasiat, atau kondisi lainnya yang mengakibatkan pemilikan satu aset oleh dua orang atau lebih. Dalam musyarakah ini, kepemilikan dua orang atau lebih, berbahagi dalam sebuah aset nyata dan berbahagi pula keuntungan yang dihasilkan oleh aset tersebut.
- 2) *Mushārah* akad tercipta dengan cara kesepakatan dimana dua orang atau lebih setuju bahawa tiap orang dari mereka memberikan modal *al-Mushārah*. Mereka pun sepakat berbahagi keuntungan dan kerugian.

Pada bidang perbankan misalnya, penerapan *al-Mushārah* dapat berwujud hal-hal berikut ini. Pembiayaan projek. *al-Mushārah* biasanya diaplikasikan untuk pembiayaan dimana pelanggan dan bank sama-sama menyediakan dana untuk membiayai projek tersebut. Setelah projek itu selesai, pelanggan mengembalikan dana tersebut bersama bahagi hasil yang telah disepakati modal perkongsian.<sup>271</sup>

Pada lembaga keuangan khusus yang dibolehkan melakukan investasi dalam kepemilikan perusahaan, *al-Mushārah* diterapkan dalam skim modal pembiayaan. Penanaman modal dilakukan untuk jangka waktu tertentu dan setelah itu bank melakukan divestasi atau menjual bahagian sahamnya, baik secara singkat mahupun bertahap.

---

<sup>270</sup> Al-Sharbīnī (1958M/1377H), *Op.cit.*, h. 212. Lihat: Ibn Qudāmah (1972), *Op.cit.*, J.5, h. 109-120. Lihat: Al-Dasuqi Muhammad (t.t), *Op.cit.*, h. 521.

<sup>271</sup> *Ibid.*

### 3.6.3 *Al-Murābahah*

*Al-Murābahah* adalah salah satu mekanisme pembiayaan tanpa riba, di mana dalam urusan niaga ini memerlukan keikhlasan dari penjual untuk memberitahu produk yang dibeli dan keuntungan kepada pembeli. Urusan niaga ini memberikan masa atau peluang bagi pembeli untuk memilih dan menentukan keputusan membeli atau tidak, sesuai dengan ketentuan hukum *khiyār*.<sup>272</sup>

Urusan niaga dalam bentuk *al-Murābahah* ini lebih disukai oleh pembeli kerana mereka tidak akan merasa tertipu dengan nilai harga barangan yang akan dibelinya. Kerana kedua belah pihak telah bersepakat dengan harga yang mengandungi kos barang dan keuntungan. Pelanggan meminta kepada bank untuk membeli aset barang yang dikehendaki dan membekalkan barang tersebut kepada pelanggan dengan harga asal dicampur dengan keuntungan yang dimaklumkan kepada pelanggan.

Pada bidang perbankan, penerapan *al-Murābahah* dapat berwujud berupa pembelian barang seperti rumah, mobil dan motor juga alat lainnya. Pada kondisi ini, pihak bank melebihkan harga dengan menghitung jasa dan biaya tambahan lainnya yang dibebankan pada pelanggan, dengan kesepakatan bersama. Sekiranya pelanggan setuju, maka dia membayar lebih sedikit dari harga normal.

---

<sup>272</sup> Ibn Qudāmah (1972), *Op.cit.*, j.5, h. 135-136. Lihat: al-Sha‘rāni, *Op.cit.*, h. 92.

### 3.6.4 *Al-Qard al-H<sup>□</sup>asan*

*Al-Qard* adalah pinjaman tanpa mengharapkan imbalan<sup>273</sup>. Dalam literatur fiqih klasik, *al-Qard* dikategorikan dalam akad saling membantu dan bukan perniagaan komersial. Aplikasi dalam perbankan syariah. Maknanya *al-Qard* merupakan satu bentuk pertolongan yang diberikan daripada pihak yang mampu kepada yang kurang upaya tanpa mengharapkan balasan yang lebih, sebab semata-mata yang diharapkan hanyalah balasan dari Allah SWT yang didorong oleh rasa persaudaraan didalam ajaran Islam.<sup>274</sup>

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَمْضَاعًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ  
يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

Surah al-Baqarah (2): 234

Maksudnya:

“Siapakah yang mau memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan meperlipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan.”

### 3.6.5. *Bay al-Salam*

*Bay al-Salam* adalah pembiayaan jual beli dimana barang yang dibeli diserahkan kemudian sedangkan pembayaran dilakukan di muka,<sup>275</sup> biasanya bank sebagai pembeli. Praktek perbankan syariah ini diperuntukkan membiayai

<sup>273</sup> Ibn ‘Abidīn (1966), *Op.cit.*, J.4, h.179. Lihat: ‘Alā al-Dīn Kharufah (1982), ‘**Aqd al-Qardh fi al-Shāri’ah al-Islāmiyyah wa al-Qanūn al-Wādi (al-Rumāni, al-Fārisi, al-Misri): Dirāsah al-Muqāranah**, Beirut: Mu’assasah al-Naufal, h. 92.

<sup>274</sup> *Ibid.*

<sup>275</sup> Al-Zuhaylī (1997), *Op.cit.*, h. 3767

petani dengan jangka waktu relatif pendek (2-6 bulan), kerana yang dibeli oleh bank adalah barang seperti padi, jagung, cabai, buah-buahan dan sayur-sayuran dan bank tidak berniat untuk menjadikan barang-barang tersebut sebagai simpanan atau inventory, akan tetapi akan dilakukan akad *Bay al-Salam* kembali kepada pembeli kedua. Perniagaan inilah didalam perbankan syariah dikenal sebagai salam paralel.<sup>276</sup>

### **3.6.6 *Bay al-Istisna***

*Bay al-Istisna* adalah merupakan kontrak penjualan antara pembeli dan pembuat barang.<sup>277</sup> Dalam kontrak ini, Bank menerima pesanan suatu barang yang spesifikasinya telah ditentukan oleh pembeli dan Bank memesan kembali kepada pembuat barang sesuai dengan spesifikasi dari pembeli.<sup>278</sup> Dalam perbankan syariah dikenal sebagai istishna paralel, sedangkan pembeli membayar ke bank dapat dengan cicilan atau ditangguhkan sampai dengan waktu tertentu pada masa yang akan datang.

### **3.6.7. *Ujrah (Jasa Bank)***

*Ujrah* merupakan akad-akad yang berkenaan dengan jasa-jasa bank yang ditawarkan kepada pelanggan, seperti akad *hiwalah* (alih hutang-piutang), *wakalah* (perwakilan), *kafalah* (garansi bank), *rahn* (gadai), dan *sharf* (penukaran

---

<sup>276</sup> *Ibid.*

<sup>277</sup> Al-Zuhaylii (1997), *Op.cit.*, h.3642. Lihat: Dewan Syariah MUI (2000), *Op.cit.*, h. 22.

<sup>278</sup> *Ibid.*

wang). Implementasi akad-akad tersebut dalam perbankan syariah, sebagai berikut :

- a. *Hawālah* (alih hutang-piutang), tujuan fasilitas hiwalah adalah untuk membantu *supplier* mendapatkan modal tunai agar dapat melanjutkan produksinya. Bank akan memberikan dana tunai kepada *supplier* dan pada saat tiga bulan (jatuh tempo) kontraktor atau developer membayar hutang ke bank syariah. Dan atas jasa tersebut bank syariah mendapatkan fee (upah).<sup>279</sup>
- b. *Wakalah* (perwakilan), dalam aplikasi perbankan syariah terjadi apabila pelanggan memberikan kuasa kepada bank untuk mewakili dirinya melakukan pekerjaan jasa tertentu,<sup>280</sup> seperti transfer uang, inkaso, dan pembukaan L/C (*letter of credit*). Dan atas jasa tersebut bank mendapat fee (upah).
- c. *Rahn* (gadai) adalah menahan salah satu harta milik si peminjam sebagai barang jaminan atas pinjaman yang diterimanya. Barang yang ditahan tersebut memiliki nilai ekonomis. Dengan demikian, pihak bank memperoleh jaminan pembayaran kembali seluruh piutangnya.<sup>281</sup>
- d. *Kafalah* (garansi bank), akad kafalah merupakan jaminan yang diberikan oleh bank kepada pelanggan untuk menjamin pembayaran kepada pihak ketiga.<sup>282</sup> Atas jaminan yang diberikan oleh bank tersebut, bank dapat mensyaratkan kepada pelanggan untuk menempatkan sejumlah dana untuk

---

<sup>279</sup> Al-Sharbīnī (1985), *Op.cit.*, h 193

<sup>280</sup> Ini pendapat mazhab Maliki, Shāfi'ī dan Hānbalī, Lihat al-Sharbīnī (1958), *Op.cit.*, j. 2, h.217

<sup>281</sup> Al-Jurzānī (1405H), *Op.cit.*, h. 150. Lihat: Sayyid Sabiq (1987), **Fiqh al-Sunnah**, c.8, v.3, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, , h. 169.

<sup>282</sup> al-Kasānī (1987), *Op.cit.*,h. 2.

fasilitas ini sebagai rahn atau bank dapat pula menerima dana tersebut dengan prinsip wadi'ah. Atas jasa tersebut, bank memperoleh fee (upah).

- e. *Sharf* adalah perniagaan pertukaran emas dan perak atau pertukaran valuta asing yang dilakukan sesuai syariah, iaitu penyerahan harus dilakukan pada waktu yang sama (spot).<sup>283</sup> Dalam aplikasi perbankan syariah, *sharf* merupakan jasa atau pelayanan bank kepada pelanggannya untuk melakukan perniagaan valuta asing, misal pertukaran uang (money changer) yang harus dilakukan secara tunai, perniagaan tidak dimaksudkan untuk tujuan spekulasi, tetapi benar-benar untuk tujuan operasional, bila dipertukarkan mata uang yang sama (contoh: rupiah vs rupiah) maka jumlah atau nilainya harus sama pula.<sup>284</sup>

### **3.7 Perwujudan Aspek-Aspek Perkhidmatan Di Bank Syariah Mandiri Pusat**

Perekonomian Indonesia sampai akhir tahun 2009 menunjukkan perkembangan yang positif. Kondisi ini ditandai laju pertumbuhan ekonomi Indonesia sebesar 75% yang tertinggi sejak krisis kewangan, serta stabilitas makro ekonomi yang terkendali.<sup>285</sup> Tercatat pada Desember 2008, total aset seluruh bank syariah di Indonesia sebesar Rp.49.5 trilion. Naik pada Maret 2009 menjadi Rp51.6 trillion, serta tumbuh menjadi Rp.55.6 trillion di Juli 2009. Data ini belum termasuk kumpulan aset yang dihimpun oleh BPRS sebesar Rp1.8

---

<sup>283</sup> Ibn Manzūr (t.t), *Op.cit* , h. 190.

<sup>284</sup> *Ibid.*

<sup>285</sup> Bank Indonesia (2009), **Menganalisa Pertumbuhan Bank Syariah di Indonesia**, Jakarta: PT. Bank Indonesia, h. 8



trillion.<sup>286</sup> Pada Juli 2009. Berdasarkan informasi yang didapat daripada data statistik Perbankan Syariah Bank Indonesia, total asset perbankan syariah adalah Rp.58 Triliun. Total asset ini merupakan perkongsian daripada aset Bank Umum Syariah (BUS), Unit Usaha Syariah (UUS) dan Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS).

Hal ini terjadi kerana sokongan dari polisi yang dikeluarkan oleh Bank Indonesia dengan disahkannya secara hukum undang-undang (UU) perbankan syariah pada UU No.21 tahun 2008.<sup>287</sup> Polisi-polisi yang dikeluarkan oleh Bank Indonesia serta tunjangan stabilitas makro ekonomi sepanjang tahun 2009, menghantarkan sektor perbankan syariah mengalami pertumbuhan yang lebih baik terhadap tahun sebelumnya. Berbagai indikator perbankan seperti; pertumbuhan kredit, kualitas kredit, profitabilitas dan permodalan menunjukkan perbaikan.

Rasio kredit menurun atau *Non performing loan* (NPL) menurun, sementara rasio simpanan terhadap pinjaman (*Loan to Deposit Ratio* atau LDR) dan kewajipan penyediaan modal minimum (*Capital Adequacy Ratio* atau CAR) meningkat.<sup>288</sup> Kondisi perekonomian yang kondusif tersebut, memberi peluang Bank Syariah Mandiri untuk tumbuh dengan signifikan, sehingga dengan penuh

---

<sup>286</sup> *Ibid*

<sup>287</sup> *Ibid.*

<sup>288</sup> *Ibid.*

kehatian-hatian BSM mampu menempuh strategi proses memperkuat pertumbuhan, sehingga pada tahun 2009 telah membuahkan hasil.<sup>289</sup>

Sejak berdiri pada 1999 sehingga 2009, BSM mencapai kisaran pertumbuhan per tahunnya untuk asset 48,52 persen, dana pihak ketiga 68,73 persen, dan pembiayaan 56,09 persen.<sup>290</sup> Dengan pertumbuhan cukup besar antara 40-70 persen, menunjukkan bahwa pertumbuhan BSM berada di atas industri perbankan syariah yang kisaran pertumbuhannya sebesar 30 persen. Saat ini BSM memiliki lebih dari 2 juta nasabah.<sup>291</sup>

Untuk memenuhi dan memudahkan cakupan masyarakat, BSM terus menambah jaringan dan hingga awal Oktober 2009, outlet BSM telah mencapai 362 unit dengan perincian 59 kantor cabang, 93 kantor cabang pembantu, 87 kantor kas, 49 konter layanan syariah, 48 payment point, 13 kas keliling, dan 13 gerai online.<sup>292</sup> Total BSM memiliki 59 cabang, namun dua cabang terakhir yaitu Tanjung Pinang dan Banyuwangi baru akan disahkan setelah periode top up saldo tabungan BSM ditetapkan.

Untuk meningkatkan porsi dana konsumen dan sebagai penghargaan atas kesetiaan nasabah, BSM memberi hadiah 114 sepeda motor Yamaha Mio, 114

---

<sup>289</sup> Pembahasan umum dan analisa manajemen mengenai perkembangan usaha BSM periode tahun 2006-2009. Bahasan ini disusun berdasarkan neraca dan perhitungan keuntungan (rugi) BSM untuk tahun buku 2009. Laporan kewangan tersebut telah diaudit oleh pejabat Akuntan Publik Doli, Bambang, Sudarmaji dan Dadang dengan pendapat wajar tanpa pengecualian.

<sup>290</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006-2009), **Neraca dan Perhitungan Keuntungan (rugi) BSM untuk Tahun Buku 2006-2009**, Jakarta: PT. Bank Syariah Mandiri, h. 27.

<sup>291</sup> Tempo, Pada Mei 11, 2009:2 “Laba Bank Syariah Mandiri Meningkat”.

<sup>292</sup> *Ibid.*

mini laptop dan 114 blackberry untuk seluruh cabang.<sup>293</sup> Hadiah tersebut diberikan kepada nasabah yang terus meningkatkan jumlah tabungannya dalam periode Juli-September 2009.

Pemberian hadiah ini berlaku untuk pemilik tabungan BSM perorangan. Hal tersebut sejalan dengan misi BSM pada 2009 yang gencar meningkatkan penghimpunan dana konsumen. Jumlah nasabah yang ikut program ini sebanyak 25.794 bil.<sup>294</sup>

### **3.7.1 Pendapatan Operasional Utama Bank Syariah Mandiri Pusat**

Jumlah pendapatan operasional sampai dengan akhir tahun 2006 sebesar Rp. 64.081.997 Millon dan pada akhir 2007 meningkat mencapai Rp. 83.521.646 Millon, pada 2008 meningkat menjadi Rp. 121.344.397 millon dan pada may 2009 mengalami total peningkatan Rp. 162.844.491 millon.<sup>295</sup> Pertumbuhannya setiap tahun sekitar 30.35% dan pendapatan operasional yang merupakan pendapatan fee based ini terdiri dari pada:

#### **3.7.1.1 Pendapatan dari Jual Beli *Murābah* □ah.**

Jumlah pendapatan operasional sampai dengan akhir tahun 2006 sebesar Rp. 36.763.791 Millon dan pada akhir 2007 meningkat mencapai Rp. 40.613.842

---

<sup>293</sup> *Ibid.*

<sup>294</sup> *Ibid.*

<sup>295</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006-2009), *Op.cit*, h.54

Millon. Pada 2008, meningkat Rp.54.572.500 millon dan pada mei 2009 mengalami total peningkatan Rp. 73.633.306 millon.<sup>296</sup> Pendapatan ini meningkat kerana tingginya minat pelanggan dalam melakukan usaha dengan pihak bank, kerana sifat keterbukaan dan kesepakatan antara pelanggan dan pihak bank dalam menyediakan barang dan mengambil keuntungan, sehingga pelanggan merasa aman.

### **3.7.1.2 Pendapatan dari Bagi Hasil *Mudhārabah***

Jumlah pendapatan *Mudhārabah*, sampai akhir tahun 2006 mencapai Rp. 6.329.483 Millon meningkat 60.67% atau Rp. 15.455.570 Millon pada 2007 dan mengalami peningkatan lagi pada 2008 menjadi Rp. 31.131.942 millon dan total pencapaian pada 2009 Rp. 35.557.711 millon.<sup>297</sup> Peningkatan ini di sebabkan kerana kesadaran pelanggan akan keamanan dan kenyamanan menyimpan uang di Bank Syariah, lebih kecil resiko defisitnya.

### **3.7.1.3 Pendapatan Bagi Hasil *Mushārahah***

Jumlah pendapatan *Mushārahah* pada 2006 mencapai Rp. 12.161.084 millon, pada 2007 mengalami peningkatan menjadi Rp. 14.878.565 millon, mengalami peningkatan lagi pada 2008 menjadi Rp. 18.803.644 millon dan total

---

<sup>296</sup> *Ibid.*

<sup>297</sup> *Ibid.*,h.79

jumlah pada 2009 menjadi Rp. 23.176.679 million.<sup>298</sup> Peningkatan pendapatan dari *Mushārah* sebesar 10% kerana adanya keterbukaan dan kesepakatan antara mudharib dan pelanggan, sehingga pelanggan mengetahui kemanakah uang itu diagihkan, untuk apa digunakan dan berapa besar untung dan rugi yang akan didapat, melalui laporan setiap bulan.

### **3.7.1.4 Pendapatan Bagi Hasil dari Operasi Usaha Lain**

Seiring dengan peningkatan pendapatan operasional utama yang selalu meningkat dari 2006 sehingga 2009, maka jumlah pendapatan operasional lainnya dari pendapatan sewa dan ijarah setiap tahunnya selalu mengalami peningkatan. Tahun 2006 total jumlahnya adalah sebesar Rp.7.911.634 million. Mengalami peningkatan lagi pada tahun 2007 sebesar Rp. 10.007.394 million, dan terus mengalami peningkatan lagi pada 2008 sebesar Rp. 14.731.410 million dan total jumlah pendapatan pada 2009 adalah Rp. 26.461.752 million.<sup>299</sup> Dengan kenaikan jumlah pendapatan per tahun berkisar sebesar 30%-50%, tentu sajah menunjukkan, bahwa perkhidmatan Bank Syariah Mandiri sangat diminati pelanggan untuk mengelola uang mereka.<sup>300</sup>

---

<sup>298</sup> *Ibid.*

<sup>299</sup> *Ibid.*,h. 102

<sup>300</sup> *Ibid.*

### **3.7.2 Jumlah Pendapatan Bagi Hasil Dari Investasi Tidak Terikat**

Jumlah dana pelanggan yang berhasil dikumpulkan selama periode 2006 sehingga 2009, meningkat per tahunnya sebesar 10% sampai 30%. Jumlah pendapatan dari penyimpanan dana ini merupakan total hak bank sebagai mudharib atas bagi hasil investasi yang tidak terikat. Yang merupakan pendapatan daripada bagi hasil tabungan, deposito, penempatan dan surat berharga.

Adapun total jumlah pendapatan BSM dari penyimpanana dana ini pada 2006 Rp. 41.239.857 millon menjadi Rp. 49.039.109 millon tahun 2007, kemudian meningkat lagi pada 2008 menjadi Rp. 56.684.502 millon dan jumlah terakhir pada 2009 menjadi Rp. 83.299.949 millon.<sup>301</sup> Peningkatan ini membuktikan bahwa kepercayaan masyarakat semakin besar untuk menyimpan dan menitipkan dananya di BSM.

### **3.7.3 Pendapatan Laba Bersih**

Bank Syariah Mandiri (BSM) selama kuartar I-2009 berhasil membukukan laba bersih sebesar Rp 63.832.990 millon atau meningkat 37.97% dibandingkan kuartal I-2008 sebesar Rp 46.240.876 millon <sup>302</sup>Sebelumnya pada 2007 laba bersih yang didapatkan sekitar Rp. 31.755.841 million. Sedangkan pada 2006 laba

---

<sup>301</sup> *Ibid.*

<sup>302</sup> *Ibid.*

yang terkumpul sebesar Rp. 21.927.771 million.<sup>303</sup> Peningkatan ini ditopang oleh pendapatan operasional margin bagi hasil, tabungan dan investasi.

BSM berhasil meningkatkan pertumbuhan asset sebesar 26,16 persen dari Rp.14.036.880 million pada Maret 2008 menjadi Rp.17.704.566 million pada Maret 2009. Pertumbuhan asset didorong oleh pertumbuhan dana pihak ketiga (DPK) sebesar 25,39 persen dari Rp.12.255.546 million pada Maret 2008 menjadi Rp 15.360.678 million Maret 2009.<sup>304</sup> Sedangkan struktur DPK BSM untuk Maret 2009 terdiri dari Deposito sebesar Rp.7.953.247 million, Tabungan Rp.5.420.668 million dan Giro Rp.1.987.662 million.<sup>305</sup>

Dari sisi pembiayaan, BSM tetap menyalurkan pembiayaan dengan mengedepankan unsur kehati-hatian. Pembiayaan yang disalurkan BSM meningkat 20,41 persen dari Rp.11.124.099 million pada akhir Maret 2008 menjadi Rp.13.395.567 million pada akhir Maret 2009. Modal BSM juga mengalami peningkatan 52,3 persen dari Rp.857.624 millon pada akhir Maret 2008 menjadi Rp1.370.421 million pada akhir Maret 2009.

Kenaikan ekuiti ini akibat adanya tambahan modal dari Bank Mandiri sebagai induk usaha BSM sebesar Rp.199.874.332 millon selama periode Maret

---

<sup>303</sup> *Ibid.*

<sup>304</sup> *Ibid.*

<sup>305</sup> *Ibid.*

2008 sampai Maret 2009.<sup>306</sup> Selain kepercayaan masyarakat untuk menitipkan dananya di BSM.

**Jadual 1 : Data Umum BSM Sampai Pada 2009**

	%	Pelanggan	Unit
Jumlah Pertumbuhan Asset	40-60		
Jumlah Pelanggan		2000000	
Jumlah Outlet BSM			362
Jumlah Kantor Cawangan			59
Jumlah Kantor Cawangan Pembantu			93
Jumlah Kantor Kas			87
Jumlah Kantor Bayaran			49
Jumlah Kantor Payment Point			48
Jumlah Kantor kas Keliling			13
Jumlah Gelai Online			13

**Sumber data: PT. Bank Syariah Mandiri 2009**

**Jadual 2: Jumlah Pendapatan Produktif BSM Pada 2006 Sehingga 2009**

Pada	2006	2007	2008	2009
Pendapatan dari Jual Beli	Rp	Rp	Rp	Rp
1. Murabahah	36.763.791	40.613.842	54.572.500	73.633.306
2. Istishna	437.771	556.139	771.042	947.983
3. Ijarah	478.234	2.010.136	1.333.859	1.067.060
4. Mudharabah	6.329.483	14.878.565	31.131.942	37.557.711
5. Musyarakah	12.161.084	15.455.570	18.803.644	23.176.679
6. Pendapatan lainnya	7.911.634	10.007.394	14.731.410	26.461.752
<b>TOTAL</b>	<b>64.081.997</b>	<b>83.521.646</b>	<b>121.344.397</b>	<b>162.844.491</b>

**Sumber Data: PT. Bank Syariah Mandiri 2009**

<sup>306</sup> *Ibid.*



**Jadual 3 : Sumber Dana dan pengagihan BSM tahun 2006 Sehingga 2009**

Pada	2006	2007	2008	2009
	Rp	Rp	Rp	Rp
1. Dana Pihak Ketiga	22.842.140	34.482.456	56.684.502	83.299.949
a. Giro			80.504	
b. Tabungan	7.939.238	11.677.858	15.936.116	20.464.627
c. Deposit	31.518.705	21.066.314	36.482.365	60.708.574
d. Surat berharga	1.781.914	1.738.285	4.185.517	2.126.748
2. Pendapatan dari usaha lain	7.134.822	12.716.723	26.315.355	21.699.3318
3. Jumlah beban usaha	27.251.535	30.000.072	68.992.125	72.132.840
5. Laba sesudah zakat dan pajak	21.927.771	31.755.841	46.240.876	63.832.990
6. zakat yang harus dibayarkan	624.052	9.845.699	6.804.930	8.712.750

**Sumber data: PT. Bank Syariah Mandiri 2007**

### **3.8 Tingkat Kesehatan Bank**

Bank melakukan self assesment Tingkat Kesehatan Bank sesuai Surat Edaran (SE) Bank Indonesia Nombor 9/24/DPbs tanggal 30 Maret 2009,<sup>307</sup> perihal Sistem Penilaian Tingkat Kesehatan Bank Umum berdasarkan prinsip syariah, untuk laporan kewangan per 31 September 2007 adalah 2-A (predikat baik).<sup>308</sup>

---

<sup>307</sup> PT.Bank Syariah Mandiri (2009), **Buku Pedoman Operasi**, Bandung: PT. Bank Syariah Mandiri, h. 13. Lihat: Temubual dengan H.Rahmat Kepala Cawangan BSM Lampung, Pada 12 Agustus 2009, Pukul 12.00 pm, di Serang Banten jl. K.H.Abdul Fatah, Ciceri Indah.

<sup>308</sup> *Ibid.*

### **3.9 Kesimpulan**

Bank Syariah Mandiri yang merupakan salah satu rangkaian perbankan syariah di Indonesia mempunyai landasan hukum dan konsep berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Struktur organisasi dan produk yang ada di BSM ini juga amat menyokong kepada operasi perbankan ini agar berjalan sesuai dengan lunas-lunas Islam. Adanya Dewan Pengawas Syariah dalam BSM ini memiliki peran sebagai mengawasi dan mengontrol agar produk-produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh BSM tidak keluar dari syariat Islam.

**BAB EMPAT**

**PERANAN BANK SYARIAH MANDIRI CAWANGAN JAWA BARAT**

**DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH**

**4.1. Pendahuluan**

Pada bab empat ini, penulis mengkaji dan menganalisis tentang peranan Bank Syariah Mandiri dalam pembangunan perekonomian umat Islam di wilayah Jawa Barat, khususnya di Kota Bandung sebagai Ibu Kota Propinsi.<sup>309</sup> Adapun penulis lebih memfokuskan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh BSM di Jawa Barat, hasil usaha BSM dalam meningkatkan perekonomian umat Islam di Jawa Barat dan pandangan masyarakat Islam terhadap BSM Jawa Barat serta kesimpulannya.

**4.2. Sejarah Singkat Propinsi Jawa Barat**

Sekilas sejarah Jawa Barat menunjukkan bahwa Propinsi Jawa Barat merupakan Propinsi yang pertama dibentuk di wilayah Indonesia Undang-Undang Nomor : 378.<sup>310</sup> Propinsi Jawa Barat dibentuk berdasarkan Undang-Undang (UU) No.11 Tahun 1950,<sup>311</sup> tentang Pembentukan Propinsi Jawa Barat. Selama lebih kurang 50 tahun sejak pembentukannya, sampai saat ini Jawa Barat terdiri dari 16

---

<sup>309</sup> Di Indonesia, Propinsi adalah kumpulan beberapa Daerah

<sup>310</sup> **Departemen Pertanian Republik Indonesia**, Sistem Informasi Peta Investasi, <http://gis.deptan.go.id/website/sipetin/propinsi/JAWA%20BARAT.htm>, Pada 12 November 2003

<sup>311</sup> *Ibid.*

Daerah Kabupaten<sup>312</sup>, 6 Daerah Kota<sup>313</sup>, 447 Kecamatan<sup>314</sup>, 5.347 Desa<sup>315</sup> dan 399 Kelurahan.<sup>316</sup> Diantaranya Bogor, Sukabumi, Bandung, Cianjur, Cirebon, Bekasi, Garut, Depok, Cirebon, Tasikmalaya dan kota yang lainnya.

#### **4.3. Perkhidmatan Yang Ditawarkan Bank Syariah Mandiri Jawa Barat**

Bank Syariaah Mandiri (BSM) di Jawa Barat bertujuan untuk membantu perekonomian umat Islam yang tingkat pendapatannya rendah dengan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan dalam penyimpanan wang. BSM di Jawa Barat, semakin memperlihatkan peranannya secara langsung pada pembangunan ekonomi Ummah diberbagai daerah dengan membantu pembiayaan serta pemberian modal usaha kepada masyarakat dengan syarat-syarat tertentu.

Propinsi Jawa Barat ini besar dan luas. Kota-kota di Jawa Barat memiliki alam dan pemandangan yang indah serta memiliki berbagai potensi yang dapat diberdayakan, antara lain menyangkut sumber daya air, sumber daya alam dan pemanfaatan lahan, sumber daya hutan, sumber daya pesisir dan laut serta sumber daya perekonomian.<sup>317</sup>

---

<sup>312</sup> Kabupaten adalah Daerah yang di kepalai oleh seorang Bupati, terdiri dari beberapa Kota.

<sup>313</sup> Kota adalah Bandar atau Pekan.

<sup>314</sup> Kecamatan adalah kumpulan dari beberapa Kampong.

<sup>315</sup> Desa adalah kampong.

<sup>316</sup> Kelurahan pun kumpulan dari beberapa kampong, tapi jumlah kampongnya lebih sedikit daripada kecamatan

<sup>317</sup> *Ibid.*

Bandung merupakan ibu kota Propinsi di Jawa Barat yang selalu menjadi tujuan kedua perbankan untuk membuka jaringan. Di Bandung, pertumbuhan BSM terbilang cukup pesat dan memberikan kontribusi yang besar setelah Jakarta.<sup>318</sup>

Bandung termasuk dalam inti cawangan perintis di luar Jakarta, adapun tujuannya adalah perluasan jaringan, untuk meningkatkan pelayanan kepada masyarakat baik produk pembiayaan mahupun bentuk pinjaman. Bandung merupakan salah satu kota strategik dimana produk *funding* mahupun *lending* berkembang pesat. Perluasan jaringan merupakan suatu hal yang strategik bahagi perbankan, untuk memperbanyak jaringan maka kepercayaan pelanggan makin meningkat. Itu yang di katakan Merza Gamal sebagai *Service Quality Management Head* di BSM.<sup>319</sup>

Hampir semua perusahaan-perusahaan besar yang berskala Nasional mahupun Internasional membuka pejabat cawangan di wilayah kota Bandung. Untuk Bank Syariah, BSM merupakan bank Syariah ke dua yang hadir dikota Bandung pada November 1999 setelah bank Muamalat Indonesia (1994).

---

<sup>318</sup> Pikiran Rakyat, September 13, 2007: 3 “Bandung Pasar Gemuk Untuk Bank Syariah”.

<sup>319</sup> Temubual dengan Merza Gamal sebagai *Service Quality Management Head* Pada 12 April 2009, Pukul 12.00 pm, di pejabat pusat BSM jl. Thamrin, Jakarta Selatan.

### 4.3.1. Penyimpanan Wang

Dalam hal penyimpanan wang, BSM melakukan bermacam-macam perkhidmatan agar para pelanggan melaburkan dananya ke dalam akaun-akaun berkenaan.

Namun inti yang mendasari BSM dalam menghimpun dana secara umum, melalui:

1. Tabungan *Mudhārabah*
2. Tabungan *Wadi'ah*
3. Giro *Wadi'ah*
4. Deposito *Mudhārabah*

#### 4.3.1.1. Tabungan *Mudhārabah*

Tabungan *Mudhārabah* seperti yang telah di bahas pada bab sebelumnya adalah akad kerjasama antara dua pihak dimana pihak pertama sebagai pemilik modal, memberikan modalnya kepada pihak kedua sebagai pengelola usaha yang akan dijalankan dimana keuntungan dibahagi sesuai kesepakatan kedua belah pihak.<sup>320</sup>

---

<sup>320</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), **Bank Syariah Dari Teori ke Praktik**, Jakarta: Tazkia Cendikia, h. 171.

Pada prinsipnya, tabungan *Mudhārabah* di BSM sama dengan tabungan *Mudhārabah* di bank yang lainnya, di mana masyarakat menyimpan dana dalam bentuk tabungan, dan setelah itu penabung mendapat keuntungan dari bank secara *Mudhārabah* (nisbah perkongsian). Keuntungan ini dibahagi berdasarkan *income* rata-rata pelanggan setiap bulan, *income* rata-rata bank dari keseluruhan pelanggan dan *income* yang akan dibahagikan kepada pelanggan dengan perbandingan 50:50.

Perkhidmatan yang ditawarkan secara khusus adalah Tabungan Berencana dan Tabungan Bank Syariah Mandiri. Adapun jumlah tabungan *Mudhārabah* ini pada 31 Desember 2006 dana yang terkumpul ialah Rp.2.662.402 million dan dana tersebut terus mengalami peningkatan pada 31 Desember 2007 mencapai Rp.3.860.425 million.<sup>321</sup> Tabungan *Mudhārabah* ini banyak diminati oleh pelanggan BSM, terbukti dengan peningkatan jumlah dana yang ditabung oleh para pelanggan. Tabungan *Mudhārabah* ini sangat diminati, sehingga menjadi pokok dan memiliki posisi yang penting di dalam penawaran.

#### **4.3.1.2 Tabungan *Wadi'ah***

Tabungan *Wadi'ah* adalah penyimpanan wang atau barang oleh masyarakat kepada bank dalam bentuk tabungan, dimana penabung bertujuan untuk menyimpan atau mengamanahkan wangnya tanpa mengharapkan keuntungan

---

<sup>321</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), “**Profil PT. Bank Syariah Mandiri**” **Laporan Keuangan tahun 2006**, Jakarta: PT. Bank Syariah Mandiri, h. 5.

yang lebih.<sup>322</sup> Tetapi pihak bank boleh menggunakan dana tersebut dengan atau tanpa izin pelanggan.

Dalam hal ini, pihak bank akan memberikan bonus dari keuntungan yang mereka peroleh, bergantung pada budibaiik bank, prinsip *wadiah yaddhamanah*. Pihak bank harus selalu siap mengembalikan dana, apabila bila-bila masa pelanggan ingin menarik uangnya. Dan apabila simpanan yang digunakan bank mengalami kerosakan atau hilang, bank harus bertanggung jawab mengembalikan secara utuh, *wadiah yaddhamanah*.

Perkhidmatan yang ditawarkan secara khusus di BSM ialah BSM Dolar. Adapun jumlah tabungan *Wadi'ah* pada 31 Desember 2006 sehingga 31 Desember 2007 mengalami peningkatan dari Rp.11.953.000 million dari jumlah sebelumnya sebesar Rp.5.461.000 million.<sup>323</sup> Tabungan ini agak diminati, terbukti dengan jumlah dana tabungannya yang turun naik dalam jumlah yang sedikit.

#### **4.3.1.3. Giro Wadi'ah**

Giro<sup>324</sup> Bank Syariah Mandiri iaitu simpanan yang pengeluarannya dapat dilakukan pada setiap masa dengan menggunakan cek, bilyet giro (menerbitkan

---

<sup>322</sup> Muhamad Syafi'I Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 171.

<sup>323</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 6.

<sup>324</sup> Giro adalah akaun yang wangnya boleh diambil setiap hari, di mana akaun ini dilengkapi fasiliti pembayaran dengan cek dan giro bilyet. Lihat Bank Indonesia (Surat Edaran Perihal Hubungan Akaun Giro Antara Bank Indonesia dengan Pihak Ekstern), 2006, (No.8/34/DASP)



buku cek), atau alat perintah bayar lainnya dengan prinsip *Wadi'ah yad al-dhāmanah*.<sup>325</sup>

Akaun giro di bank syariah dikelola dengan sistem simpanan sehingga biasa dikenal dengan Giro *Wadi'ah*, kerana pada dasarnya akaun giro adalah dana masyarakat di bank untuk tujuan pembayaran dan pengeluarannya dapat dilakukan pada bila-bila masa. Artinya giro hanyalah merupakan surat atau lembaran yang ditukarkan pada wang menjadi dana simpanan pelanggan, bukan dana yang dileburkan.

Namun dana pelanggan pada giro boleh dimanfaatkan oleh bank selama masih belum ditarik oleh pelanggan, tetapi apabila diminta pelanggan bank wajib membayarnya. Sebagai imbalan dari simpanan yang dimanfaatkan oleh bank syariah, pelanggan dapat menerima pulangan berupa bonus. Namun begitu bonus ini tidak dijanjikan oleh pihak bank dan pemberiannya tergantung budibai bank.

Perkhidmatan yang khusus yang ditawarkan adalah Giro BSM. Adapun jumlah simpanan dalam akaun Giro *Wadi'ah* ini pada 31 Desember 2006 sehingga 31 Desember 2007 mengalami penurunan, dari Rp. 2.053.533 million turun sebesar 6.09% pada akhir tahun 2007 menjadi Rp.1,845,774.00.<sup>326</sup>

---

<sup>325</sup> Sayyid Sabiq (1987), **Fiqh al-Sunnah**, c.8, v.3, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, , h. 3.

<sup>326</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 12.

Penurunan dana Giro *Wadi'ah* ini disebabkan pemindahan dana simpanan haji dari akaun giro ke deposit sebanyak Rp.205.759. million.<sup>327</sup>

#### 4.3.1.4. Deposit *Mudhārabah*

Deposit Bank Syariah Mandiri adalah produk pelaburan berjangka yang pengeluarannya hanya dapat dilakukan setelah jangka waktu tertentu sesuai kesepakatan. Deposit syariah adalah deposit yang berdasarkan prinsip *Mudhārabah*.<sup>328</sup>

Deposit dengan prinsip *Mudhārabah* adalah simpanan pelanggan untuk ikut melaburkan dananya di Bank yang dijanjikan untuk jangka tertentu 1, 3, 6, 12 dan 24 bulan dan akan mendapatkan pulangan perkongsian untung disepakati bersama atas hasil usaha bank, disamping itu pelanggan boleh meletakkan syarat dalam bidang-bidang peleburan tertentu.<sup>329</sup> Pelanggan turut membantu mengembangkan usaha mikro dan kecil sebab Bank Syariah Mandiri mengalokasikan pelaburan pelanggan melalui pembiayaan yang produktif dan halal yang dimiliki masyarakat usaha mikro dan kecil.<sup>330</sup>

---

<sup>327</sup> *Ibid.*

<sup>328</sup> Bank Syariah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id/manajemen/pimpinan.php>, *Op.cit.*, Pada 24 Jun 2004. Lihat: **Fatwa Dewan Syari'ah Nasional** no: 03/DSN-MUI/IV/2000 tentang Deposit, [http://www.mui.or.id/mui\\_in/product\\_2/fatwa.php?id=10&pg=1](http://www.mui.or.id/mui_in/product_2/fatwa.php?id=10&pg=1), Pada 1 April 2000.

<sup>329</sup> Muhamad Syafi'I Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 172.

<sup>330</sup> *Ibid.*

Perkhidmatan yang khusus ditawarkan adalah Deposito BSM. Adapun jumlah deposit *Mudhārabah* ini pada 31 Desember 2006 sebesar Rp.3.497.871 million dan jumlah ini mengalami peningkatan sebesar Rp.5.387.827 million.<sup>331</sup> Deposit *Mudhārabah* merupakan salah satu produk yang paling banyak diminati oleh pelanggan merasa tenang dan nyaman kerana pengelolaan dilakukan dengan sistem sesuai dengan Syariah Islam dengan sistem bahagi hasil, seperti yang di katakan Wandy Priagung.<sup>332</sup>

**Jadual 4: Realisasi dan Metode Penghitungan Bagi hasil Desember 2007**

million

Jenis Simpanan Dana	Keuntungan kasar jumlah dalam Rp	Pendapatan yang harus dibagi hasil Rp	Porsi Pemilik Dana	
			Nisbah	Jumlah Bonus dan Bagi hasil Rp
1.Giro Wadiah	1.743.947	19.606	8.00%	1.568
2.TabunganMudharabah	3.730.684	41.595	38.79%	16.136
a. Tabungan BSM	3.311.034	36.905	40.09%	14.794
b. Mabror	301.310	3.368	21.73%	732
c. Pendidikan	54.598	610	51.97%	317
d. Berencana BSM	15.515	173	45.09%	78
e. Mudharabah perusahaan	48.227	539	39.89%	215
3. DepositoMudharabah	5.372.609	60.058	54.98%	33.021
a. Rupiah	5.163.157	57.717	56.20%	32.436
1 bulan	3.373.844	37.715	54.86%	20.691

<sup>331</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 12.

<sup>332</sup> Temubual dengan bapak Wandy Priagung Sakul, Jabatan Marketing BSM, Pada 23 Desember 2008, 14.00 pm. Di Pejabat BSM Cawangan, Jl. Dago, Bandung.

<sup>332</sup> *Ibid.*, walau bagaimanapun pihak bank tidak dapat memberikan jumlah pendeposit untuk akaun jenis ini yang dianggap rahasia.

3 bulan	1.023.690	11.443	58.59%	6.704
6 bulan	412.012	4.606	59.44%	2.738
12 bulan	353.611	3.953	58.29%	2.303
b. Valas	209.452	2.341	24.99%	585
1 bulan	185.127	2.069	24.99%	517
3 bulan	11.523	129	24.81%	32
6 bulan	4.862	54	25.93%	14
12 bulan	7.940	89	24.72%	22

**Sumber data: PT. Bank Syariah Mandiri 2007**

**Jadual 5 : Sumber Dana dan pengagihan BSM tahun 2006 dan 2007**

	Audit 31 Des 07	Audit 31 Des 06	Pertumbuhan	
	Rp	Rp	Nominal Rp	%
1. Dana Pihak Ketiga	11,105,979	8,219,267	2,886,711	35
a. Giro	1,845,774	2,056,994	-213,220	-10.36
b. Tabungan	3,872,378	2,662,402	1,209,967	45
c. Deposit	5,387,827	3,497,872	1,889,955	54
2. Penempatan dari bank lain	196,663	54,302	151,361	334
3. Surat berharga yang di terbitkan	400,000	200,000	200,000	100
4. Pinjaman subordinasi	32,000	32,000	0	0
5. Lainnya	339,573	361,167	-21,594	-6
6. Ekuitas	811,376	697,231	114,145	16
Total	12,885,391	697,231	114,145	16

**Sumber data: PT. Bank Syariah Mandiri 2007**

Adapun syarat-syarat pembukaan akaun perkhidmatan tabungan di BSM adalah sebagai berikut:<sup>333</sup>

- a. Seseorang dapat menjadi pelanggan penabung secara pribadi ataupun syarikat seperti Yayasan dan Bank-bank yang lain.

<sup>333</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 20

- b. Setiap calon pelanggan harus menunjukkan kad pengenalan yang menjadi syarat diantaranya Pasport, Kad tanda pengenal (IC), lesen memandu.
- c. Pembayaran tabungan boleh dilakukan oleh pihak ketiga, dengan konsekuensi bahwa jumlah yang telah dibayar tersebut tidak dapat didisposisi kembali oleh pembayar (pihak ketiga), kerana yang berhak hanya pemegang akaun.
- d. Pengambilan wang tunai harus digunakan dengan slip atau tanda bukti pengambilan yang disediakan oleh bank. Slip itu harus ditandatangani dihadapan pegawai bank.

#### **4.3.2. Pembiayaan**

Seperti yang sudah dibahas pada bab sebelumnya, bahwa portfolio pembiayaan masih didominasi oleh pembiayaan dengan skim *Murabahah*, setelah itu pembiayaan *Mudharabah* kemudian *Musyarakah*. Pelbagai produk yang ditawarkan oleh BSM kepada pelanggan antaranya ialah Pembiayaan pelajaran BSM, Pembiayaan Modal Pusingan, Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan *Mudhārabah* BSM, Pembiayaan *Mushārahah* BSM, Pembiayaan *Murābahah* BSM, Pembiayaan Talangan Haji BSM, Pembiayaan *Istishna* BSM, dan masih banyak lagi perkhidmatan yang lainnya.<sup>334</sup> Namun begitu tidak semua produk tersebut akan dibincangkan oleh penulis, hanya tiga produk sahaja yang paling banyak memberikan sumbangan pada pihak bank mahupun pelanggan.

---

<sup>334</sup> *Ibid.*

#### 4.3.2.1. Pembiayaan *Murābah*□*ah*

Akad yang digunakan dalam pembiayaan *Murābah*□*ah* adalah akad jual beli. Syarat dalam jual-beli mengharuskan adanya penjual, pembeli dan barang yang diperjualbelikan.<sup>335</sup> Pembayaran boleh dibuat secara angsur berdasarkan kesepakatan bersama antara pelanggan dan bank, meskipun harganya lebih tinggi dari harga normal dan jaminan yang dipegang oleh pihak bank. BSM membiayai keperluan pelanggan dalam mengadakan barang keperluan pengguna maksimum 70% dari harga normal seperti; rumah, kendaraan atau barang produktif seperti; mesin pengeluaran, kilang dan lain-lain.<sup>336</sup>

Adapun jumlah dari pembiayaan *Murābah*□*ah* pada 31 Desember 2006 Rp.4.188.687 million dan mengalami peningkatan pada 31 Desember 2007 menjadi Rp.5.180.333 million Pertumbuhan nominalnya sebesar Rp.991.646 million dengan tingkat pertumbuhan sebesar 23,67%.<sup>337</sup> membuktikan bahwa produk ini banyak diminati pelanggan BSM.

#### 4.3.2.2 Pembiayaan *Mudhārabah*

Pembiayaan *Mudhārabah* adalah pembiayaan di mana seluruh modal kerja yang diperlukan pelanggan ditanggung oleh bank. Keuntungan yang diperoleh

---

<sup>335</sup> Muhamad Syafi'I Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 171.

<sup>336</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 15.

<sup>337</sup> *Ibid.*, h. 35.

dibahagi sesuai dengan nisbah yang disepakati bersifat tetap antara bank dan pelanggan seperti 70:30 dimana 70% kepada bank dan 30% kepada pelanggan.<sup>338</sup>

Di antaranya adalah untuk pembiayaan yang bersifat modal kerja dan atau pelaburan. Seperti pembiayaan keperluan modal kerja pelanggan yang menjadi pemilik projek boleh mengajukan permohonan pembiayaan kepada Bank Syariah Mandiri.

Adapun jumlah dari pembiayaan *Mudhārabah* ini pada 31 Desember 2006 ialah Rp.1.119.112 million dan mengalami peningkatan sebesar Rp.2.339.676 million pada 31 Desember 2007, nominal pertumbuhannya sebesar Rp. 1.220.564 million dengan tingkat pertumbuhannya sebesar 109.07%.<sup>339</sup> Pembiayaan *Mudhārabah* ini banyak diminati masyarakat kerana terbukti dengan peningkatan jumlah dana yang dikeluarkan.<sup>340</sup>

#### **4.3.2.3 Pembiayaan *Mushārahah***

Pembiayaan *Mushārahah* adalah pembiayaan perkongsian diantara dua belah pihak. Di mana masing-masing pihak bersama-sama membiayai suatu usaha atau projek yang dikelola secara bersama. Keuntungan dibahagi sesuai dengan besar dana yang disalurkan.

---

<sup>338</sup> Muhamad Syafi'I Antonio (2001), *Op.cit.*, h. 169.

<sup>339</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 20.

<sup>340</sup> Temubual dengan Nida An'khofiya, sebagai Kepala Cawangan BSM Rangkas Bitung Banten, Pada 8 Oktober 2008, pukul 10.30 Am, Di Pejabat BSM jl. Raya Pandeglang 13 Banten.

Adapun jumlah pembiayaan *Mushākarah* ini pada 31 Desember 2006 sehingga 31 Desember 2007 mengalami peningkatan juga dari Rp.1.554.196 million menjadi Rp.1.119.112 million Nominal pertumbuhannya sebesar Rp.443.562 million dengan tingkat pertumbuhan sebesar 28.54%.<sup>341</sup> Walaupun jumlah pertumbuhannya tidak terlalu besar, tetap produk ini masih diminati oleh pelanggan.

**Jadul 6: Jumlah Pembiayaan Skim BSM tahun 2006 dan 2007**

	Audit 31 Des 07	Audit 31 Des 08	Pertumbuhan	
	Nominal million			%
	Rp	Rp	Rp	
1. <i>Murābahāh</i>	5.180.333	4.188.687	991.646	24
2. <i>Mudhārabah</i>	2.339.676	1.119.112	1.220.564	109
3. <i>Mushāarakah</i>	1.997.758	1.554.196	443.562	29
4. Lainnya	808.607	552.761	255.845	46
<b>Total</b>	<b>10.326.374</b>	<b>7.414.757</b>	<b>2.911.617</b>	<b>39.27</b>

**Sumber data: PT. Bank Syariah Mandiri 2007**

Prosedur permohonan pembiayaan di BSM ini harus melalui beberapa peringkat atau tahap yang telah ditentukan, yaitu:

- a. Tahap permohonan pembiayaan: mengisi borang surat permohonan, surat pendirian usaha, realisasi usaha yang dilakukan, rencana usaha yang dikembangkan, studi kelayakan dan adanya jaminan yang ditawarkan.
- b. Tahap Wawancara, dimana pihak bank akan mengadakan pembicaraan dengan calon peminjam dalam rangka mengumpulkan informasi yang

<sup>341</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2007), *Op.cit.*, h. 36.



diperlukan untuk jadi bahan pertimbangan ialah informasi umum, tujuan penggunaan pembiayaan, keadaan kewangan pemohon, jumlah yang diminta dan jaminan pembiayaan mahupun jangka waktu pembayaran yang diminta.

- c. Tahap pemeriksaan ke lokasi dilakukan untuk meyakinkan kebenaran data yang disampaikan dengan keadaan yang sebenarnya. Biasanya pada tahap ini bank melakukan pemeriksaan terhadap buku persediaan, buku pembelian dan catatan lainnya, serta projek yang akan dibiayai serta jaminannya.
- d. Tahap penilaian, menilai atas permohonan pembiayaan objek yang akan dibiayai dengan berdasarkan maksud dan tujuan penggunaan pembiayaan mahupun latarbelakang pelanggan.
- e. Tahap perundingan pemohon, membincangkan hasil yang diperoleh dari penilaian kemudian dibicarakan dengan pemohon mengenai jumlah dana yang dapat dipertimbangkan dan syarat yang harus dipenuhi.<sup>342</sup>
- f. Tahap Keputusan permohonan, hasil dari semua tahap diatas kemudian diputuskan apakah permohonan dana itu disetujui atau ditolak. Apabila pemberian pembiayaan disetujui, maka calon debitur dihubungi atas hasil yang diputuskan serta diajukan syarat-syarat yang harus dipenuhi, bila sudah mendapat kesepakatan barulah diambil keputusan pemberian dana serta penentuan syarat-syarat yang disetujui oleh kedua belah pihak.

---

<sup>342</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 6.

Adapun yang harus dipenuhi para pemohon adalah mengisi dan menandatangani dokumen sebagai berikut:

- a. Permohonan membuka akaun yang dilengkapi dengan data dan tandatangan pemohon.
- b. Kad pengenalan pemohon.

Setelah diberi nombor akaun, dokumen ini ditandatangani oleh pengarah (Director) Bank sebagai tanda persetujuan. Adapun tahap dokumentasi diantaranya menandatangani, menyediakan dokumen perjanjian, pembiayaan dan juga jaminan.

#### **4.4. Peranan Bank Syariah Mandiri Cawangan Jawa Barat Dalam Pembangunan Ummah Di Jawa Barat**

Bank Syariah Mandiri memiliki peranan yang sangat penting kepada pembangunan yang sedang berlaku di Jawa Barat. Sumbangan itu berbentuk kemanusiaan, pendidikan, fasiliti perumahan dan sebagainya. Dalam pembahasan ini, penulis membahas tentang peranan BSM secara langsung pada perkembangan ekonomi ummah dari segi pembiayaan dan kemanusiaan.

#### **4.4.1 Peranan Bank Syariah Mandiri Dari Segi Pembiayaan**

##### **4.4.1.1 Bidang Perdagangan Bahagi Koperasi Unit Usaha Kecil dan Menengah (KUKM) Di Cianjur**

Bank Syariah Mandiri (BSM) menyalurkan dana berteraskan syariah sebesar Rp 59.5 trillion pada tahun 2007.<sup>343</sup> Dana tersebut berasal dari Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (KKUKM) yang ditujukan mendorong pengembangan sektor kewangan mikro syariah. Harapannya, perkembangan sektor tersebut dapat mendorong perkembangan sektor perniagaan di berbagai daerah.<sup>344</sup>

Di Cianjur Jawa Barat, telah disalurkan Rp 2 trillion, bahagi 20 LKMS. Dana bergulir syariah tersebut akan digunakan oleh LKMS tersebut dalam membiayai berbagai usaha mikro masyarakat, masing-masing Rp 100 million.<sup>345</sup> Lembaga Keuangan Mikro Syariah (LKMS) yang menerima bernama *Baitulmal wattamwil* (BMT) dan Koperasi Syariah (Kopsyah). Pemda kabupaten Cianjur juga kemungkinan akan menyalurkan dana bergilir syariah melalui BSM kerana beberapa alasan.

Salah satunya adalah pemerintah kabupaten menginginkan dana pengembangan ekonomi bahagi masyarakat Cianjur, secara langsung diberikan

---

<sup>343</sup> Paras, 12 Maret 2007: “BSM dan Solusi Perekonomian”

<sup>344</sup> *Ibid.*

<sup>345</sup> *Ibid.*

pada Usaha Kecil Menengah. Dana tersebut diharapkan mampu memberikan hasil berlipat bahagi pengembangan ekonomi masyarakat Cianjur. Penyaluran dan tersebut berjangka waktu 10 tahun. Dana tersebut menggunakan akad bahagi hasil (*Mudhārabah*) dengan nisbah 60% untuk LKMS dan 40% untuk bukan LKMS. Bahagi hasil 40% bukan LKMS tersebut kemudian dibahagi untuk BSM dan lembaga pendamping pengembangan LKMS.<sup>346</sup>

Lembaga kongsi mereka di antaranya adalah Microfin, BMT Center, Induk Koperasi.Wanita dan Pusat Inkubasi Bisnis Usaha Kecil. Dan BSM dianggap mampu dalam mendorong ekonomi masyarakat kecil melalui program penyaluran dana berkelanjutan tersebut.<sup>347</sup>

#### **4.4.1.2 Peranan BSM Dari Segi Pembiayaan Di Bidang Pendidikan Di Cirebon**

Bank Syariah Mandiri (BSM) memberikan fasiliti pembiayaan untuk Mahasiswa berprestasi di Universiti Swadaya Gunung Jati Cirebon Jawa Barat.<sup>348</sup> Fasiliti pembiayaan akan ditujukan pada wang masuk perguruan tinggi meliputi dana pembangunan, wang semester, dana pengembangan pendidikan, wang

---

<sup>346</sup> Temubual dengan Lia Bambang, sebagai salah satu pelanggan BSM, yang sudah mendapatkan kemudahan pembiayaan dari BSM Jawa Barat, pada 21 Oktober 2008 pukul 16.00pm. Di rumahnya. Jl. Leuwi Gajah, Cianjur.

<sup>347</sup> Republika, pada 11 Oktober 2009, “Peran Serta BSM Dalam Ekonomi Ummah”.

<sup>348</sup> *Ibid.*

pendaftaran tahun ajaran atau semester berikutnya. Dana biasiswa yang terhimpun mencapai Rp.7.540.000 milion.<sup>349</sup>

Fasilitas tersebut dipastikan berterusan setelah ditandatangani surat kesefahaman kerja sama pemanfaatan Pembiayaan pendidikan BSM dengan Universiti Cirebon ini. Penandatanganan dilakukan oleh Senior Executive Vice President Srie Sulistyowati dan Rektor Universiti H Djakaria Machmud.<sup>350</sup>

Sebelumnya, BSM telah melakukan penandatanganan yang sama dengan beberapa Universiti di Indonesia antara lain, Fakultas Ekonomi Universiti Indonesia, Universiti Al Azhar Indonesia, Magister Manajemen dan Teknik Sipil Universiti Tanjungpura.<sup>351</sup>

#### **4.4.1.3 Peranan BSM dalam Mendorong Pembiayaan UMKM Melalui Pertanian Di Bogor**

Bank Syariah Mandiri (BSM) memproyeksi pembiayaan usaha menengah, kecil dan mikro (UMKM) akhir tahun 2007 mencapai Rp 5.12 Triliun.<sup>352</sup> Untuk mencapai target tersebut, salah satu pembiayaan yang akan didorong BSM adalah pembiayaan sektor pertanian. Hingga Juli 2007, pembiayaan sektor pertanian

---

<sup>349</sup> *Bisnis Indonesia*, Pada 21 Juli 2006, "BSM Biyai UNSWAGATI".

<sup>350</sup> *Ibid.*

<sup>351</sup> *Ibid.*

<sup>352</sup> Bahrul (2007): "BSM Dorong Pembiayaan UMKM". *Republika*, Pada 6 September 2007, h. 12.

bank syariah dengan aset terbesar itu mencapai Rp 382 trillion dari target pembiayaan akhir tahun Rp 597 trillion.<sup>353</sup>

Komitmen BSM dalam mendorong pembiayaan pertanian tersebut mendapat dukungan dari pemerintah melalui Departemen Pertanian. Dukungan tersebut berupa dana sebesar Rp 83.5 trillion sebagai jaminan dana penanganan pembiayaan bermasalah petani.<sup>354</sup>

Dukungan pemerintah tersebut sangat penting bagi BSM. Sebabnya, dana tersebut dapat menjadi jaminan bila pembiayaan yang disalurkan BSM bagi para petani mengalami tidak lancar atau bermasalah. Meskipun demikian, dana SP3 (Sistem Pelayanan Pembiayaan Pertanian) tersebut baru dapat digunakan bagi pembiayaan pertanian sesuai skim SP3.

Berdasarkan skim tersebut, Departemen Pertanian mempersyaratkan dana tersebut tidak dapat sebagai jaminan bagi pembiayaan para petani di atas Rp 500.000.000 million.<sup>355</sup> Sebabnya, dana tersebut memang dirancang untuk mendorong pengembangan usaha petani kecil. Selain itu, menurut Hanawijaya, berdasarkan skim SP3, Departemen Pertanian mempersyaratkan besaran jaminan pembiayaan berbeza per petani.

---

<sup>353</sup> *Ibid.*

<sup>354</sup> *Ibid.*

<sup>355</sup> *Ibid.*

Hal itu didasarkan pada banyaknya jumlah biaya yang diterima. Bila pembiayaan para petani tercatat dibawah Rp 10.000.000 million mengalami kemacetan, maka 100% pembiayaan tersebut dijamin dana SP3. Sedangkan, bila pembiayaan petani tercatat diatas Rp 10.000.000 million hingga Rp.50.000.000 million, maka hanya 40% pembiayaan yang dijamin. Sementara, bila pembiayaan terhad Rp 50.000.000 million hingga Rp. 500.000.000 million maka hanya sekitar 30%-10% pembiayaan yang dijamin.<sup>356</sup> Pembiayaan pertanian BSM meliputi berbagai jenis pertanian, di antaranya adalah pembiayaan pertanian padi, perkebunan, perikanan dan peternakan.<sup>357</sup>

Selain itu, BSM juga dapat membiayai proses pertanian dari awal hingga akhir. Seorang petani memerlukan dana sekitar Rp. 2.000.000 million untuk mengolah sawahnya seluas satu hektar. Bank melakukan akad bai' as-salam dengan petani, di mana bank akan membeli gabah, upamanya, gabah dari petani untuk jangka waktu empat bulan sebanyak 2 kwintal harga Rp 2.000.000,00. Pada saat jatuh tempoh, petani harus memberikan gabah yang dimaksud kepada bank. Jika bank tidak memerlukan gabah untuk keperluannya sendiri, bank dapat menjualnya kepada pihak lain atau meminta petani mencarikan pembeli lain dengan harga yang lebih tinggi, misalnya Rp1.200,00 per kilogram. Dengan

---

<sup>356</sup> PT. Bank Syariah Mandiri (2006), *Op.cit.*, h. 7.

<sup>357</sup> *Ibid.*

demikian, keuntungan bank dalam hal ini adalah Rp400.000 atau (Rp 200 x 2000 kg).<sup>358</sup>

Guru Besar Institut Pertanian Bogor (IPB) Didin Hafiduddin menyambut baik rencana BSM mendorong pembiayaan sektor pertanian.<sup>359</sup> Ia juga menyambut baik dukungan pemerintah mendorong perkembangan sektor pertanian melalui program SP3. Sebabnya, sektor pertanian dan sektor perbankan perlu melakukan kerja sama agar industri pertanian tanah air dapat berkembang dengan pesat.

#### **4.4.1.4 Peranan BSM dalam Bidang Telekomunikasi Di Sukabumi**

Bank Syariah Mandiri (BSM) bersama bank syariah lainnya awal Desember 2008 mulai menyalurkan dana pembiayaan proyek telekomunikasi sebesar Rp.550.000.000 million.<sup>360</sup> Direktur Utama BSM Yuslam Fauzi mengatakan tahap pengesahan pembiayaan itu telah dilakukan pada 2008. Pada awal tahun lalu BSM bersama sembilan bank syariah telah menandatangani MoU pembiayaan proyek PT Citra Sari Makmur (CSM). Total proyek itu senilai Rp 1.05 Triliun dengan tempo pelunasan lima tahun.<sup>361</sup>

---

<sup>358</sup> Temubual dengan Surtata, sebagai salah satu petani, yang sudah mendapatkan kemudahan pembiayaan dari BSM Jawa Barat, pada 30 Oktober 2008 pukul 13.00pm. Di rumahnya. Jl. H.Masyur, Sukabumi.

<sup>359</sup> Bahrul (2007), *Op.cit*, h. 12.

<sup>360</sup> Kompas, [http://www.kompas.com/Lebih\\_Dari\\_Sekedar\\_Bank/readib/1/2009/02/19/11195960/Indonesia.Miliki.Lembaga.Kewangan.Syariah.Terbanyak.Se-Dunia](http://www.kompas.com/Lebih_Dari_Sekedar_Bank/readib/1/2009/02/19/11195960/Indonesia.Miliki.Lembaga.Kewangan.Syariah.Terbanyak.Se-Dunia), Desember 2008.

<sup>361</sup> *Ibid.*



Baki dari pembiayaan itu dibiayai oleh sembilan bank konvensional yang sindikasinya dipimpin Bank Niaga sebesar Rp.500.000.000 million.<sup>362</sup> Adapun CSM, merupakan perusahaan penyedia layanan satelit yang didirikan oleh Subagio Wirjoatmodjo pada 1987. Pada 7 Mei 1993 status perusahaan berubah menjadi perusahaan campuran antara Subahagio (51.05%) dan Bell Atlantic Indonesia dari Amerika Serikat (48.9%).<sup>363</sup>

PT Telekomunikasi Indonesia Sukabumi turut menjadi pemegang saham perusahaan ini pada 8 November 1996. Hingga kini kepemilikan saham CSM terdiri atas PT Tigatra Media (Subahagio Wirjoatmodjo) 38.29%, Media Trio Inc (anak perusahaan Tigatra) 36.71% dan Telkom 25%.<sup>364</sup>

Berdasarkan catatan Bisnis, dalam projek itu BSM hanya menyediakan dana sebesar Rp. 200 trillion, kerana terbentur batas maksimum pemberian pembiayaan. Ini disebabkan BSM lebih tertuju pada UMKM, yang telah memberikan keuntungan 50% pada pemasukan kas perusahaan. Adapun akad yang digunakan adalah *Musyarakah*, 50% dari nasabah dan 50% dari bank. Setelah projek selesai, nasabah mengembalikan dana tersebut bersama bagi hasil yang telah disepakati untuk bank.

---

<sup>362</sup> *Ibid.*

<sup>363</sup> *Ibid.*

<sup>364</sup> *Ibid.*

#### **4.4.1.5 Peranan BSM dalam Bidang Transportasi, Pembangunan Pembangkit Listrik dan Pembangunan Jalan Raya di Bekasi**

PT Bank Syariah Mandiri (BSM) menyeleksi empat proyek infrastruktur yang nilainya mencapai Rp.1.5 Triliun<sup>365</sup> untuk dibiayai melalui pembiayaan perbankan syariah pada tahun ini. Direktur Korporasi PT BSM Amran Nasution mengatakan keempat proyek tersebut adalah pembangunan jalan tol, sektor telekomunikasi, pembangunan pembangkit listrik dan sektor transportasi di Bekasi Jawa Barat. Empat proyek infrastruktur ini dibiayai melalui sindikasi pembiayaan syariah dan club deal dengan bank konvensional di Indonesia.<sup>366</sup>

Bila proyek sudah diwujudkan, untuk kedua kalinya bank syariah terlibat dalam pembiayaan bersama setelah sebelumnya Bank Muamalat berkongsi dengan PT Alif untuk pembelian enam pesawat milik PT Trigana Air Service senilai Rp 240 million.<sup>367</sup> Amran menjelaskan pihaknya menasarkankan pada satu proyek sindikasi perbankan syariah yang berhasil disalurkan sehingga masuk dalam portofolio-perbankan syariah tahun ini.<sup>368</sup>

Direktur BSM Hanawijaya mengatakan sindikasi pembiayaan sudah terbentuk pada bulan Ramadan tahun 2007 lalu, namun masih ada kendala yang menyebabkan rencana sindikasi tersebut tertunda. Iaitu ada beberapa klausul yang

---

<sup>365</sup> Bisnis Indonesia, 10 Oktober 2007, "BSM Seleksi 4 Proyek Infrastruktur".

<sup>366</sup> Bank Syariah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id/berita>, Pada 12 Januari 2009.

<sup>367</sup> *Ibid.*

<sup>368</sup> *Ibid.*

belum disepakati bersama sehingga realisasi sindikasi berubah dan target pun berubah pula. Dalam pelaksanaan tersebut, BSM membentuk divisi khusus sindikasi dengan harapan hasil seleksi dapat berjalan maksimal, sehingga pembiayaan sindikasi tiga proyek infrastruktur itu terwujud mengikut sasaran.

Hanawijaya menjelaskan anak perusahaan Bank Mandiri tersebut memilih jalur penyaringan supaya banyak pihak yang dapat langsung mengamati dan memberikan pendapat mengingat pengalaman dalam pembiayaan berskala besar masih minim dimiliki lembaga itu. Sebelumnya dia menyebutkan perbankan syariah berkomitmen untuk membiayai proyek jalan tol senilai Rp 500 Milyar.<sup>369</sup> Adapun akad yang digunakan adalah *Musyarakah*.

#### **4.4.1.6 Peranan BSM pada Bidang Dunia Usaha Di Bandung**

Bank Syariah Mandiri (BSM) Bandung pada 2007 lebih bersungguh-sungguh dalam menyalurkan pembiayaannya. Sasaran minimum pembiayaan yang diberikan tahun itu sebanyak Rp 325.345.00 milion<sup>370</sup> atau meningkat dibandingkan tahun 2006 yang hanya Rp 200.564.789 milion. Secara Nasional BSM menasarkan pembiayaan minimum Rp 2.5 Triliun atau meningkat sebesar 31%.<sup>371</sup> Hingga tiga bulan pertama 2007 kedudukan pembiayaan BSM telah mencapai Rp 7.645 Triliun<sup>372</sup>. Sektor yang sedang dilihat untuk dibiayai oleh

---

<sup>369</sup> *Ibid.*

<sup>370</sup> *Bisnis Indonesia*, 12 Maret 2008, "Bank Syariah Mandiri Biayai Telekomunikasi".

<sup>371</sup> *Ibid.*

<sup>372</sup> *Ibid.*

BSM Bandung adalah kepemilikan rumah, kereta dan motorsikal. Adab yang digunakan adalah *Murabahah*.<sup>373</sup>

Apabila penyimpanan dana seperti Sertifikat Wadyah Bank Indonesia kini hanya memberikan keuntungan sebesar 6% sahaja. Hal ini, membuat BSM, tidak punya pilihan lain selain menyalurkan dananya ke sektor sebenar, tentunya untuk mendapatkan keuntungan yang lebih baik berbanding harus menyimpan di Sertifikat tersebut.

Dana pihak ketiga (DPK) yang diperoleh BSM juga meningkat pada tiga bulan pertama ini menjadi Rp 8.755 Trilion dari kedudukan akhir tahun 2006 yang hanya Rp 8.219 Trilion<sup>374</sup>. Yuslam mengaku, wilayah Jawa Barat (Jabar) cukup berpotensi kerana terlihat pada nisbah pembiayaan yang mencapai 101%.<sup>375</sup>

#### **4.4.1.7 Peranan BSM di Bidang Perkebunan Tanaman Hias Di Depok**

Salah satu program Laznas BSM Umat adalah membantu menggerakkan ekonomi masyarakat miskin di Sawangan Depok, Jawa Barat dengan memberikan pembiayaan kepada petani tanaman hias Direktur BSM dan Direktur Laznas BSM Umat, M Haryoko dan Alamsani menyaksikan panen perdana tanaman hias di Bojongsari. Laznas BSM Umat telah menghimpun keuntungan BSM, dan zakat

---

<sup>373</sup> Republika, 30 April 2007 “BSM Bandung Akan Agresif Salurkan Pembiayaan”.

<sup>374</sup> *Ibid.*

<sup>375</sup> *Ibid.*

para kakitangan BSM serta pelanggan BSM. Salah satu programnya adalah pemberdayaan masyarakat miskin melalui bantuan *Qardh al-H<sup>ik</sup>asan* atau pinjaman tanpa keuntungan, ialah memberi hak milik sesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan.<sup>376</sup>

Dalam pesan singkatnya, H Mohammad Haryoko, selaku pembina Laznas BSM Umat dan juga Direktur BSM mengingatkan petani tanaman hias bahwa usaha besar dimulai dari yang kecil. Petani harus optimistis, usaha tanaman hias akan membuahkan hasil yang baik hanya perlu dikemas lebih cantik supaya boleh bertahan lebih lama.<sup>377</sup>

Menurut Arafat Ihsan menjelaskan modal awal usaha tanaman hias yang dibudidayakan di dalam bangunan berupa bilik 5x15 meter persegi cukup besar. Untuk bangunannya saja tak kurang dari Rp 7.000.000 milion untuk bahan persiapannya sebanyak 10 ribu benih, perlu dana Rp 12.000.000 milion. Kalau seluruh benih tanaman hias ini panen setelah tiga bulan seluruhnya boleh mencapai 2,5 ton. Harga tanaman hias di lokasi Rp 10.000 ribu per kilogram. Arafat membenarkan bahwa harga tanaman hias lumayan tinggi. Di swalayan boleh Rp 12.000 ribu per pot.<sup>378</sup>

---

<sup>376</sup> Republika, 18 Agustus 2006 “Laznas Umat BSM Bantu Petani Jamur Tiram di Depok”.

<sup>377</sup> *Ibid.*

<sup>378</sup> Temubual dengan Arafat Ihsan, sebagai salah satu petani yang menerima bantuan dana dari BSM, Pada 8 Oktober 2008, pukul 11.30 Am, Di Rumahnya Jl. Kartini Depok.

#### 4.4.2 Peranan BSM Pada Bidang Kemanusiaan Di Bogor

Bahawa keadaan yang terjadi pada masyarakat khususnya masyarakat miskin iaitu: sebuah rumah sewa petak yang berukuran 2x5 meter persegi di Kampung Bambu RT 02 RW 15 Desa Bojong Nangka Bogor, didatangi sejumlah orang berpakaian rapi. Mereka bermaksud bertemu dengan pasangan suami istri Sutrisno (30) dan Sumarni (28) yang telah membawa pulang, Alfiah anak kedua mereka.<sup>379</sup>

Setelah lahir, Alfiah tidak boleh langsung berkumpul dengan kedua orang tuanya. Ia harus menginap lebih lama di Klinik Murni Asih, lantaran kedua orang tuanya tidak memiliki dana yang cukup untuk menebus buah hatinya itu. Peristiwa itu rupanya telah mengetuk pintu hati para pengelola Lembaga Amil Zakat Bank Syariah Mandiri (BSM) dan Komnas Perlindungan Anak untuk membantunya. Pasangan yang tergolong keluarga miskin ini memperoleh bantuan dari lembaga ini berupa beras, susu, makanan, minyak, gula dan wang sebanyak Rp 3.500.000. milion

Santunan dan wang tersebut diserahkan langsung Direktur Lembaga Amil Zakat Bank Syariah-Mandiri H Alamsani. Didampingi Sumarni dan putrinya Alfiah, Sutrisno merasa terharu dengan bantuan dan perhatian yang disampaikan secara mengejut dari pengelola Laz BSM. Sutrisno juga bercerita beca yang

---

<sup>379</sup> *Republika*, Pada 26 Januari 2007. "Kunjungannya ke Rumah Sutrisno".

dibawanya setiap hari adalah beca sewa yang dibayar. Becu itu milik H Cecep, yang setiap hari harus disewa sebanyak Rp 15.000 ribu

Oleh sebab itu, Sutrisno tidak boleh membayar tagihan biaya persalinan anaknya di klinik. Selain memperoleh bantuan tersebut, Sutrisno juga mendapat dana sebesar Rp 500.000.000 milion untuk membeli beca yang disewanya.<sup>380</sup> Sutrisno mengakui bahawa bantuan yang disampaikan pihak Laz BSM dalam bentuk makanan dan keperluan pokok serta wang untuk biaya hidup adalah bantuan pertama yang diterimanya daripada masyarakat.

Rumah sewa yang dihuni Sutrisno dan keluarganya memang memprihatinkan. Selain digunakan untuk tidur dan memasak, ruangan rumah sewa itu hanya dihiasi dengan dua buah katil yang sudah uzur tanpa seperi, tirai warna hijau yang juga sudah lusuh serta baldi (tempat menampung) air dan tandas buruk.<sup>381</sup>

---

<sup>380</sup> *Ibid.*

<sup>381</sup> *Ibid.*

**Jadul 7: Pembiayaan per sektor ekonomi tahun 2006 dan 2007**

	Audit 31 Des 07		Audit 31 Des 06		Pertumbuhan	
	Nominal	Share (%)	Nominal	Share (%)	Nominal	(%)
	Rp		Rp		Rp	
1. Pertanian	397,412	3.85	443,594	5.98	-46,182	-10.41
2. Pertambangan	264,784	2.56	236,525	3.19	28,259	11.95
3. Industri	880,776	8.53	763,924	10.3	116,852	15.3
4. Listrik, gas dan air	159,278	1.54	2,991	0.04	156,287	5.2
5. konstruksi	1,638,423	15.87	1,056,062	14.24	582,361	55.14
6. Perdagangan	1,105,634	10.71	1,096,720	14.79	8,914	0.81
7. Transportasi-komunikasi	554,037	5.37	542,071	7.31	11,966	2.21
8. Jasa dunia usaha	3,682,242	35.69	2,046,192	27.6	1,639,050	80.1
9. Jasa sosial	502,847	4.87	519,491	7.01	-16,644	-3.2
10. Lain-lain	1,137,941	11.02	707,187	9.54	430,754	60.91
TOTAL	10,326,374	100	7,414,757	100	2,913,408	39.29

**Sumber data: PT Bank Syariah Mandiri 2007**

#### **4.5 Pandangan Tokoh Masyarakat Terhadap BSM Di Jawa Barat**

Pada umumnya masyarakat Jawa Barat memandang positif terhadap perkembangan BSM di wilayah ini. Sebab secara nyata BSM memang banyak membantu dalam meningkatkan perekonomian masyarakat. Dengan bergerak secara langsung ataupun tidak langsung dengan memberikan pembiayaan dari berbagai bidang pembangunan. Dari unit usaha kecil, unit usaha menengah,



mahupun raksaksa. Bahkan pada pribadi pun, BSM tak segan memberikan bantuan pembiayaan.<sup>382</sup>

Hanya sahaja, cawangan BSM masih sangat sulit di temukan di kota-kota kecil, terutama ATM BSM. Dan masih ada beberapa kesusahan hati dari pengguna, yang masih merasa kesusahan untuk meminjam uang dari BSM karena tidak mempunyai cagaran. Tapi dari banyaknya kesusahan hati, masih lebih banyak yang berasa senang dengan iyuran BSM kepada masyarakat dalam mengembangkan UMKM di sekitaran. Apatah lagi, BSM mempunyai acara khas untuk promotion di salah satu stesen televisi dalam rangka mensosialisasikan perkhidmatan juga keseluruhannya tentang untungnya menyimpan wang di bank syariah.<sup>383</sup>

Oleh sebab itu, Bank Syariah Mandiri tetap berpegang teguh untuk menjalankan visi dan misinya di dunia perbankan dengan membantu menghapuskan kemiskinan. BSM telah menjalankan salah satu misi pentingnya, iaitu untuk memokuskan diri pada UKM dan pengelolaan zakat, agar lebih efektif sebagai cerminan kepedulian sosial. Tapi ini semua belum disokong penuh oleh sumber daya manusia di BSM, yang betul-betul menguasai perbankan syariah.

Dalam rangka mengimplementasikan misi tersebut, BSM telah menyusun program pemberdayaan ekonomi masyarakat kecil untuk menyalurkan

---

<sup>382</sup> Muhamad Syafi'i Antonio (2001), *Op.cit*, h.24

<sup>383</sup> Agustianto (2005), *Op.cit*, h.18

pembiayaan produktif pada pengusaha submikro (kaum dhuafa), hal ini telah dilakukan oleh M Haryoko menyerahkan bantuan pembiayaan kepada 30 orang pemuda putus sekolah dan kaum dhuafa, peserta program pendidikan entrepreneur untuk angkatan pertama.<sup>384</sup>

BSM siap bersaing dengan bank-bank konvensional yang ada. Namun diperlukan bantuan serta sokongan dari setiap umat Islam di daerah ini. Tanpa ada sokongan umat Islam, jangankan berkembang menjadi pesat, bertahan pun akan sangat sulit. Potensi pengembangan perbankan syariah di Jawa Barat ini sangat besar, bermula dengan bidang industri, usaha mikro hingga industri pertanian yang juga menjadi tonggak penyangga ekonomi masyarakat.

Berkaitan dengan misi dan visinya tersebut, Haryoko yang didampingi Direktur Lembaga Amil Zakat (LAZ) Bangun Sejahtera Mitra (BSM) Umat, H Alam Sani, menyampaikan bahwa semua kegiatan BSM merupakan bentuk kewajiban sosial kepada lingkungan (corporate social responsibility) BSM, yang selama ini lebih terfokus pada kegiatan didik umat, kemitraan dan sosial kemasyarakatan.<sup>385</sup>

Berdasarkan fakta dan data yang ada, terbukti BSM telah banyak memberikan peran di Jawa Barat dan sekitarnya, khususnya dalam membantu mengembangkan perekonomian umat Islam yang pada umumnya sangat lemah dan

---

<sup>384</sup> *Republika*, Pada 26 Februari 2008. "Peran Serta Bank Syariah Mandiri".

<sup>385</sup> *Ibid.*

terpinggir, sehingga tidak dapat bersaing dengan pedagang-pedagang atau enterprenauer non muslim dan bangsa lainnya.

#### **4.5 Bank Syariah Mandiri Telah Berupaya Mendapatkan Penghargaan**

No	Nama Penghargaan	Pemberi Penghargaan	Atas Pretasi	Tanggal Penganugerahan
